

Jilid III
Bil. 5



Hari Isnin
13hb Mac, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera) [Ruangan 777]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 777]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

[Ruangan 844]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—Y.B. Dato Dr Affludin bin Haji Omar (Padang Terap)

[Ruangan 845]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.P-K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO Nc CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. An, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang),
- „ „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAPIN *alias* SHAPAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUJSSOP BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM. D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HHAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MoHD. Au (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BBN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., p.i.s. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, pj.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJTD, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P.,
A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penoiong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 13hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA**

**Cuti kepada Ahli—Kebenaran:
Y.B. Tuan Gooi Hock Seng**

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan pada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 20hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada kehadiran mesyuarat di bawah Perkara 52 (2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng, Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Bendera dari 6hb Mac, 1989 hingga 24hb Mac, 1989.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

OTO TIGA RODA (OTOBECA)

1. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan Oto Tiga Roda (OTOBECA) di beberapa bahagian kawasan pedalaman di pekan-pekan kecil termasuk kawasan-kawasan luar bandar dan Rancangan

Tanah Felda yang mana kebanyakan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan tersebut mendapati sukar untuk keluar ke bandar atau pergi dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan Oto Tiga Roda (OTOBECA) sebagai satu jenis kenderaan pengangkutan awam di negara ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah sebabnya perkhidmatan OTOBECA ini tidak boleh diperkenalkan di negara kita. Oleh kerana pada pandangan kita ada beberapa yang kebanyakan yang boleh dihidmat kepada rakyat, khasnya dari segi mengurangkan kadar pengangguran; yang kedua untuk membaiki perkhidmatan kepada rakyat jelata dan ketiga untuk mewujudkan beberapa ribu usahawan di dalam negara kita. Oleh yang demikian, saya ingin dapat tahu apakah sebab yang benar untuk pihak Kerajaan tidak memperkenalkan perkhidmatan ini.

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kenderaan OTOBECA ini tidak tergolong dalam takrif motokar-motokar yang dibina untuk membawa penumpang-penumpang dan barang-barang. Ini adalah kerana berat muatan bagi motokar-motokar adalah melebihi 3,000 kilo gram. Seperti Yang

Berhormat sedia maklum, OTOBECA hanya mempunyai berat tanpa muatan 270 kilogram sahaja. Oleh itu, kenderaan ini tidak mematuhi kehendak undang-undang iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987, Seksyen 51 (f).

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa apakah kita bercadang untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan bagi memenuhi hasrat rakyat terbanyak. Apakah kegunaan Oto Tiga Roda yang dilaksanakan di Thailand dan juga Indonesia, termasuk Filipina itu sudah membunuh banyak orang oleh kerana terlampau ringan. Adakah ia tidak sesuai di Malaysia atau sebagainya? Jadi, oleh kerana ini permintaan rakyat terbanyak, adakah kita bercadang untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan berkenaan.

Dato Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah dikemukakan kepada Kerajaan lama dahulu dan pada tahun 1985, Kabinet telah membuat keputusan iaitu tidak bersetuju OTOBECA diperkenalkan di negara ini. Oleh kerana itu buat sementara ini belum lagi Kementerian hendak meminda Akta ini untuk membolehkan OTOBECA diperkenalkan sebagai beca beroda di negara ini.

HARI PERSEKOLAHAN— PENETAPAN WAKTU

2. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) oleh kerana waktu-waktu sekolah di negara barat adalah lebih panjang dari di Malaysia, maka cuti sekolah di Malaysia akan dipendekkan. Sejauh manakah langkah ini menjamin pelajaran di negara ini akan setanding dengan kemajuan pelajaran di barat;

- (b) apakah tidak ada lain-lain sebab meletakkan mutu pelajaran di negara ini terkebelakang dari negara-negara barat. Jika ada sila terangkan sebab-sebabnya;
- (c) apakah lain-lain ikhtiar yang difikirkan untuk menaikkan mutu pelajaran di negara ini supaya setanding dengan negara-negara yang maju di bidang pendidikan; dan
- (d) oleh kerana Menteri berkenaan menyebutkan bahawa mutu pelajaran barat lebih baik, wajar Dewan ini dijelaskan sejauh mana kita ketinggalan dibandingkan dengan negara barat dan berapa lamakah kita dapat mengejar untuk menyaingi mereka.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, penetapan waktu dan bilangan hari persekolahan di Malaysia dari segi peraturannya tertakluk kepada peruntukan Akta Pelajaran dan Ordinan Kursus-Kursus Pengajian Sekolah. Apa yang dibayangkan tentang kemungkinan cuti dipendekkan sedikit. Ini adalah mengambilkira dengan cadangan cuti penggal persekolahan yang baru. Oleh kerana cuti penggal persekolahan yang baru mengambilkira iklim dan suasana khusus di Malaysia, maka adalah difikirkan wajar waktu cuti ini dipendekkan sedikit, itu pun agak kecil sekali. Kita bayangkan kemungkinan dibandingkan dengan keadaan di barat itu sekadar menjadikan bahan pengajian kerana kita dapati waktu persekolahan di barat jauh lebih panjang. Tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa ini tidaklah bermakna bahawa ini sahaja satu-satunya alasan untuk menunjukkan bahawa pendidikan di barat itu lebih bermutu ataupun dipendekkan waktu cuti tidak pula akan memberikan jaminan bahawa pendidikan kita akan dapat ditingkatkan mutunya.

Mengenai soalan kedua, saya ingin menjelaskan bahawa berdasarkan prestasi dan pencapaian pelajar-pelajar kita di luar negeri, termasuk universiti-universiti terbuka di luar negeri di Amerika Syarikat dan lain-lain, nyata pelajar-pelajar di Malaysia tidak dapat dikatakan ketinggalan, bahkan dalam beberapa bidang tertentu pelajar-pelajar kita menunjukkan minat dan keupayaan yang sama dan lebih baik. Oleh yang demikian, sistem pendidikan kita tidak boleh dikatakan kita belakang walaupun saya sedia akui bahawa ada beberapa bidang dan ruang tertentu yang harus diperbaiki termasuk untuk menjamin prasarana yang cukup baik kepada pelajar-pelajar di luar bandar.

Mengenai soalan yang ketiga, cadangan-cadangan mengenai kemungkinan ditingkatkan mutu pendidikan telah pun dikemukakan termasuk dalam beberapa laporan jawatankuasa dan yang paling akhir Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang mencakup di antara lain bidang kurikulum, latihan guru, disiplin, penilaian dan pengurusan pendidikan.

Selain daripada itu, kita telah mendapat maklumat bahawa pelaksanaan KBSR dan baru-baru ini KBSM adalah bertujuan di antara lagi menjamin keberkesanan dalam usaha untuk meningkatkan mutu.

Mengenal soalan terakhir, mengenai mutu pendidikan barat yang dikatakan baik, ini baik dalam beberapa bidang termasuk kajian mengenai teknologi, industri, penghayatan beberapa aspek budaya ilmu termasuk beberapa matapelajaran baru seperti komputer dan lain-lain yang baru sahaja diperkenalkan di Malaysia. Dalam bidang-bidang lain, kita rasa kita dapat bersaing tetapi dalam bidang khusus ini kita terpaksa menyediakan kelengkapan dan prasarana yang lebih baik di sekolah kita.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian bersetuju kalau saya katakan berpandukan kepada beberapa jawapan yang diberikan sekejap tadi, maka secara tidak langsung apa yang difikirkan oleh kita mengenai pelajaran ini masih berkiblat ke barat, bukan berpandukan kepada asas yang kita bina sendiri?

Soalan yang kedua, untuk mengatasi masalah cuti sekolah supaya tidak berlaku dan tidak terlibat murid-murid dengan peristiwa banjir dan sebagainya kerana suasana di negara kita tidak sama antara Malaysia Barat dan Timur, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah secara langsung iaitu untuk menggunakan tahun hijrah sebagai awal tahun persekolahan untuk menggantikan tahun Masihi, sebab saya rasa kalau digunakan tahun hijrah untuk menjadi awal tahun persekolahan, maka tidak timbul musim banjir dan sebagainya yang kita akan hadapi, walaupun ganjil nisbah dengan sis(em pelajaran barat? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan pertama, saya tidak bersetuju bahawa kita berkiblat ke barat dalam sistem pendidikan kita. Walau bagaimanapun, saya tidak akan menolak kenyataan bahawa kita masih menggunakan banyak dari ilmu yang diterokai dan diperolehi di barat sebagai sandaran kepada sistem pendidikan kita terutama dalam bidang-bidang seperti industri, teknologi, perkomputeran dan informatik yang nyata lebih maju di barat. Oleh yang demikian, dalam sistem pendidikan kita, kalau kita mahu terus maju dan bersaing, kita harus berpandukan kepada kemajuan di sana. Dalam soal akidah, nilai budaya, akhlak, sejarah—hal-hal ini haruslah kita terikat dengan tradisi agama dan budaya kita sendiri.

Mengenai soalan yang kedua, soal mengubah kepada tahun hijrah, kita tidak akan bersetuju kerana apa yang patut dibuat ialah untuk memperkenalkan tahun hijrah ini dalam sistem pendidikan supaya diketahui oleh pelajar-pelajar tetapi untuk menentukan sistem penggal persekolahan haruslah ditentukan berdasarkan suasana dan iklim atau cuaca di negara kita, kerana kalau kita ikut tahun hijrah akan sampai waktunya di mana peperiksaan masih di waktu banjir. Jadi, saya rasa cadangan kita ini lebih realistik dan praktik daripada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati jawapan kepada bahagian (c) mengenai dengan ikhtiar yang difikirkan oleh pihak Kementerian bagi menaikkan mutu pelajaran dan Yang Berhormat Menteri menyentuh tentang ikhtiar iaitu pelaksanaan KBSR dan juga KBSM bagi menaikkan mutu pelajaran. Tetapi kita dapati hari ini KBSM menghadapi masalah yang agak serius, yang besar seperti masalah ketidakcukupan kelas, ketidakcukupan kemudahan asas disebabkan oleh penambahan masa yang lazimnya sidang pagi bermula 7.30, selesai kira-kira jam 1.00 tetapi hari ini dilanjutkan sehingga jam 3.00 petang, manakala sesi petang pada sekolah dan tempat yang sama dimulai lebih kurang jam 11.00 lebih, kemudian tamat jam 6.00 lebih.

Jadi, saya ingin mendapat tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri bagaimanakah usaha-usaha yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah yang begitu ketara yang menjadi satu sungutan nasional di Malaysia kini dan apakah bentuk perancangan bagi menyediakan satu pelan bagi menjayakan KBSM ini? Terima kasih.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa ikhtiar untuk meringkatkan mutu pendidikan dalam konteks reformasi pendidikan yang kita bicarakan sekarang haruslah menjadi satu usaha yang berterusan dan dalam reformasi pendidikan ini yang kita tekankan ialah meningkatkan mutu secara keseluruhan termasuk penguasaan bahasa-bahasa, keterampilan pelajar-pelajar, soal nilai termasuk asas agama dan moral serta pendidikan jasmani dan keupayaan menguasai bidang seni. Namun saya juga bersetuju bahawa oleh kerana pelaksanaan itu buat pertama kali secara menyeluruh pada tahun ini—pelaksanaan KBSM—ada beberapa sungutan dari segi penyusunan jadual dan kemudahan-kemudahan yang sedia diadakan dan ibubapa belum biasa dengan anak-anaknya pergi ke sekolah lebih awal dan pulang agak lewat, sarna ada untuk sesi pagi dan petang dan juga beberapa pelajar Islam itu diarahkan untuk menyempurnakan sembahyang berjemaah sebelum berangkat pulang dan dibangkitkan soal surau atau musalla yang agak kecil di sekolah.

Hal-hal ini diteliti di peringkat Kementerian dan sebaik sahaja kita mendapat maklumat tertentu dalam pelaksanaan peraturan ini, kita cuba menyelesaikannya. Dalam soal spesifik mengenai bangunan dan kemudahan sememangnya satu peruntukan yang agak besar dicurahkan untuk menyelesaikan masalah itu, tetapi saya akui masalah memang berbangktt sedikit.

KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH—KEJAYAAN

3. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) di seluruh negara dan bagaimanakah kedudukan, peranan dan prestasi serta aset yang terkumpul

dan apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan lagi kejayaan KPD bagi mencapai objektif penubuhannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) yang didaftarkan sehingga akhir tahun 1988 adalah sebanyak 78 buah KPD. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, KPD masih belum lagi ditubuhkan dan dijangka kita akan membuat kajian untuk memanjangkan konsep ini di negeri-negeri yang berkenaan.

Kedudukan KPD adalah memuaskan apabila diambil kira faktor-faktor berikut:

- (a) Cuma bergantung kepada projek daripada Pejabat Daerah;
- (b) Bersaing dengan kontraktor-kontraktor yang kukuh;
- (c) Konsep ini diperkenalkan pada tahun 1982 tetapi kebanyakan KPD ditubuhkan dalam tahun 1986; dan
- (d) Telah mulai menerokai bidang pertanian dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, peranan KPD adalah untuk menggembelkan tenaga rakyat tempatan dalam pembangunan kawasan mereka sendiri. Dengan cara ini KPD dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di samping mengawal pengaliran wang dan menyelesaikan masalah penghijrahan penduduk ke bandar. Berkenaan dengan prestasi pula, keahlian KPD adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Keahlian</i>
1982	1,100 orang
1986	22,000 orang
1988	25,000 orang

Bagi nilai saham pula, bagi tahun 1982 saham terkumpul adalah sebanyak \$25,000. Pada tahun 1986 \$800,000.00 dan bagi tahun 1988 saham terkumpul telah meningkat kepada \$1.2 juta. Bagi nilai projek KPD dalam tahun 1982 adalah sebanyak \$130,000; tahun 1986 nilai projek telah meningkat kepada \$7.5 juta dan bagi tahun 1988 nilai projek yang telah dilaksanakan adalah \$16.4 juta. Harta yang terkumpul dalam tahun 1988 adalah sebanyak \$2.27 juta.

Usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak Kementerian adalah:

- (a) menggalakkan KPD menceburi bidang industri kecil berasaskan kepada bahan-bahan mentah;
- (b) menggalakkan KPD menceburi bidang pertanian dan ternakan; dan
- (c) mengadakan lebih banyak seminar, kursus untuk pengurus-pengurus dan ahli jawatankuasa dalam ilmu pengurusan dan pengenalan serta penilaian projek.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai KPD ini saya mendapat kefahaman bahawa seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidaklah seindah ataupun sebegitu rupa dari segi lesen yang diberi, kerana sebahagian besar daripada 78 buah KPD lesen diberi hanya Kelas F. Dari segi sub-kepala untuk kontrak-kontrak kepada KPD tadi terhad, saya difahamkan oleh salah seorang pengurus KPD di kawasan saya hendak masuk tender jalan yang hanya \$5,000 pun tidak boleh kerana tidak diberi. Apabila pergi ke PUSAKABUMI katanya mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian. Soalan saya, apakah langkah Kementerian untuk menaikkan taraf dari segi Kelas F

setelah koperasi itu mampu ataupun jika mungkin beri secara automatik kerana telah berjalan begitu lama ternampak kemampuan KPD itu sendiri.

Kedua, tentang KPD, Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana perancangan atau pelaksanaan telah diberi untuk menjamin KPD itu melibatkan diri dalam industri kecil dan juga di bidang pertanian sebab perkara ini kepada koperasi yang khusus terlibat dengan pertanian sendiri pun masih belum menampakkan kesan yang baik dari segi bidang pertanian itu sendiri.

Ketiga, dari segi peluang penumpuan khusus kepada kerja-kerja kontrak tetapi bagaimana kerjasama daripada jabatan-jabatan terlibat, misalnya, JKR, JPT dan sebagainya di daerah masing-masing untuk menolong KPD daerah di seluruh negara ini. Terima kasih.

Dato' Ng Cheng Kuai: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Kementerian saya terdapat 32 buah KPD yang mempunyai kontraktor Kelas F, 12 buah KPD mempunyai Lesen Kontraktor EX, 11 buah KPD mempunyai Lesen Kontraktor D. Mengenai soalan yang disebutkan atau yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya memang sedar bahawa memang ada sebahagian KPD yang masih belum diberikan lesen PUSAKABUMI. Tetapi masalah ini sedang diuruskan oleh kedua-dua pihak iaitu Kementerian saya dan PUSAKABUMI dan bagi KPD-KPD yang masih belum memperolehi lesen kontraktor, perkara ini sedang diuruskan dan disemak dari masa ke semasa.

Bagi menjawab soalan yang kedua, iaitu untuk KPD menerokai bidang-bidang baru yang masih belum mencapai tahap yang memuaskan, pihak-Kementerian saya berpendapat bahawa bidang-bidang baru adalah di

luar kawasan kegiatan KPD-KPD yang berkenaan dan mereka memerlukan sedikit masa untuk menyesuaikan dengan persaingan dan penglibatan dalam bidang-bidang tersebut.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya apakah usaha-usaha susulan atau bimbingan yang telah diberikan kepada KPD-KPD bagi meningkatkan prestasi kerja mereka setelah mereka ini diberikan Lesen Kelas F kerana saya dapati dan saya mendapat tahu terdapat juga KPD-KPD yang tidak mampu menjalankan kerja-kerja walaupun diberi Lesen Kelas F di mana ada terdapat KPD yang lesennya digantung atau tindakan-tindakan penggantungan lesen oleh pihak PUSAKABUMI atau pihak Pejabat Daerah. Jadi sejauh manakah Kementerian memberikan bimbingan kepada KPD-KPD ini.

Yang kedua, dari segi struktur organisasi di peringkat daerah, terdapat pengarah-pengarah KPD yang dilantik oleh pihak Menteri dan dipilih oleh ahli-ahli. Dan terdapat juga percanggahan di setengah-setengah kawasan di antara Pengerusi dengan Yang di-Pertua KPD ini. Di antara dua jawatan ini yang manakah satu yang lebih berperanan.

Dato' Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan dalam jawapan asal saya tadi, Kementerian saya sedang berusaha untuk menganjurkan kursus-kursus atau seminar supaya dapat memberikan bimbingan kepada pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa KPD dalam masalah pengurusan, dalam masalah pentadbiran, pengelolaan KPD-KPD berkenaan, baik dari segi pentadbiran mahupun dari segi perniagaan. Mengenai perlantikan Pengerusi KPD oleh

Menteri, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah diperuntukkan dalam kebanyakan KPD-KPD yang mana undang-undang kecil membenarkan.

INDUSTRI KECIL- PERTUMBUHAN

4. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) untuk menggalakkan pertumbuhan perindustrian kecil apakah agensi Kerajaan yang sudah ditubuhkan untuk membantu membangunkan perindustrian kecil;
- (b) apakah insentif yang telah diberikan perindustrian kecil;
- (c) dalam jumlah keseluruhan hasil keluaran perindustrian negara, berapa peratuskah sumbangan perindustrian kecil;
- (d) dari jumlah pekerjaan dan gunatengah negara, berapa peratuskah kadar pekerjaan dalam perindustrian kecil.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):

Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Banyak agensi-agensi Kerajaan yang telah lama ditubuhkan untuk membantu membangunkan industri kecil. Sehingga ini terdapat sebanyak 37 agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan industri kecil. Di antara agensi-agensi itu ialah Pusat. Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Bank Pertanian Malaysia, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan (MIDF) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

(b) Galakan yang telah diberi kepada industri kecil adalah:

- (i) taraf perintis;
- (ii) pengecualian sepenuh daripada duti/cukai ke atas mesin/bahan mentah/komponen/kelengkapan;
- (iii) elaun pelaburan semula sebanyak 50%;
- (iv) pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5% bagi industri besar yang membuat pembelian dari industri kecil;
- (v) potongan cukai dua kali bagi kos latihan;
- (vi) pengecualian cukai pembangunan bagi pendapatan kurang dari \$5,000;
- (vii) galakan duti setem yang lebih rendah bagi perjanjian pinjaman;
- (viii) galakan duti setem yang dikecualikan bagi perjanjian pajakan yang kurang dari \$2,400 setahun;
- (ix) galakan cukai jualan yang dikecualikan bagi jualan yang bernilai kurang dari \$100,000 atau dalam kes upah kurang dari \$20,000 setahun.

Terdapat juga galakan cukai yang lain yang mana industri-industri kecil boleh mendapatkan bersama-sama industri besar. Galakan-galakan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pengurangan pendapatan larasan untuk eksport;
- (ii) potongan cukai sebanyak dua kali lagi perbelanjaan untuk menggalakkan eksport ke luar negeri;
- (iii) galakan yang berbentuk potongan cukai bagi perbelanjaan pendidikan dan pembangunan;

- (iv) pengurangan pendapatan
larasan sebanyak 5% untuk
lokasi.

Mengikut penyiasatan perindustrian pada tahun 1986, sumbangan perindustrian kecil yakni yang mempunyai pekerja kurang dari 50 orang adalah 9.6% daripada jumlah keseluruhan hasil keluaran perindustrian negara.

Mengikut penyiasatan perindustrian tersebut juga, kadar pekerjaan dalam perindustrian kecil ialah 16% daripada jumlah pekerjaan dalam perindustrian negara. Untuk mendapatkan perangkaan yang lengkap dan kemaskini mengenai industri kecil, Kerajaan sedang menjalankan banci peringkat pertama.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak boleh dinafikan bahawa kebanyakan pengusaha-pengusaha kilang kecil di negeri ini masih kekurangan pengetahuan atas insentif atau galakan yang diperuntukkan kepada mereka. Ini mengakibatkan kemunduran atau memundurkan perkembangan industri kecil di negara ini. Memandangkan hakikat ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu pusat penerangan atau agensi yang khas untuk membantu pekilang-pekilang kecil ini untuk mendapat insentif dan galakan yang sepatutnya.

Kedua, saya minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementeriannya bersedia untuk membantu pengusaha-pengusaha kilang kecil di Kuala Lumpur, sebab terdapat tidak kurang daripada 4,500 kilang kecil di Kuala Lumpur masih belum berlesen dan sentiasa menghadapi masalah tindakan penguatkuasaan dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, oleh sebab mereka tidak berlesen. Ini pun mengakibatkan mereka tidak layak menikmati insentif atau galakan.

Dato' Kok Wee Kiat Tuan Yang di-Pertua, di Kementerian saya ada satu bahagian yang istimewa untuk membantu industri-industri kecil, dan bahagian itu menjaga kepentingan semua industri-industri kecil.

Mengenai soalan kedua, lesen itu bukan dikendalikan oleh Kementerian saya. Bagi 4,000 atau 5,000 pengusaha-pengusaha kalau mereka tidak mendapat lesen, itu satu perkara yang dikendalikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, banyak insentif-insentif yang telah diberi kepada pembangunan industri kecil. Tetapi dalam jawapan Yang Berhormat juga ada disebut bahawa hanya 9% sahaja daripada pengeluaran industri negara datang daripada industri kecil dan 16% sahaja pekerjaan disumbangkan oleh industri kecil. Soalan saya di sini, oleh sebab industri kecil pada masa ini masih lagi memberi sumbangan yang kecil kepada pembangunan industri negara, adakah Kerajaan bercadang mewujudkan banyak lagi insentif-insentif untuk pembangunan industri kecil sebagai satu sumbangan yang lojik di dalam pembangunan industri negara.

Soalan kedua ialah, sejauhmanakah pelan induk Pembangunan Industri Negara merangkumi aspek-aspek industri kecil dari segi integrasi industri berat dengan industri kecil khususnya ke kawasan-kawasan dan wilayah-wilayah miskin?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, memang benar sumbangan dari industri kecil pada masa sekarang tidak berapa besar. Oleh kerana itu Kerajaan kita sudah memberi banyak insentif-insentif untuk industri-industri kecil sahaja. Kementerian saya dari masa ke semasa mengkaji apa-apa

insentif yang kita boleh beri kepada sektor ini supaya sektor ini boleh dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, aspek-aspek industri kecil di Pelan Induk Perindustrian, di sini bolehlah saya menjawab soalan itu secara berikut:

Pada masa sekarang insentif yang istimewa ialah memberi taraf printis secara automatik kepada semua industri-industri kecil dan di sini semua aspek mengenai industri-industri kecil khususnya industri-industri kecil boleh jadi satu linkage, dengan izin, dengan industri besar, kita menggalakkan industri itu dan kita harap pada masa akan datang kita boleh beri insentif yang lebih tepat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato¹ Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff tidak hadir).

JALAN LUAR BANDAR— PERUNTUKAN PEMBINAAN

6. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) siapakah menentukan prioriti tempat di mana jalan luar bandar harus dibina di luar bandar; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan mengkaji semula peruntukan pembinaan jalan luar bandar supaya dijadikan kepada peruntukan individu Ahli Dewan Rakyat yang lebih mengetahui dengan mendalam kawasan Parlimen mereka masing-masing daripada orang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, perancangan pembinaan jalan-jalan di luar bandar adalah dibuat oleh pihak negeri sendiri. Senarai permohonan yang dikemukakan kepada Kementerian telah pun disusun mengikut keutamaan yang dikenalpasti oleh pihak negeri.

- (b) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula peruntukan pembinaan jalan luar bandar supaya dijadikan kepada peruntukan individu Ahli Dewan Rakyat. Ini memandangkan perancangan pembangunan sistem perhubungan dan rangkaian jalan luar bandar yang lebih teratur adalah melibatkan satu perancangan yang menyeluruh dan tidak memandang kepada satu-satu kawasan sahaja. Maka adalah wajar peruntukan jalan luar bandar dikendalikan oleh satu jabatan sahaja di samping dapat melicinkan segala urusan yang berkaitan dengannya. Tambahan pula pembahagian peruntukan terus kepada Ahli-ahli Dewan adalah tidak selaras dengan peraturan kewangan yang diamalkan oleh Kerajaan. Sebenarnya jawapan ini pernah dikemukakan di dalam Dewan ini bagi menjawab soalan yang sama dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama dalam bulan November, 1988.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji

Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai jalan-jalan yang telah diberi tanggungjawab kepada negeri seperti mana yang telah dijawab tadi. Soalan saya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyemak semula

dan merancang supaya jalan-jalan yang hendak dilulus dan dibuat itu dirunding bersama-sama dengan Wakil-wakil Rakyat kerana didapati beberapa jalan yang dibina adalah kadang-kadang jalan-jalan yang tidak perlu djberi keutamaan, sedangkan jalan-jalan yang perlu didahulukan tidak didahulukan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi segala perancangan pembinaan jalan luar bandar adalah dibuat oleh negeri, jadi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat untuk membincangkan perkara yang timbul itu dengan Kerajaan Negeri.

Dr Goh Cheng-Teik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kerajaan telah membina banyak jalan-jalan tanah merah tetapi nampaknya jalan-jalan tanah merah tidak boleh tahan terutama sekali dalam musim hujan. Oleh yang demikian, bolehkah saya tanya Yang Berhormat sama ada Kementerian beliau akan memberi keutamaan untuk mengtarkan jalan-jalan tanah yang telah dibina?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada satu peruntukan yang dikenali sebagai "Menaikkan Taraf Jalan Luar Bandar" dan sudah menjadi amalan Kementerian untuk menaikkan seberapa banyak taraf jalan luar bandar yang boleh kita buat. Sekiranya peruntukan yang diperolehi itu dapat membolehkan kita untuk melaksanakan seberapa banyak yang dipohon oleh Kerajaan Negeri, maka kita akan sentiasa memberikan keutamaan tetapi seperti yang kita menyedari bahawa dengan adanya "constraint" perbelanjaan ini, kita terpaksa membangunkan ataupun menaikkan taraf jalan ini secara berperingkat-peringkat.

BAYARAN LESEN TV

7. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa pada masa yang susah begini Kerajaan bercadang untuk menaikkan lesen tahunan bagi radio dan televisyen daripada \$24 kepada \$36. Apakah Kerajaan juga telah bersedia untuk menerima perbincangan mengenai gaji baru dengan para pekerja di negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Kerajaan telah menimbang dengan teliti cadangan menaikkan kadar bayaran lesen teleyisyen dan juga masalah bayaran lesen radio dan telah memutuskan seperti berikut:

- (i) Semua kadar bayaran bagi lesen radio baik untuk kegunaan di rumah mahupun yang digunakan di dalam kenderaan adalah dihapuskan.
- (ii) Kadar bayaran untuk televisyen bagi hitam/putih mahupun warna dikekalkan pada \$24 setahun.
- (iii) Lesen radio baik di rumah atau di kenderaan akan dikeluarkan dengan secara percuma.
- (iv) Semua pemilik radio dan televisyen hendaklah memiliki lesen yang sah sesuai dengan kehendak seksyen 14 (i) (a) Akta Penyiaran 1988.

Keputusan Kerajaan untuk menghapuskan lesen radio dan mengekalkan lesen televisyen \$24 adalah dibuat setelah menimbangkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Setelah mengambilkira pendapat dan pandangan rakyat jelata mengenai cadangan ini.
- (ii) Alat radio dan televisyen adalah penting untuk rakyat dan negara.

- (iii) Untuk menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki alat-alat ini terutama radio agar mereka akan terus mendapat maklumat, pendidikan dan juga hiburan yang berguna bagi meneruskan proses pembinaan negara yang lebih wajar lagi berkesan.
- (iv) Untuk tidak menyusah dan membebankan rakyat jelata, terutama yang berpendapatan rendah.
- (v) Untuk mempercepatkan proses pengujudan suatu masyarakat yang bermaklumat dan peka terhadap masalah-masalah negara serta mengambil peranan yang cergas lagi positif bersama-sama dengan Kerajaan bagi menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan ini akan mengurangkan hasil Kerajaan sebanyak kira-kira \$6 juta setahun. Sambil itu, secara perbandingan kasar lesen televisyen di Malaysia adalah yang termurah sekati iaitu satu ringgit lebih rendah daripada lesen televisyen di Sri Lanka dan di Pakistan.

Saya mohon memaklumkan juga bahawa Kementerian sedang meneliti tarikh pelaksanaan keputusan Kerajaan ini. Maka dengan ini masalah menaikkan kadar bayaran lesen televisyen ini tidaklah timbul sama sekali.

Berhubung dengan bahagian kedua, iaitu mengenai gaji baru, Kerajaan telah pun memberikan pelarasan gaji kepada kakitangan sektor awam dalam tahun 1985-1986 dan akhir sekali dalam tahun 1988. Oleh hal yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan pelarasan gaji lagi buat masa ini.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sistem pembayaran lesen untuk televisyen telah pun dikemukakan kepada negara kita dalam masa bila kita tidak dapat pendapatan daripada iklan-iklan. Dan memandangkan dengan pendapatan Kementerian Penerangan begitu besar daripada iklan-iklan yang sedang diuruskan pada masa Sekarang, bolehkah pihak Kementerian menghapuskan sistem pembayaran lesen yang sedang digunakan pada masa kini.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat memutuskan di sini soal sama ada lesen televisyen akan dihapuskan seperti juga radio, ini kena dipertimbangkan. Walaupun ini merupakan satu cadangan. Ini hendaklah difikirkan oleh Kerajaan sama ada wajar atau tidak lesen televisyen dihapuskan seperti juga radio.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan yang lebih apakah yang menghalang Kerajaan daripada menghapuskan juga bayaran yang dikenakan terhadap lesen televisyen seperti radio walaupun diberi sebab tadi perbandingan dengan Sri Lanka \$1, Pakistan \$1, tak usahlah banding dengan Sri Lanka dan Pakistan sebab saya percaya kalau dihapuskan lesen televisyen tidak banyak merugikan Kerajaan, sebab lesen ataupun pendapatan daripada sumber lain pun lebih banyak.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, pungutan lesen televisyen bagi tahun lalu ialah berjumlah lebih kurang \$41 juta lebih, itu banyak. Jadi soal menghapuskan ini sama sekali

bukan tidak boleh—boleh, tetapi ini soal keputusan Kerajaan yang telah saya katakan tadi jika difikirkan wajar, itu terserah kepada Kerajaan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah kuttipan yang dijangka setelah sistem baru dilaksanakan nanti.

Yang kedua, Kerajaan sebenarnya mempunyai banyak cara untuk mengambil wang daripada televisyen atau radio, misal kata daripada import duty ataupun sales tax daripada kedai mereka boleh dapatkan, ataupun sebagaimana disentuh oleh Yang Berhormat yang baru bertanya tadi daripada iklan yang diadakan kerana sekarang waktu Berita pun iklan tiap-tiap 5 minit ataupun 3 minit. Jadi adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji kemungkinan ini supaya dihapuskan seluruhnya dan mengambil-bilkira bagaimana cara lain untuk mencari wang daripada itu secara tidak langsung supaya tidak dilihat oleh rakyat.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, pendapatan daripada iklan ialah sumber yang terbesar untuk RTM dan pendapatan bagi televisyen seperti yang telah saya katakan tadi, pungutan lesen adalah lebih kurang \$41 juta setahun. Ini merupakan pendapatan yang muktamat sama ada kecil ataupun besar setiap tahun. Jadi, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk menghapuskan sumber-sumber pendapatan ini untuk digantikan dengan sumber-sumber yang lain.

SKIM PINJAMAN ASN

8. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa baru-baru ini Kerajaan telah mengisytiharkan bahawa pinjaman dan institusi kewangan untuk

pinjaman ASN akan dibekukan selepas daripada bulan Mac, 1989. Memandangkan ramai lagi rakyat Malaysia tidak membuat pinjaman untuk pelaburan dalam ASN, adalah wajar tempoh pinjaman dari Bank-bank dilanjutkan. Sehingga hari ini berapa ramaikah rakyat Malaysia yang membuat pinjaman untuk pelaburan ASN dari pihak Bank-bank di negara ini dan berapakah jumlah pinjaman yang dibuat.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim pinjaman oleh institusi-institusi kewangan untuk tujuan pelaburan dalam ASN telah diwujudkan sejak tahun 1981. Walau bagaimanapun, skim pinjaman dari institusi kewangan yang melibatkan potongan terus dividen dan bonus kepada institusi kewangan berkenaan hanyalah bermula pada tahun 1986.

Baru-baru ini, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) telah memaklumkan kepada pihak institusi kewangan bahawa mulai 1hb Mac, 1989, ASNB tidak akan menerima permohonan pembelian sijil Skim ASN yang dibuat melalui pinjaman daripada institusi-institusi kewangan di mana dividen dan bonusnya dibayar terus kepada institusi-institusi kewangan tersebut. Kemudahan ini terpaksa dibekukan bagi membolehkan usaha-usaha memperluaskan sistem memproses urusniaga skim-skim selepas 1990. Walaupun bagaimanapun, pinjaman yang tidak melibatkan potongan terus dividen dan bonus kepada institusi kewangan masih diteruskan.

Begitu juga pinjaman yang dibuat sebelum 1hb Mac, 1989, di mana dividen dan bonus dibayar terus kepada institusi kewangan juga akan berterusan. Sehingga 31hb Oktober, 1988 seramai 61,219 pelabur yang telah membuat pinjaman dengan institusi-institusi kewangan untuk

pelaburan di dalam Skim ASN dengan jumlah pinjaman bernilai lebih dari \$706.97 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menggalakkan pelabur-pelabur Skim ASN melabur 100 peratus menerusi pinjaman. Ini adalah kerana sebab-sebab berikut:

- (i) adalah lebih wajar bagi bumi-putera melabur menggunakan wang sendiri kerana melabur menerusi pinjaman adalah membebankan sipeminjam tersebut. Beliau terpaksa membayar balik pinjaman setiap bulan buat beberapa tahun;
- (ii) pihak Kerajaan mahu menanamkan tabiat suka menyimpan dan melabur. Kesedaran ini perlu ditanam untuk jangka panjang dan boleh melahirkan generasi masyarakat yang rajin menyimpan hasil dari pendapatan lebihan mereka; dan
- (iii) melabur menerusi pinjamar. boleh menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan setengah-setengah masyarakat kerana hanya segelintir sahaja yang berupaya meminjam dan mendapatkan manfaat darinya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat tadi, tidak digalakkan untuk meminjam 100 peratus. Memang betul tidak dapat, kalau hendak pinjam \$50,000 memang tidak boleh, hanya \$39 ribu boleh dipinjam. Soalan saya ialah berlainan dari itu. Ramai yang mengatakan bahawa walaupun dividen dan bonus ASN diberi sekarang 13% iaitu 9% dividen dan 3.25% bonus, ini mereka kata begitu tinggi dibandingkan dengan syarikat-syarikat dalam mana

PNB ada pelaburan, kerana yang banyak syarikat-syarikat yang mereka melabur di dalamnya sekarang tidak mampu memperolehi dividen dan bonus yang melebihi 10%. Jadi, apakah pihak Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa di masa akan datang dividen dan bonus ASN itu terus melebihi 10% sebagaimana yang diadakan sekarang.

Kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah pelaburan daripada \$50,000 ke \$100,000, sepertimana yang telah diumumkan sebagai satu cadangan oleh pihak Kerajaan buat beberapa tahun dahulu.

Tuan Muhamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan mengeluarkan dividen dan bonus bergantung kepada beberapa perkara yang melibatkan juga sedikit sebanyak dengan dasar sesuatu syarikat itu. Semasa ASN dilancarkan Kerajaan telah membuat beberapa pengumuman berkenaan dengan beberapa dasar. Salah satu daripadanya ialah dasar berkenaan dengan dividen dan bonus, dan pembayaran dividen dan bonus ini selalunya tidak tetap dan kadang-kadang berubah. Oleh kerana itu, jika sekiranya Yang Berhormat dari Simunjan meminta supaya Kerajaan memberi guarantee—lebih kurang begitulah kalau saya mendengar soalan itu dengan betul supaya bonus dan dividen itu dibayar lebih daripada 10%. Saya ingat ini adalah satu perkara yang agak sukar untuk diberi jaminan, tetapi seperti yang telah pun diumumkan awal-awal lagi Kerajaan akan berusaha dan bergantung kepada kemampuan syarikat-syarikat itu sendiri. Jika sekiranya Kerajaan berjanji bahawa dividen dan bonus itu mesti tidak kurang daripada sesuatu peratus ini adalah sesuatu yang kurang munasabah.

Soalan yang kedua, mengenai tambahan \$50,000 kepada satu angka yang lebih tinggi, ia mungkin boleh dipertimbangkan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan yang di-Pertua, memandangkan dividen dan bonus yang dibayar oleh ASN kepada pencarum-pencarumnya adalah lebih baik kalau dibandingkan dengan faedah atau dividen yang dibayar oleh KWSP, saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan sebahagian daripada caruman oleh bumiputera dalam KWSP itu dilaburkan di dalam Amanah Saham Nasional ini untuk mendapatkan dividen yang lebih baik.

Kedua, mengenai pengumuman yang dibuat sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jumlah pelaburan daripada \$50,000 untuk dinaikkan atau ditambah lebih daripada \$50,000, saya rasa perkara ini telah beberapa kali dibincangkan, sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan dan saya ingin tahu bilakah Kerajaan boleh membuat satu keputusan muktamad tentang perkara ini. Adakah ia boleh dinaikkan atau tidak dan kalau boleh bilakah ianya akan dinaikkan. Saya rasa satu keputusan muktamad perlu diberi.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, rancangan atau pun caruman ke dalam KWSP dan ASN adalah dua perkara yang berbeza. Oleh kerana itu maka terpulanglah kepada seseorang yang mendapat kelebihan daripada bonus dan dividen itu memindahkan kelebihan itu kepada KWSP. Saya ingat Kerajaan tidak boleh memaksa seseorang itu memindahkan kelebihan bonus dan dividen daripada ASN itu ke dalam caruman KWSP. Walau bagaimanapun undang-undang KWSP membenarkan seseorang itu mencarum lebih daripada yang dibuat pada masa ini laitu yang minimal. Walau bagaimanapun saya ingat terpulanglah kepada pihak-pihak individu yang berupaya dan mendapat bonus lebih untuk memindahkan ataupun mencarum ke dalam KWSP.

Mengenai soalan kedua, seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan mungkin boleh menimbangkan cadangan menambah had maksima daripada \$50,000 ke angka yang lebih tinggi. Mungkin kalau sekiranya cadangan ini boleh diperdepankan kepada pihak-pihak yang berkenaan insya Allah boleh diberi satu pandangan yang serius dan berkemungkinan Kerajaan boleh membuat suatu keputusan yang lebih munasabah.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Jawapan daripada Yang Berhormat Dato' Dr Siti Zaharah kepada soalan Yang Berhormat Tuan Haji Hashim Safin mengatakan bahawa Kerajaan tidak ada cadangan lagi untuk meningkatkan had maksima pelaburan daripada \$50,000. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan Kerajaan kemungkinan bercadang. Jadi, yang mana satu betul, saya minta penjelasan sedikit. Terimakasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya jawab tadi "mungkin boleh dipertimbangkan"—itu sahaja. Tidak semestinya boleh dipertimbangkan. Jawapan saya gunakan "mungkin boleh dipertimbangkan"—itu sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih.

PEMBINAAN JALAN RAYA/ BEKALAN AIR DI KAWASAN PARLIMEN AMPANG JAYA— PERUNTUKAN

9. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah peruntukan yang diperuntukkan bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalanraya-jalanraya serta pembekalan air di kawasan Parlimen Ampang Jaya bagi tahun 1989 dan 1990.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jalan raya yang terdapat di kawasan Parlimen Ampang Jaya, Negeri Selangor Darul Ehsan adalah merupakan jalan negeri. Saya telah difahamkan bahawa peruntukan bagi pembinaan jalan raya adalah sebanyak \$4,012,000 dan untuk penyelenggaraan jalan raya adalah sebanyak \$460,000 bagi tahun 1989. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi tahun 1990 akan diketahui selepas sesi perbelanjaan pada hujung tahun ini.

Bagi bekalan air pula, untuk kawasan ini peruntukan pembinaan bagi tahun 1989 adalah \$1,010,000 dan untuk , penyelenggaraan adalah \$750,000 dan begitu juga peruntukan bagi tahun 1990 akan diketahui selepas ianya dibincangkan dalam sesi perbelanjaan pada hujung tahun ini.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berterima kasih kepada Yang Berhormat. Dato' Menteri atas simpatinya terhadap para penduduk di kawasan Parlimen saya dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri, pada anggaran beliau berapa keluarga atau penghuni individu yang akan dapat manfaat daripada projek-projek pembekalan air yang tersebut tadi?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kawasan Parlimen Ampang Jaya ialah satu kawasan yang sedang membangun, mempunyai banyak masalah oleh kerana ada juga rumah-rumah setingan lebih dari 2,500 di kawasan itu. Jadi, Kementerian saya telah menjalankan beberapa rancangan untuk mengaturkan pembekalan air dan juga jalan-jalan raya yang sedia ada. Saya tidak boleh beri butir-butir di Dewan yang mulia ini. Saya minta Yang Berhormat jikalau mahu juga lebih butir, saya minta notis.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tahu adakah soalan No. 9, ini teratur supaya memastikan pihak Barisan Nasional dapat kemenangan dalam pilihanraya kecil Ampang Jaya dan jika ya, adakah ini merupakan satu strategi akan digunakan oleh pihak parti pemerintah pada masa yang akan datang? (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada juga pilihanraya kecil seperti ini dalam kawasan Ahli Yang Berhormat, saya punimbang memberi lebih projek seperti kawasan Ampang Jaya. (*Ketawa*)

FELDA—HAKMILIK TANAH PENEROKA

10. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengenai Hakmilik Tanah Peneroka FELDA:

- (a) sebutkan beberapa jenis dan jumlah hakmilik tanah yang dikeluarkan bagi tiap-tiap negeri masing-masing;
- (b) apa sebabnya peneroka FELDA masih menunggu Hakmilik Tanahnya setelah sudah selesai "Bayaran Kembali;" dan
- (c) terangkan jenis sekatan yang dikenakan di dalam Hakmilik Tanah mereka.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Hakmilik Tanah adalah diurus, disedia dan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Dua jenis hakmilik yang telah diberikan kepada peneroka-peneroka ialah Surat Hakmilik Individu dan Surat Hakmilik Kumpulan. Kerajaan telah menetapkan

iaitu mulai dari 26hb Oktober 1988, Hakmilik Kumpulan akan digantikan dengan Hakmilik Individu dan semua tanah peneroka FELDA pada masa hadapan dikeluarkan atas Hakmilik Individu sahaja. Sehingga ini jumlah peneroka yang telah menerima Hakmilik ialah 8,545 di 42 rancangan. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Kedah	834
Johor	2,420
Melaka	882
Selangor	428
Pahang	1,841
Negeri Sembilan	1,466
Terengganu ..	349
Perak	325

(b) Apabila peneroka-peneroka telah menyelesaikan Bayaran Kembali mereka kepada FELDA, maka FELDA akan mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Hakmilik Tanah kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk dikeluarkan Hakmilik Tanah kepada peneroka-peneroka berkenaan. Proses penyediaan Hakmilik tanah ini memakan masa antara 6 bulan hingga setahun. Surat Hakmilik Tanah akan diberikan kepada peneroka setelah didaftarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah.

(c) Jenis sekatan yang dikenakan di dalam Hakmilik Tanah peneroka dinyatakan dalam "Sekatan Kepentingan" iaitu:

- (i) Tanah ini tidak boleh dibelahbahagi atau dimiliki secara "undivided share;"
- (ii) Tanah ini tidak boleh sama sekali dipajakan;

(iii) Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau digadaikan melainkan selepas mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 11 hingga 44 adalah diberi di bawah ini).

ZAKAT DAN FITRAH—DRAF UNDANG-UNDANG

5. Tuan Mohd. Yusuf bin Abdul Latif minta Perdana Menteri menerangkan:

- (a) berbagai keputusan dan rumusan telah dibuat di dalam Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan yang diadakan di Pusat Islam tahun 1988. Sehingga kini apakah di antara keputusan dari rumusan tersebut yang telah dapat dilaksanakan;
- (b) apakah halangan-halangan yang merentangi pelaksanaan usaha murni tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) Sebagai langkah pertama, satu draf undang-undang zakat dan fitrah telah digubal dan diedarkan kepada pihak berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri untuk diterima pakai. Undang-undang itu akan memperkemas dan men-seragamkan pentadbiran zakat di negara ini. Sebahagian besar rumusan-rumusan yang dibuat dalam Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan itu telah pun diambil perhatian oleh

jawatankuasa yang menggubal undang-undang zakat dan fitrah tersebut itu.

- (b) Setakat ini tidak ada apa-apa masalah besar yang boleh menghalang pelaksanaan rumusan-rumusan itu.

MINYAK DAN GAS DI PERAIRAN KELANTAN— MENCARIGALI

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam usaha mencari gali kawasan minyak dan gas asli di perairan pantai negeri Kelantan dan sempadan Thailand. Bilakah kawasan itu dijangka akan dapat diterokai dan sejauh manakah faedah yang akan dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk kawasan yang berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Pada bulan Ogos 1988, sebuah kawasan di perairan negeri Kelantan yang dikenali sebagai Blok PM 2 telah diserahkan kepada sebuah konsortium yang terdiri daripada Home Oil Malaysia Ltd., Petro-Canada Malaysia Inc., Texaco Canada Malaysia Inc., PEXCO N.V. dan PETRONAS Carigali untuk menjalankan usaha-usaha mencarigali dan pengeluaran di bawah kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC). Di bawah kontrak tersebut, Konsortium ini akan membelanjakan 43 juta ringgit untuk kerja-kerja mencarigali di dalam tempoh tiga tahun dan menggerudi 4 telaga rambang di kawasan ini, bermula pada penghujung tahun ini.

Dengan bermulanya aktiviti-aktiviti mencarigali di kawasan ini, maka peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan dijangka akan terbuka kepada penduduk-penduduk setempat. Ini termasuklah peluang-peluang pekerjaan di luarpantai,

pembekalan dan penyajian makanan, pengangkutan dan lain-lain lagi perkhidmatan yang bersangkutan dengan industri petroleum.

Jika sekiranya pula minyak ditemui di dalam kuantiti yang komersial di kawasan ini, Kerajaan negeri akan menerima royalti sebanyak 5% daripada minyak dan gas yang dikeluarkan.

Salah satu lagi kawasan di perairan Kelantan ialah kawasan pembangunan bersama Malaysia-Thai. Perundingan dan perbincangan dengan pihak Kerajaan Thai masih berterusan untuk mendapat persetujuan bersama bagi menjalankan aktiviti-aktiviti eksplorasi di masa hadapan di kawasan ini.

SATE RIA

12. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apa sudah terjadi kepada Sate Ria. Bagaimana nasib penaja kecil yang pernah mendapat peluang berniaga melalui Franchise Sate Ria. Berapa ramai yang terlibat dan sejauh mana kebenaran ada pihak yang terlibat membawa kes ini ke mahkamah.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Projek Sate Ria yang dahulunya dikendalikan oleh Syarikat Sate Franchise Sendirian Berhad (SFSB) telahpun dijual kepada Index Holding Sendirian Berhad iaitu sebuah anak Syarikat Innovest Berhad pada 10hb. September 1988. Sehingga tarikh penjualan tersebut ada 70 pengusaha gerai Sate Ria dan 9 pengedar Sate yang dilantik oleh SFSB.

Bagi memastikan perjalanan perniagaan mereka yang berkenaan tidak terjejas oleh penjualan Sate Ria ini, tuan punya projek Sate Ria yang baru telah bersetuju mengiktiraf perjanjian di antara SFSB dengan pengedar-pengedar dan tuan-tuan punya gerai-gerai Sate Ria supaya

bekalan sate mentah terus dibekalkan kepada mereka. Persetujuan ini telah dimasukkan di dalam perjanjian jual beli di antara SFSB dengan Index Holding Sendirian Berhad. Pihak Kementerian dan MARA akan sentiasa memastikan persetujuan yang telah dibuat itu diikuti oleh pihak berkenaan bagi menentukan tidak ada masalah yang akan timbul khususnya kepada peniaga-peniaga yang terlibat.

Sehingga ke tarikh ini belum ada apa-apa kes yang telah dibawa ke mahkamah berhubung dengan perkara ini.

PENANAM SAYUR/BUAH- BUAHAN—MENGGUNAKAN RACUN SERANGGA

13. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan supaya penanam-penanam sayur dan juga buah-buahan tidak menggunakan Racun Serangga yang berlebihan bagi mengelak berulangnya kejadian di Singapura dan Johor Bahru.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian Pertanian untuk memastikan penanam-penanam tidak menggunakan racun serangga atau racun perosak lain yang berlebihan ialah seperti berikut:

1. Pegawai Pengembangan dari Jabatan Pertanian sentiasa melawat penanam sayur dan buah-buahan, untuk menasihatkan mereka supaya mengikut cara-cara yang betul dan selamat semasa menggunakan racun perosak. Penanam dimaklumkan tentang kepentingan mengikut kadar yang disyorkan di label racun perosak serta mengikut tempoh

menunggu selepas semburan terakhir sebelum mengutip hasil, supaya paras sisabaki racun dalam hasil mereka tidak tinggi.

2. Beberapa sesi dialog dan ceramah dengan penanam sayur dan " buah-buahan, telah diadakan untuk mendapat tahu masalah penanam supaya bantuan dan latihan boleh diberi. Di sesi-sesi ini, Pegawai Pengembangan juga mengambil peluang menekankan kepada penanam kesan-kesan buruk yang boleh berlaku jika hasil mereka dicemari dengan sisabaki racun perosak. Sesi dialog dan ceramah ini akan diteruskan di kawasan petani-petani.
3. Bingkisan-bingkisan, poster dan risalah juga telah diedarkan kepada penanam untuk memaklumkan mereka tentang cara-cara mengguna racun perosak secara betul dan selamat.
4. Analisa sisabaki racun perosak di dalam sayur-sayuran dan buah-buahan dijalankan di Makmal Sisabaki, Jabatan Pertanian. Keputusan analisa dihantar kepada Pegawai Pengembangan untuk dimaklumkan kepada penanam yang terlibat. Keputusan analisa juga dihantar kepada Kementerian Kesihatan, yang bertanggungjawab mengawal sisabaki racun perosak di dalam makanan iaitu di bawah Akta Makanan 1983.
5. Satu sistem menanda bakul sayur telah dikuatkuasakan oleh Kementerian Pertanian bagi semua sayur-sayuran dari Cameron Highlands yang akan dieksport ke Singapura. Sistem ini akan diperluaskan kepada eksport sayur-sayuran dari tempat lain tidak lama lagi. Tujuan sistem menanda bakul ini ialah untuk mengenalpasti

penanam-penanam yang telah menggunakan racun perosak dengan cara tidak betul.

6. Kajian kemujarapan dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk memastikan bahawa racun perosak yang didaftarkan adalah berkesan ke atas perosak sasaran.

Berkenaan dengan kawalan sisabaki racun perosak di dalam makanan, ini adalah di bawah Akta Makanan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan. Analisa sayur-sayuran mengambil masa yang panjang, dan oleh sebab sayur-sayuran tidak boleh tahan lama, analisa ini biasanya tidak sempat diselesaikan sebelum sayur-sayuran tersebut dijual. Walau bagaimanapun, penjual sayur-sayuran yang didapati dicemar dengan sisabaki racun perosak boleh didakwa di bawah Akta Makanan, selepas keputusan analisa didapati.

MENYIKSA ORANG YANG DISYAKI MELAKUKAN KESALAHAN

14. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orangkah pegawai-pegawai polis setakat ini diberhentikan hasil dari arahan Ketua Polis Negara untuk menghentikan amalan menyiksa orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan. Apakah cara-cara lain selain dari seksaan yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat dari orang-orang yang disyaki itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Semenjak Ketua Polis Negara mengeluarkan arahan supaya menghentikan amalan menyiksa orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan, tidak terdapat seorang pun pegawai/anggota polis yang diambil tindakan tatatertib dengan dikeriakan hukuman buang kerja kerana melakukan kesalahan tersebut.

Mengikut kelaziman, orang-orang yang ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan jenayah enggan bekerjasama dengan pihak polis dalam memberikan apa-apa maklumat yang diperlukan. Untuk mendapat maklumat lebih lanjut, pihak polis sentiasa menggunakan teknik penyiasatan yang saintifik dengan memperolehi bukti-bukti melalui pemeriksaan di tempat-tempat yang disyaki, mendapatkan maklumat menerusi sumber-sumber yang ada, membuat pemerhatian serta risikan, memperolehi bukti-bukti di tempat kejadian seperti kesan cap jari, kesan darah, kesan tapak kaki, pengecaman dari saksi-saksi, mendapat bantuan dari Jabatan Kimia serta melalui kaedah kaunseling serta rayuan dari orang-orang tertentu yang ada kaitannya dengan orang-orang yang disyaki. Apa bentuk kekasaran, penyiksaan dan salahguna kuasa yang dikatakan terhadap polis akan disiasat dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas mereka mengikut tindakan undang-undang.

LETRIK DI LUAR BANDAR— BEKALAN

15. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah penduduk luar bandar yang belum mendapat bekalan letrik dan nyatakan sebab mengapa kelewatan itu berlaku.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Untuk makluman yang Berhormat dengan siapnya projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang sedang berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan sekarang (projek tahun 1986-1989) dianggarkan lebih kurang 300,000 isi rumah lagi atau 17% di seluruh kawasan luar bandar yang masih belum mendapat kemudahan ini.

Kelewatan dalam menyediakan kemudahan ini kepada mereka antara lainnya adalah disebabkan oleh:

- (a) Kemampuan Kerajaan menyediakan peruntukan untuk program ini adalah terhad oleh kerana Kerajaan juga terpaksa melaksanakan projek-projek lain seperti sekolah, jalan raya dan sebagainya.
- (b) Rumah atau kampung yang masih belum dibekalkan adalah terpencil dan berselerak. Ia memerlukan peruntukan yang terlalu tinggi.
- (c) Agensi-agensi pelaksana mempunyai had keupayaan yang tertentu bagi melaksanakan sejumlah projek dalam tempoh sesuatu tahun. Oleh itu pelaksanaan projek terpaksa dibuat peringkat demi peringkat.
- (d) Perkampungan baru seperti perkampungan FELDA akan diwujudkan yang juga memerlukan bekalan elektrik. Dengan demikian usaha untuk mengadakan bekalan elektrik akan sentiasa berterusan.

PEMBEDAHAN KEPADA PERDANA MENTERI -KEBLJAKSANAAN PAKAR

16. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minta Menteri Kesihatan "Kebijakan-sanaan" Pakar-Pakar Perubatan negara kita membuat keputusan untuk melakukan pembedahan kepada Y.A.B. Perdana Menteri dari aspek-aspek:

- (i) Y.A.B. Perdana Menteri dimasukkan ke Hospital jam 1.00 pagi 18hb Januari dan pembedahan dilakukan pada 24hb Januari 1989;

- (ii) Kebijaksanaan membuat keputusan untuk melakukan pembedahan dalam negeri manakala ramai negarawan yang lain sebelum ini mendapatkan perkhidmatannya di luar negeri;
- (iii) Persediaan dari segi kepakaran dan kelengkapan peralatan yang tersedia ada; dan
- (iv) Masa depan perkhidmatan, kepakaran dan kelengkapan yang serupa di dalam negara yang dapat disediakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban); Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada amnya kita mempunyai segala kemudahan dan peralatan untuk membuat pembedahan jantung di dalam negeri. Hanya dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja pesakit dibenarkan atau dirujuk ke pusat-pusat rawatan di luar negeri.

Saya suka juga memaklumkan bahawa Pakar-Pakar bedah kardiothorasik di Hospital Besar Kuala Lumpur serta Pakar-pakar Kardiologi, Bius dan sebagainya, mempunyai kepakaran yang cukup untuk menjalankan pembedahan, seperti pembedahan coronary by pass yang dijalankan terhadap YAB Perdana Menteri pada 24-1-1989. Begitu juga alat kelengkapan yang diperlukan bagi pembedahan berkenaan telah pun ada disediakan dengan cukupnya.

Untuk masa hadapan Kementerian Kesihatan telah pun ada rancangan untuk membina satu Pusat Penyakit Jantung Kebangsaan yang mengandungi perkhidmatan-perkhidmatan kardiologi, bedah kardiothorasik dan penyakit dada. Apabila pusat ini diwujudkan nanti perkhidmatan kardiologi serta kepakaran dan kelengkapan yang perlu akan dapat dipertingkatkan lagi.

RANCANGAN RTM MELIPUTI SABAH/SARAWAK

17. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa hampir kesemua rancangan RTM hanya menitikberatkan perkara-perkara yang berlaku di Semenanjung dan kurang mengambil perhatian tentang perkara-perkara yang berlaku di Sabah dan Sarawak, terutama sekali dalam siaran berita dan rancangan Selamat Pagi Malaysia pada hari Ahad. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah liputan dari Sabah dan Sarawak supaya ketidakseimbangan itu dapat di atasi.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tidaklah benar bahawa RTM hanya menitikberatkan perkara yang berlaku di Semenanjung saja dan kurang memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berlaku di Sabah dan Sarawak, khususnya dalam Rancangan Berita atau Rancangan Selamat Pagi Malaysia. Dari segi liputan berita TV, RTM telah dan akan memberi liputan kepada semua peristiwa-peristiwa penting, tidak kira di mana ia berlaku di tanah air ini. Cuma siarannya mungkin dibuat di dalam Berita Wilayah atau Berita Perdana yang disiarkan pada lain-lain masa. Siaran berita di radio adalah lebih kerap dan juga memberi keutamaan kepada berita-berita tempatan melalui Siaran Wilayah dan tempatannya.

Rancangan Selamat Pagi Malaysia juga memberi liputan terhadap berbagai-bagai perkara yang berlaku di seluruh tanah air. Perkara-perkara yang berhubung dengan Sabah dan Sarawak pernah dimasukkan dalam siaran-siaran di masa lalu seperti mengenai pelajaran, kebudayaan, ekonomi, keagamaan dan lain-lain.

Di samping rancangan Selamat Pagi Malaysia banyak lagi rancangan-rancangan yang memberi liputan

kepada peristiwa di Sabah dan Sarawak seperti melalui rancangan Majalah Sabah/Dari Sabah, Senandung Seirama, Bingkisan Sarawak dan Majalah Sarawak.

Rancangan-rancangan mengenai perkara-perkara di Sabah dan Sarawak bolehlah diasing-asingkan lagi dari rancangan yang bercorak nasional untuk tujuan mempertingkatkan integrasi nasional dan perpaduan rakyat.

RACUN LALANG ROUND-UP

18. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan kenapakah kegunaan "Round-up" masih dibenarkan bagi membunuh lalang-lalang di tepi jalan khususnya di Larut yang mana menyebabkan tanah-tanah tepian jalan runtuh dan bahaya kepada kenderaan-kenderaan besar, bila berselisih di waktu hujan lebat, tidakkah Kementerian memikirkan cara yang lebih baik dari itu.

Dato' S. Samy Vellu: Jabatan Kerjaraya telah menggunakan racun lalang "Round-up" kerana ianya sangat berkesan untuk membunuh lalang.

Walau bagaimanapun, JKR telah pun menghentikan penggunaan racun itu kerana ia dapati sangat merbahaya kepada kesihatan dan juga boleh menyebabkan pencemaran, khususnya di kawasan-kawasan paya. Selain daripada itu juga boleh menyebabkan permukaan tanah terdedah dalam tempoh yang lama kerana rumput-rumput yang mati akan mengambil masa yang lama untuk tumbuh semula, dan keadaan ini boleh menyebabkan permukaan tanah dihanyutkan oleh hujan atau tanah runtuh. Bagi mengatasi masalah itu, JKR akan menggunakan cara biasa iaitu memotong lalang atau rumput, atau juga mencuba menggunakan racun dari jenis lain yang lebih sesuai dan tidak membahayakan.

PADI JENIS KOSHI-HIKARI

19. Tuan Huji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini apakah kejayaan percubaan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang dikenali dengan nama KOSHI-HIKARI dan adakah Kementerian ini akan meluaskan percubaan dengan benih KOSHI-HIKARI di kawasan-kawasan padi di negara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Pada masa ini terdapat banyak orang-orang Jepun berada di Malaysia dan terdapat juga banyak restoran Jepun yang dibuka. Beras yang diguna oleh orang Jepun dan restoran di Malaysia adalah beras yang diimport daripada negeri luar iaitu jenis CALROSE yang hampir sama dengan jenis JAPONICA yang dimakan oleh orang-orang Jepun di Negeri Jepun. Beras JAPONICA yang ditanam di Negeri Jepun tidak boleh dieksport oleh sebab dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Jepun. Beberapa orang Jepun telah bertanya sama ada padi jenis ini dapat ditanam di Malaysia.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah diarah membuat percubaan. Mengikut kajian MASA satu jenis padi JAPONICA yang dinamakan KOSHI-HIKARI adalah yang terbaik dan digemari oleh orang Jepun. Oleh itu MADA telah cuba menanam padi jenis ini.

Padi jenis KOSHI-HIKARI ini sebenarnya adalah padi yang sesuai dengan iklim temperate, jadi apabila ditanam di kawasan MADA hasilnya adalah kurang daripada perolehan di Negeri Jepun. Walaupun demikian dengan penjagaan yang rapi, hasil tanaman di kawasan MUDA mencapai tahap antara 2 hingga 4 tan sehektar dan boleh dikatakan berjaya.

Peringkat yang kedua adalah untuk mencuba pasaran. Jika harganya munasabah dengan kos pengeluaran.

padi ini akan ditanam sebagai pengganti- import beras CALROSE daripada Negeri Luar.

BARLOW DAN CHAMBERS— PENGAMBARAN FILEM

20. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa mini siri Amerika Syarikat—Australia "Long Way From Home" yang menceritakan kisah Barlow dan Chambers, yang digantung di Malaysia bagi pengedaran dadah, tidak diberi kebenaran melawat atau mengadakan penggambaran lokasi di Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Keputusan Kerajaan tidak membenarkan penggambaran mini siri bertajuk "Long Way from Home" yang menceritakan kisah Barlow dan Chambers yang telah dihukum gantung kerana mengedar dadah adalah dibuat atas kepercayaan bahawa pengeluaran filem tersebut boleh menimbulkan gambaran yang tidak diinginkan terhadap imej negara.

BAS MINI DI SABAH— KESALAHAN LALULINTAS

21. **Tuan Hsing Yin Shean** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bas-bas mini di negara ini terutamanya Sabah menyusahkan pengguna-pengguna jalanraya yang lain, pemandu-pemandu bas mini memandu seolah-olah jalan raya mereka yang punya dan berhenti bila-bila masa dan di mana sahaja mereka suka. Mereka juga senng menggunakan lorong laju di jalan raya dua hala walaupun memandu dengan perlahan. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap pemandu-pemandu ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Saya sedar bas-bas mini di Sabah banyak melakukan kesalahan lalulintas tetapi dalam masa yang sama, pihak penguatkuasa lalulintas di Sabah iaitu polis tratik sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas bas-bas mini tersebut. Di negeri tersebut tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas 2,210 orang pemandu bas mini yang meiakukan kesalahan lalulintas pada tahun 1987 manakala pada tahun 1988 pula, tindakan telah diambil ke atas 4,031 orang pemandu. Pihak Polis akan terus mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu bas mini yang melakukan kesalahan manakala pihak JPJ memberi bantuan dari segi mengadakan ceramah dan dialog dengan pemandu-pemandu bas mini.

PENDATANG HARAM— KEMASUKAN

22. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah langkah-langkah pihak Polis dan Imigresen untuk mengurangkan kemasukan orang-orang pendatang haram dari negara-negara berjiran, berkesan atau tidak, pada tahun 1987 dan 1988.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk mengukur keberkesanan tindakan Kerajaan mengurangkan kemasukan pendatang haram tanpa izin (PTI) ini, boleh dilihat dari jumlah kemasukan baru golongan tersebut, yang mana telah berkurangan, misalnya di Semenanjung sahaja dari 18,829 orang bagi tahun 1987 kepada 17,047 orang bagi tahun 1988.

Y.B. DATO OO GIN SUN— JAWATAN TIMBALAN MENTERI

23. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Y.B Dato' Oo Gin Sun telah meletakkan jawatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor); Untuk makluman, Y.B. Dato' On Gin Sun masih memegang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

TAHANAN POLITIK DI BAWAH ISA

24. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang tahanan politik yang sedia ada dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada ketika ini;
- (b) jika ada, bilakah mereka akan dibebaskan;
- (c) apakah bilangan orang-orang tahanan yang telah ditahan di atas tuduhan-tuduhan tertentu;
- (d) sila menerangkan jika Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ini dimenyeru bagi menahan atau menumpaskan ancaman menggulingkan Kerajaan dengan kegiatan atau serangan keras, atau Akta ini digunakan bagi sebab-sebab yang lain; atau
- (e) jika sekiranya Akta ini digunakan bagi sebab-sebab yang lain, sila nyatakan syarat-syarat yang menentukan seseorang itu berlayak ditahan-kan pembicaraan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) tidak ada orang-orang tahanan politik yang ada dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Yang ada hanyalah mereka yang ditahan atas sebab-sebab keselamatan negara.

- (b) tidak berkenaan.
- (c) semua orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ditahan berasaskan tuduhan-tuduhan tertentu.
- (d) Akta Keseiamatan Dalam Negeri adalah suatu Akta yang digunakan bagi tujuan-tujuan keselamatan dalam negeri Malaysia, tahanan pencegahan, pencegahan perbuatan subversif, menghapuskan keganasan yang diatur terhadap orang dan harta dalam kawasan-kawasan tertentu di Malaysia, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- (e) Pertanyaan Ahli Yang Berhormat kurang jelas dan mengelirukan. Semua tangkapan dan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah dibuat mengikut kehendak dan peruntukan undang-undang tersebut. Seksyen 73 (1) berkenaan berbunyi:

"73 (1) Mana-mana pegawai Polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan, sebelum penyiasatan, seseorang mengenainya ia mempunyai sebab untuk mempercayai:

- (a) bahawa ada alasan yang patut untuk menahannya di bawah Seksyen 8; dan
- (b) bahawa ia telah bertindak atau hampir bertindak atau mungkin bertindak dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau senggaraan perkhidmatan-perkhidmatan perlu di dalamnya atau kedudukan ekonominya."

Seksyen 8 (1) Akta berkenaan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat suatu perintah tahanan dengan tujuan untuk mencegah seseorang itu dari bertindak dalam apa-apa cara yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau kepada senggaraan perkhidmatan-perkhidmatan perlu di dalamnya atau kepada kedudukannya ekonominya.

LESEN LORI, BAS DAN TEKSI/KERETA

25. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) berapakah jumlah permit lori, bas dan teksi/kereta sewa semenjak 1985, 1986, 1987, 1988 dan berapakah pula untuk tahun 1989;
- (b) apakah Kementerian ini bercadang untuk menyerahkan tanggungjawab Lembaga Pengangkutan dan Pelesenan Jalan (LPPJ) kepada Kementerian Pengangkutan, kerana ianya lebih sesuai dan patut.

Dato Napsiah binti Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen-lesen lori, bas dan teksi/kereta sewa yang telah dikeluarkan bagi tahun 1985, 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

Jenis Lesen	1985	1986	1987	1988
Lesen Pemhawa A dan B (Lori)	2712	4414	2630	3678
Bas	617	666	757	402
Teksi/Kereta Sewa	292	480	930	760

Setakat ini Kementerian tidak dapat menentukan jumlah lesen yang akan dikeluarkan bagi tahun 1989 oleh kerana permohonan-permohonan yang diterima adalah masih dalam peringkat proses dan pertimbangan. Walau bagaimanapun, jumlah bagi tahun 1989 adalah bergantung kepada permohonan-permohonan dan keperluan.

Ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan telah menetapkan supaya Lembaga Pelesenan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam. Oleh yang demikian, Kementerian saya akan terus melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab seperti yang telah ditetapkan.

JAMBATAN PULAU PINANG— PERKHIDMATAN BAS

26. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada terdapat cadangan bagi meletakkan perkhidmatan bas di Jambatan Pulau Pinang.

Dato Napsiah binti Omar: Di masa ini belum ada cadangan dari pihak pengusaha-pengusaha perkhidmatan bas di Jambatan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberi berasaskan keperluan dan permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh pengusaha-pengusaha.

MUJAHIDDIN DI AFGHANISTAN— PENGIKTIRAFAN

27. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pihak Kerajaan Malaysia akan mengiktirafkan Kerajaan yang ditubuh oleh pihak Mujahiddin di Afghanistan selepas pengunduran tentera-tentera Rusia daripada negara tersebut yang berakhir pada 15 Februari 1989 dan apakah bantuan-bantuan yang telah dan akan diberi oleh Malaysia kepada pihak Mujahiddin.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia berhasrat untuk memberikan pengiktirafan pada masa

yang sesuai apabila Kerajaan sementara yang ditubuhkan oleh pihak Mujahiddin ini disahkan mendapat sokongan dari setiap kumpulan Mujahiddin, termasuk yang di Iran, serta sokongan oleh pemimpin-pemimpin tentera Mujahiddin yang boleh membawa kepada keamanan dan perpaduan di Afghanistan.

Berhubung dengan bantuan kita selama ini pula, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan sebuah Tabung Amanah iaitu Tabung Bantuan Kemanusiaan untuk mangsa-mangsa perang Afghanistan pada tahun 1984. Melalui sokongan dari segenap lapisan masyarakat terhadap tabung tersebut, kita telah berjaya memberikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa perang Afghanistan. Memandangkan bantuan ini adalah sebagai tanda sokongan dan simpati kita kepada perjuangan rakyat Afghanistan, Kerajaan berharap supaya rakyat Malaysia akan dapat terus memberi sumbangan ikhlas mereka kepada Tabung berkenaan.

Bagi bantuan Malaysia untuk mangsa-mangsa Perang Afghanistan pada masa hadapan, Kerajaan akan memberikan pertimbangan sewajarnya.

Adalah difahamkan juga bahawa sebuah pertubuhan bukan Kerajaan iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sedang berusaha untuk menjayakan Tabung Pemulihan Negara Afghanistan yang telah mereka lancarkan baru-baru ini. Selaras dengan pendirian Kerajaan, usaha murni oleh ABIM ini adalah disanjung tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus memberi sokongan dan bantuan sewajarnya kepada pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan termasuk ABIM supaya usaha-usaha murni ini dapat dibuat dengan jayanya.

AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM— KAJIAN

28. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Bahagian Pendidikan Islam di Jabatannya telah menjalankan satu kajian terhadap perkembangan dan kegiatan agama-agama bukan Islam, jika ya, apakah maksud kajian ini dan mengapa Kerajaan enggan menubuhkan sebuah Bahagian untuk agama-agama bukan Islam dalam Jabatannya bagi meliputi segala kegiatan dan perkembangan agama-agama ini dalam negara kita dan untuk menyelaras dengan Bahagian Pendidikan Islam atas perkara-perkara kepentingan bersama.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri tidak membuat kajian mengenai perkembangan dan kegiatan agama-agama bukan Islam di negara ini. Jika ada kajian seperti itu pernah dibuat mungkin kajian itu dilakukan oleh institusi-institusi pengajian tinggi atau oleh pelajar-pelajar untuk tujuan-tujuan akademik mereka.

Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan sebuah Bahagian di Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan pengembangan dan penyelarasan agama-agama bukan Islam kerana ini bukan tugas atau tanggungjawab Kerajaan dan adalah bertentangan dengan Perkara 11 (2) dan (3) dan Perkara 12 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri itu telah ditubuhkan atas keputusan mesyuarat Majlis Raja-raja pada 17 Oktober 1968 untuk berfungsi sebagai urusetia bagi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Di samping itu sepertimana Ahli Yang

Berhormat itu maklum Perlembagaan Persekutuan ada memperuntukkan tugas dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkaitan dengan perkembangan agama Islam dan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini.

EKSPORT MINYAK KELAPA SAWIT KE AMERIKA

29. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah anggarannya berkenaan dengan permintaan minyak kelapa sawit daripada negara Amerika Syarikat pada tahun 1988, 1989, 1990 dan 1991 berikutan kempen-kempen di negara itu yang memburukkan kegunaan minyak sawit kita.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Pada masa ini angka mengenai permintaan untuk minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat untuk tahun 1988 masih belum didapati. Akan tetapi eksport minyak kelapa sawit oleh Malaysia ke negara itu pada tahun 1988 ialah 178,724 tan metrik bernilai kira-kira \$163 juta.

Adalah juga sukar untuk dibuat anggaran mengenai eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke sesebuah negara, baik Amerika Syarikat walaupun mana-mana negara lain. Ini adalah kerana banyak faktor yang mempengaruhinya seperti harga, pengeluaran dalam negeri, keadaan ekonomi umumnya dan juga dasar-dasar baru yang mungkin diruangkan oleh negara yang berkenaan dari masa ke semasa. Akan tetapi, menurut Majalah "Oil World" purata penggunaan barangan-barangan minyak dan lemak di Amerika Syarikat akan meningkat dari purata 46 juta tan metrik untuk tahun-tahun 1983-1987 kepada purata 51 juta tan

metrik untuk tempoh 1988-1992. Ini merupakan penambahan sebanyak kira-kira 10.7%. Khusus mengenai minyak kelapa sawit "Oil World" menganjurkan bahawa penggunaan barangan itu di Amerika Syarikat akan meningkat dari purata 945,000 tan metrik bagi tempoh 1983-1987 atau 189,000 tan metrik setahun kepada 995,000 tan metrik di antara tahun 1988 hingga 1992 atau 199,000 tan metrik setahun. Anggaran ini memanglah tidak jauh bezanya dengan eksport sebenarnya sebanyak purata 922,172 tan metrik bagi tahun 1984 hingga 1988 atau 184,434 tan metrik setahun.

INSTITUSI KEWANGAN MENGALAMI MASALAH KEWANGAN

30. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan standard yang diguna untuk menentukan bentuk tindakan yang harus diambil dalam perangkaan semula pengurusan sesebuah institusi kewangan semasa ianya mengalami masalah kewangan yang tenat, misalnya, dalam kes-kes Bank Oriental, First Malaysia Finance Sdn. Bhd. dan Bank Pusat Kerjasama. Apakah pula faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah kredit yang disediakan oleh Bank Negara dalam setiap kes itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Bentuk tindakan yang lazimnya diambil oleh Bank Negara dalam usaha memulihkan institusi-institusi kewangan yang tenat adalah bergantung kepada keadaan setiap kes yang berkenaan. Dalam hubungan ini, Bank Negara terlebih dahulu akan membuat kajian ke atas institusi kewangan yang terlibat bagi mengenalpasti punca masalahnya. Sekiranya ia berpunca daripada masalah pengurusan dan lembaga pengarahnya, rombakan yang

sewajarnya akan dilakukan ke atas pengurusan dan lembaga pengarahnya.

Sekiranya institusi kewangan tersebut menghadapi masalah mudah tunai atau modal, pemegang-pemegang sahamnya akan diminta membuat tambahan modal yang secukupnya. Sekiranya mereka gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditentukan, Bank Negara terpaksa memberi bantuan sama ada dalam bentuk ekuiti atau pinjaman atau kedua-duanya sekali. Jumlah bantuan yang diberi adalah bergantung kepada jumlah yang diperlukan oleh institusi kewangan berkenaan bagi membolehkan mereka menjalan operasinya dengan selesa, di samping memenuhi kehendak modal minima yang telah ditentukan ke atas mereka.

Walau bagaimanapun, di kebelakangan ini, Bank Negara juga membuat tawaran kepada pihak-pihak lain untuk menambah modal dan menjadi pemegang saham dalam institusi-institusi kewangan yang diambilalih oleh Bank Negara, sekiranya pemegang-pemegang saham asalnya gagal berbuat demikian.

UNDANG-UNDANG SIVIL DAN SYARAK—MENYELARASKAN

31. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Abd. Latiff minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauh manakah usaha-usaha telah dibuat bagi mengenal pasti percanggahan-percanggahan antara hukum syarak dan hukum sivil untuk meleraikan rasa ketakutan dan kegerunan di kalangan orang-orang bukan Islam;
- (b) apakah hasil yang telah dicapai kini dan akan dihasilkan usaha

menyelaraskan undang-undang sivil dengan undang-undang syarak yang dibuat dari masa ke semasa;

- (c) adakah pernah dibuat pertemuan dan perbincangan antara kumpulan agama Islam dengan kumpulan bukan Islam bagi tujuan tersebut.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Sebuah Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil telah ditubuh pada bulan Februari 1988. Tugas jawatankuasa ini ialah mengkaji serta menyemak semua undang-undang yang berkuatkuasa sekarang untuk mengenal pasti apa-apa aspek yang bercanggah atau tidak selaras dengan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam dan mengemukakan cadangan-cadangan pindaan yang sewajarnya.
- (b) Pada masa ini Jawatankuasa tersebut menumpukan kajian terhadap undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam dengan tujuan untuk memperkemas dan mensejajarkan undang-undang itu di seluruh negara. Kajian terhadap undang-undang sivil akan dimulakan selepas selesai memperkemas undang-undang mengenai pentadbiran hal ehwal Islam itu.
- (c) Setakat ini belum pernah dibuat pertemuan dengan kumpulan agama bukan Islam mengenai penyelarasan undang-undang. Pertemuan seperti itu akan dibuat pada masa akan datang jika difikirkan perlu.

PEKERJA HARAM INDONESIA

32. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah yang dibincangkan antara Menteri Buruh dan pihak berkuasa Indonesia semasa lawatan rasmi ke Indonesia dalam bulan Oktober, 1988 mengenai perkara pekerja-pekerja haram Indonesia di Malaysia;
- (b) jumlah bilangan pendatang haram dalam sektor perladangan yang didaftarkan dengan Jawatankuasa Pengambilan Pekerja Asing sejak Kabinet memutuskan untuk memberi kelonggaran 6 bulan untuk berdaftar dengan Jawatankuasa; dan
- (c) adakah beliau sedar bahawa tempoh pendaftaran 6 bulan akan, hanya menggalakkan banjir besar pendatang haram terutama dari Indonesia. Kenapa tidak Kerajaan mengambil tindakan untuk menghantar semua pendatang haram terlebih dahulu sebelum membenarkan mereka memohon permit kerja dan surat kebenaran tertentu dan betul sebelum masuk semula; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa majikan-majikan akan mengawal dan mengawasi kegiatan-kegiatan pekerja semasa tempoh kontrak 3 tahun dan bahawa para pekerja akan dihantar balik semula ke Indonesia apabila tamat kontrak mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Semasa lawatan rasmi Yang Berhormat Menteri Buruh ke

Indonesia dalam bulan Oktober, 1988, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Tenaga Kerja Indonesia mengenai masalah pekerja-pekerja Indonesia yang telah masuk ke negara ini tanpa dokumen perjalanan dan bekerja tanpa pas kerja.

- (b) Sehingga kini, pihak Jawatankuasa Buruh Asing telah mendaftar seramai 368 orang daripada 1060 permohonan yang diterima daripada buruh-buruh tanpa izm Indonesia (PTI).
- (c) Tempoh 6 bulan ini tidak ada kena mengena dengan menggalakkan kemasukan orang baru. Kerajaan bersetuju tidak menghantar pulang Pendatang Tanpa Izin terlibat terlebih dahulu dan kemudian masuk kembali kerana untuk menjaga kepentingan ladang yang mungkin tergendala kerja-kerjanya sewaktu ketiadaan buruh-buruh berkenaan. Jika ini berlaku pihak ladang akan mengalami kerugian besar.
- (d) Setiap majikan terlibat memang dipertanggungjawabkan mengawasi kegiatan pekerja semasa tempoh kontrak. Di antara tanggungjawab tersebut ialah:
- (i) Majikan dikehendaki menandatangani surat jaminan dalam bentuk "security bond".
 - (ii) Pekerja tidak dibenarkan berpindah majikan.
 - (iii) Majikan dikehendaki menghubungi Jabatan Imigresen sekiranya pekerja ingin kembali ke negara asal.

(v) Tindakan tegas akan diambil terhadap majikan dan pekerja sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi.

(iv) Bila pekerja berhenti atau diberhenti, majikan dikehendaki memberitahu Jabatan Imigresen.

BAITULMAL—SUMBER WANG DAN HARTA

33. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan benarkah dalam negara kita ini ada mempunyai apa yang dikatakan BaitulMal, jika ya, apakah aktiviti-aktivitinya. Oleh kerana banyak rakyat yang masih tak tahu tentang perjalanan-perjalanan kemajuan sewajarnya mengikut saluran-saluran yang sepatutnya dengan kesesuaiannya sebagai BaitulMal.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: BaitulMal dalam pentadbiran, adalah suatu kumpulan wang ditubuhkan di bawah enekmen pentadbiran agama Islam negeri dan adalah ditadbirkan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Sumber wang dan harta BaitulMal berbeza antara sesebuah negeri dengan yang lain tetapi pada amnya adalah seperti berikut:

- (a) Wakaf.
- (b) Nazar.
- (c) Harta pusaka orang Islam yang tidak ada waris.
- (d) Derma atau amal jariah orang ramai.

BaitulMal tidak menjalankan apa-apa aktiviti tetapi wang kumpulan wang BaitulMal itu digunakan oleh Majlis Agama Islam untuk menjalankan berbagai aktiviti

mengikut sebagaimana yang di-benarkan oleh pentadbiran Hukum Syarak.

Sebagai contoh wang zakat digunakan untuk membantu fakir miskin dan pendidikan agama anak-anak orang Islam dan lain-lain mengikut Hukum Syarak. Harta wakaf digunakan sebagaimana maksud wakaf. Tanah-tanah wakaf yang boleh dimajukan dibuat bangunan-bangunan untuk sewaan bagi menambah pendapatan dan harta BaitulMal. Wang yang boleh dilaburkan adalah dilaburkan dalam syarikat-syarikat seperti Bank Islam dan lain-lain.

PERSIDANGAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR— PELANCONGAN DAN KEUNTUNGAN

34. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan memandangkan Persidangan Komanwel akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun ini apakah persediaan pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk menerima wakil-wakil Persidangan serta juga pelancong yang akan datang pada masa itu sempena Persidangan tersebut. Nyatakan juga berapakah anggaran keuntungan yang akan diterima oleh Malaysia daripada Persidangan ini nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman: Dari segi pelancongan, rancangan-rancangan yang diatur bagi menyambut wakil-wakil Persidangan serta juga pelancong yang akan datang pada masa itu adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan pakej-pakej lawatan dalam negeri bagi

mereka yang ingin melancong;

- (ii) menyediakan kemudahan produk dan infrastruktur pelancong di tempat-tempat tertentu;
- (iii) mengatur pertunjukan-pertunjukan kebudayaan semasa persidangan tersebut;
- (iv) menjaga kebersihan dan mengindahkan tempat-tempat yang dilawati terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur.

Berhubung dengan soalan kedua, adalah sukar untuk menganggarkan keuntungan pada masa ini. Walau bagaimanapun Kementerian ini yakin keuntungan itu tetap ada memandangkan penyertaan dalam persidangan tergolong daripada lebih kurang 50 negara-negara Komanwel.

KENAIKAN HARGA BARANG- BARANG

35. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan seruan beliau untuk memulaukan barangan-barangan yang tidak begitu perlu oleh kerana kenaikan besar ke atas harga-harga barangan tersebut, sama ada Kementerian beliau akan memberi bimbingan kepada pengguna-pengguna dengan mengenalpasti barangan-barangan yang tidak begitu perlu yang tertentu yang harus dipulaukan oleh pengguna-pengguna disebabkan oleh kenaikan harga-harga yang tidak berpatutan dan selain dari seruan untuk memulaukan ini, apakah langkah-langkah yang lain yang telah diambil oleh Kementerian beliau bagi memastikan bahawa harga-harga barangan tersebut tidak dinaikkan dengan tidak berpatutan.

Dato' Kok Wee Kiat: Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari kawasan Tebrau pada 8-3-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi, disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang maka Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju supaya jawapan itu diberi secara bertulis. Oleh itu saya berhajat tidak akan mengulanginya lagi.

(Soalan No. 36. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89).

PEKERJA ASING INDONESIA

37. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pekerja-pekerja asing Indonesia yang didaftarkan dengan Kementerianya dan bilangan dan jenis pekerjaan yang dipenuhi oleh mereka dan juga nyatakan bilangan pekerja-pekerja tempatan yang akan disenaraikan pekerjaan mereka akibat urusan pendaftaran ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri telah menerima sebanyak 1,000 permohonan daripada Pendatang Tanpa Izin Indonesia (PTI) untuk didaftar dan mendapatkan kebenaran bekerja yang sah. Permohonan mereka ini ada yang telah diluluskan dan ada juga yang masih dalam pertimbangan. Sekiranya permohonan mereka diluluskan, mereka akan hanya dibenarkan bekerja di sektor perladangan sahaja. Pengisian buruh-buruh ini adalah tidak melibatkan mana-mana buruh tempatan yang sedang bekerja di ladang, dan pengisian mereka juga adalah kerana pihak ladang tidak dapat mencari buruh-buruh tempatan.

BON CAGAMAS

38. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah penyimpanan yang dibenarkan (AD) yang memegang Bon Cagamas, Perbadanan Gadai Janji Kebangsaan, setakat ini dan berapakah jumlah faedah yang telah dikeluarkan bagi pembayaran faedah pertama dan kedua.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 18 buah institusi kewangan telah dilantik oleh Bank Negara Malaysia sebagai peniaga utama dan penyimpan yang dibenarkan (dengan izin, authorised depositories) bagi bon-bon Cagamas. Institusi-institusi itu juga adalah merupakan peniaga-peniaga utama bagi Surat Jaminan Kerajaan.

Sehingga ini jumlah faedah yang telah dibayar ke atas bon-bon terbitan pertama adalah sebanyak \$4.9 juta manakala bon-bon terbitan kedua adalah sebanyak \$15.9 juta.

BANK PUSAT KERJASAMA— BILANGAN PEMINJAM

39. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan masakini Bank Kerjasama Pusat (Co-operative Central Bank) dan dalam hubungan ini menyatakan:

- (a) jumlah bilangan siberhutang dalam CCB dan amaun yang dipinjam sehingga 28-2-1989;
- (b) apakah usaha-usaha yang dibuat untuk mendapatkan peminjam-peminjam utama membayar balik hutang mereka dan berapa banyak yang telah dibayar setakat ini sehingga 28-2-1989;

- (c) jumlah bilangan peminjam utama yang dikehendaki menyerahkan pasport mereka kepada Jabatan Imigresen dan dari bilangan itu berapa banyak yang telah berbuat demikian; dan
- (d) mengapa Kerajaan tidak menyetujui satu pelan menyelamatkan CCB dalam cara yang digunakan untuk menyelamatkan BMF dan Bank Rakyat dan mengapa ia perlu diletakkan di bawah penerimaan (receivership).

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman yang belum dijelaskan seperti dalam buku-buku CCB pada akhir bulan Pebruari 1989 ialah sebanyak \$1,765.6 juta. Pinjaman-pinjaman ini telah diberikan kepada lebih kurang 173,859 orang ahli-ahli koperasi,
- (b) Langkah-langkah, termasuk tindakan undang-undang terhadap peminjam-peminjam (terutamanya mereka yang mempunyai pinjaman besar yang tidak dijelaskan) telah diperhebatkan bagi mendapatkan kembali seberapa banyak yang mungkin pinjaman-pinjaman CCB. Bank Negara Malaysia menyokong sepenuhnya tindakan-tindakan CCB untuk mendapatkan kembali pinjaman-pinjamannya. Sehingga' akhir bulan Februari, 1989, CCB telah mendapat balik sebanyak lebih kurang \$187.0 juta, sama ada melalui penukaran cagar-cagar atau bayaran oleh peminjam-peminjam.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 57 orang telah diarah supaya menyerahkan dokumen-dokumen perjalanan mereka kepada Jabatan Imigresen. Semua mereka, kecuali 13 orang yang dipercayai masih berada di luar negeri atau mereka yang tidak diketahui dimana mereka berada sekarang, telah mematuhi arahan tersebut. Bank Negara telah tidak mengambil tindakan untuk menahan dokumen perjalanan Encik Vincent Tan Chee Yioun dan Datuk Loy Hean Hong kerana mereka telah mula membayar balik pinjaman-pinjaman mereka. Encik Vincent Tan umpamanya telah membayar balik \$48.4 juta setakat ini manakala Datuk Loy pula telah menjelaskan sebanyak \$3.35 juta. Kedua-dua mereka ini telah membayar balik pinjaman masing-masing melebihi jumlah yang dipersetujui mengikut jadual. Dengan sebab ini tindakan telah tidak diambil untuk menahan dokumen perjalanan mereka.
- (d) Kerajaan tidak boleh menyelamatkan CCB sama sebagaimana yang telah dibuat ke atas beberapa buah bank yang menghadapi masalah sebelum ini termasuk BMF kerana bank-bank perdagangan adalah diawasi di bawah Akta Bank 1973 dan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Oleh itu apa-apa masalah berkaitan dengan bank-bank perdagangan dikendalikan mengikut Akta/Ordinan tersebut. CCB sebaliknya adalah sebuah pertubuhan koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Operasi 1948. Oleh itu apa-apa masalah yang dihadapinya tidak boleh

diselesaikan berpandukan kepada kedua-dua Akta/Ordinan berkenaan. Dalam kes Bank Rakyat, Kerajaan telah memberi pinjaman sebanyak lebih kurang \$150 juta. Bank ini bukanlah sebuah bank yang gagal dan pinjaman yang diperolehi dari Kerajaan sedang dijelaskan.

PERMOHONAN TARAF PEMASTAUTIN TETAP

40. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan permohonan taraf pemastautin tetap oleh pelabur asing sejak tahun 1986;
- (ii) bilangan pelabur asing yang telah diterima sebagai pemastautin tetap dalam tempoh yang sama.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak pernah mengkategorikan permohonan Permit Masuk bagi mendapatkan taraf pemastautin tetap, mengikut golongan professional mahupun pelabur asing. Sesiapa saja yang layak boleh memohon dan pertimbangan akan dibuat mengikut merit seseorang.

(Soalan No. 41. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89)

DEBAT NAIB CANCELOR— AHLI BAGAN SERAI

42. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah beliau serius atau sekadar main-main saja apabila

beliau hendak mengatur majlis debat terbuka antara Naib Cancellor Universiti Malaya dengan anggota dari Bagan Serai seperti yang pernah dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini ketika membahaskan usul persendirian wakil dari Gua Musang hujung tahun lalu;

- (b) apakah langkah-langkah yang dibuat untuk mengadakan debat itu dan bilakah debat itu akan diadakan;
- (c) apakah untungnya dari segi perkembangan pendidikan di negara ini dan khususnya di Universiti Malaya bila Menteri itu bersetuju menganjurkan debat terbuka itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan masih belum menerima cadangan dari Y.B. Bagan Serai. Oleh itu debat berkenaan belum dapat diatur.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI RASUAH

43. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Rasuah dan Penyelewengan beliau akan mengarahkan semua ahli-ahli Jawatankuasa tersebut serta beliau sendiri membuat kenyataan mengenai harta-harta mereka dan kalau tidak, mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Y.B. Encik Anwar Ibrahim itu tidak perlu

meminta diisytiharkan lagi harta masing-masing sebab ahli-ahli dari para Menteri telah pun membuat pengisytiharan harta kepada Y.A.B. Perdana Menteri, dan bagi ahli-ahli dari kalangan Pegawai-pegawai Kerajaan pula sudah pun membuat pengisytiharan harta masing-masing mengikut peraturan Perkhidmatan Awam.

**PENYELEWENGAN JENAYAH
DALAM BENTUK PECAH
AMANAH**

44. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada:

- (a) terdapat bukti-bukti penyelewengan jenayah dalam Bank Kerjasama Pusat, Bank Oriental, First Malaysia Finance, Bank Sabah Bhd. dan SEG Insurance Sdn Bhd dan kalau ada, mengapa tidak ada sebarang tindakan yang diambil terhadap pesalah-pesalah itu; dan
- (b) jumlah wang yang telah disimpan atau dijamin oleh Bank Negara dalam tiap-tiap badan tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Bank Negara belum menjumpai sebarang bukti mengenai penyelewengan jenayah dalam Bank Oriental, First Malaysia Finance, Bank Sabah Bhd. dan SEG Insuran Sdn Bhd. Bagaimanapun, penyiasatan ke atas institusi-institusi kewangan tersebut masih dijalankan dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat sebarang penyetewengan di dalam mana-mana institusi tersebut.

Mengenai Bank Kerjasama Pusat pula, Bank Negara telah mempunyai bukti-bukti mengenai berlakunya penyelewengan dalam bentuk pecah amanah dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum melalui laporan akhbar-akhbar, mereka yang terlibat telah pun didakwa dan akan dibicarakan tidak lama lagi.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah wang yang telah disimpan atau dijamin oleh Bank Negara dalam tiap-tiap institusi tersebut adalah sebagaimana berikut:

(i) Bank Kerjasama Pusat	\$232 juta (dalam bentuk deposit biasa)
(ii) First Malaysia Finance	\$78 juta (dalam bentuk deposit biasa)
(iii) Bank Sabah	\$110 juta (dalam bentuk ekuiti).

Buat masa ini, Bank Negara Malaysia belum menyimpan atau menjamin apa-apa wang dalam Bank Oriental, manakala Syarikat SEG Insurance pula adalah dalam proses likuidasi.

**RANG UNDANG-UNDANG
DI-BAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PENDAFTARAN JURUUKUR
BAHAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerjaraya; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalim daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh". (10hb Mac, 1989)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk menyambung ucapannya, saya ingin hendak memberitahu bahawa dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri-menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat diberi satu hari lagi untuk berucap membahaskan Titah Ucapan Di Raja. Pada mulanya dijadualkan Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab pada 14hb dan 15hb Mac tetapi sekarang ini Yang Berhormat Ahli-ahli boleh berucap hingga hari esok, 14hb Mac 1989. Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab pada 15hb Mac 1989.

Yang Berhormat dari Kepong boleh menyambung ucapan. Saya beri beliau 5 minit lagi untuk menghabiskannya.

3.36 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, dengan kecacauan yang dilakukan oleh pihak Ahli-ahli Barisan Nasional, saya tidaklah dapat membuat ucapan yang sepenuhnya.

Pada 19hb Februari, 1989 Pemuda UMNO Baru yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah menekankan pengagihan ekonomi bagi bumiputera supaya membayangkan nisbah kependudukan kaum tersebut dalam negara. Beliau mengatakan bahawa agihan ini hendaklah ditingkatkan daripada 30% kepada 57% sedangkan kami sedar akan keperluan untuk membaiki ketidakseimbangan sosio-ekonomi di antara kawasan luar bandar dengan kawasan bandar serta keperluan untuk merapatkan jurang di antara golongan yang kaya dengan yang miskin. Namun kita amat terharu dengan pendekatan Pemuda UMNO Baru yang benar-benar bersifat perkauman khususnya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, pendekatan bersifat keterlaluan perkauman yang telah menimbulkan ketenatan perhubungan kaum di kalangan penduduk Malaysia.

Dan sedih sekali di dalam Dewan, yang mulia ini saya tidak pernah mendengar sama ada Wakil Rakyat dari parti MCA . . .

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah); (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat . . .

Dr Tan Seng Giaw: . . . Gerakan, MIC atau lain-lain parti komponen Barisan Nasional mengecam pendekatan perkauman yang dianjurkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pemuda UMNO Baru.

Dr Tan Seng Giaw: Kalau Yang Berhormat hendak memberikan saya 15 minit lagi, saya sanggup memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak beri.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila gulung.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, saya tidak pernah mendengar sama ada Wakil Rakyat dari parti MCA, Gerakan, MIC atau lain-lain parti komponen Barisan Nasional mengecam pendekatan perkauman yang dianjurkan oleh Pemuda UMNO Baru dan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

Kita tidak harus mengasaskan sebarang Dasar Ekonomi Negara semata-mata ke atas faktor kaum sahaja. Sewajarnya akhlak serta moral ekonomi yang menghendaki Dasar Ekonomi dirancang berasaskan kepada keperluan dan bukan ke atas kaum.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jawatankuasa Kabinet mengenai penyelewengan serta Jabatan Pencegah Rasuah dan pihak Kementerian Dalam Negeri belum mengambil tindakan yang berkesan terhadap beberapa kes penyelewengan misalnya Koperasi NESA yang diurus oleh Timbalan Presiden. MIC di mana receivers telah dilantik untuk mengambilalih Koperasi tersebut tetapi mereka yang pecah amanah belum ditahan atau aset-aset

mereka dibekukan sehingga penyelesaian dijumpai.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Magnum telah membayar \$32 juta kepada sebuah syarikat yang bernama Serita yang tidak pernah berniaga sejak tertubuhnya. Syarikat Serita ini adalah dipunyai oleh setengah-setengah ahli lembaga Magnum. Begitu juga dengan Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI) yang telah lenyapnya \$13 juta. Laporan polis terhadap kes-kes ini telah pun dibuat pada 14hb Januari tahun lepas dan 3hb April tahun lepas masing-masing akan tetapi rakyat masih menunggu tindakan yang bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah menunjukkan keazamannya untuk mencegah penyelewengan, kita haruslah menjaga hak orang ramai dan saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet itu dapat benar-benar melaksanakan cita-cita beliau di dalam mencegah segala penyelewengan dan amalan rasuah di negara ini. *(Tepuk)*

Saya bermaksud rasuah-rasuah yang raksaksa termasuk ikan-ikan jerung bukan ikan bilis yang bermaharajalela di negara ini, dan saya setuju bahawa banyak kes seperti ini hendak dapat bukti susah, kerana kaedah-kaedah dan cara-cara yang sofistikated itu digunakan oleh pihak penjenayah besar, Mafia moden.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, sebab saya tidak benarkan dia menyambung, kalau ada penjelasan, dia hendak sambung lagi, saya tidak beri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di bawah keadaan pentadbiran

Kerajaan yang terjerumus dalam kegiatan penekanan maklumat memutarbelitkan keadaan sebenarnya demi kepentingan politik serta mengekalkan pergantungan sebahagian masyarakat kepada pihak yang memerintah apakah agaknya hasil yang muncul daripada penubuhan sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai penyelewengan yang telah saya sebutkan tadi, sekian lama ini pihak Pembangkang telah berkali-kali lebih-lebih lagi apabila sesuatu skandal terbongkar menyeru Kerajaan supaya mengadakan jawatankuasa siasatan ke atas penyelewengan dan kecurangan yang berlaku di dalam dan di luar pentadbiran Kerajaan. Kandungan saranan yang serupa juga pernah dibuat oleh bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin dan Ketua Audit Negara sekarang Tan Sri Ishak Tadin.

Sikap yang diambil oleh Kerajaan terhadap kesemua saranan ini bak kata pepatah, didengar ada dipakai tidak, malahan ianya tidak menghairankan jika Kerajaan dengar pun tidak. Sementara saranan pihak parti Pembangkang ialah supaya menubuhkan satu jawatankuasa siasatan yang bebas daripada pengaruh pihak pemerintah, kerana kalau tidak begitu orang-orang terutamanya ikan-ikan jerung memang mempunyai saluran yang tertentu, mempunyai rakan yang tertentu yang boleh mencegahnya segala langkah-langkah yang bakal diambil oleh pihak Kerajaan terutamanya pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Jadi, orang mencucuk di sini, di situ, menghalang di sini menghalang di situ akhirnya tidak akan diambil tindakan yang berkesan dan bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar banyak bising seolah-olah pihak di sana menyetujui dengan segala aktiviti penyelewengan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Larut.

3.45 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya berucap mewakili rakyat seluruh Larut di Parlimen yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, syukur kita kepada Allah s.w.t. kerana dengan nikmat dan limpah kurnianya itu kita telah dapat bersama memulakan persidangan Parlimen Ketujuh Penggal Ketiga yang sama telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita kasihi. Kita merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia mencemar Duli untuk hadir merasmikan Persidangan Parlimen kali terakhir baginya.

Saya bagi seluruh rakyat Larut khasnya dan Negeri Perak amnya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarollahu-lahu Shah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Perak Darul Ridzuan yang telah dipilih menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kesembilan. Perlantikan ini adalah sesuai dengan kehendak masa dan kebolehan yang tidak boleh ditandingi oleh mana-mana Raja di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara Titah Ucapan Baginda, Baginda menyentuh mengenai pertumbuhan ekonomi negara yang mana menunjukkan satu prestasi yang baik di bawah pemerintahan Baginda dan Perdana Menteri yang kita kasihi, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal ekonomi, banyak perkara yang dipersoalkan termasuklah ekonomi pertanian yang mana Baginda mengharapkan bahawa pertanian diperbesar dan segala jenis tanaman yang boleh hidup di negara ini hendaklah ditanam dan terus ditanam tanpa mengharapkan tanaman atau barang-barang import dari negara-negara lain.

Ini bermakna bahawa machinery dan teknologi pertanian moden dalam semua aspek hendaklah dititik beratkan termasuklah menghidupkan semula tanah terbiar yang mana buat masa ini begitu luas sekali seperti tanah-tanah bendang, kebun-kebun getah dan tanah-tanah yang tidak kedapatan waris miliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyarankan kepada pihak bertanggungjawab supaya benar-benar bertanggungjawab bukan hanya sekadar metapas batuk di tangga sahaja. Bagi tahun 1989 Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi tanah-tanah terbiar di bawah Kementerian Pertanian, ilmu pertanian, ilmu pertanian bukan hanya setakat menjadi professor-professor atau mendapat ijazah-ijazah Ph.D. sahaja bahkan hendaklah diterapkan kepada semua sanubari rakyat supaya tiap-tiap orang sama ada di kampung atau di bandar-bandar benar-benar menghayati guna dan faedah bertanam cucuk. Kedapatan ketika ini bahawa masalah teori pertanian telah sampai ke kemuncak begitu tinggi banyak ditaburkan oleh seminar-seminar oleh cerdik pandai di

seluruh pelusuk negara tetapi soal pelaksanaannya sangatlah mendukacitakan hingga kehari ini. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan agak sekian lama peraksanaan masih lemah dan mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, segala kelemahan-kelemahan yang ada itu dari segi pertanian hendaklah dikaji sedalam-dalamnya dan dilaksanakan dengan segera kerana perkara ini tidak boleh hanya dibiarkan dan hanya dibahaskan dalam seminar besar-besar tanpa penerapan kepada rakyat jelata. Di dalam seminar besar-besar hanya orang-orang akademik sahaja dan intelektual bercakap dan juga professor-professor yang hanya menjadi pakar rujuk dan menjadi beban kepada kutub-khanah sahaja kerana teori-teori itu jika tidak disalurkan kepada lunas-lunas tertentu akan hanya tinggal teori dan buku rujukan sahaja. Kita tidak perlu kepada banyak seminar-seminar atau buku-buku rujukan. Kita perlu amalan praktikal yang efektif dalam bidang pertanian seperti di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah seminar-seminar dan kursus-kursus itu diadakan, tetapi kejayaannya hendaklah setimpal dengan apa yang dipraktikkan oleh negara, rakyat dan Kerajaan. Juga perlu kita mencari jalan dan insentif-insentif yang berkekalan supaya rakyat jelata ingin bercucuk tanam. Ini bermaksud bahawa pasaran-pasaran hendaklah juga dengan izin, consistant, tidak hanya seperti hangat-hangat tahi ayam seperti hantar pisang emas ke Jepun. Buat masa ini rakyat jelata belum terjamin boleh hidup secara mewah atau sederhana dengan tanaman-tanaman yang ada dan belum jelas kepada kita.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak apa?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan boleh mengenai pisang emas Ke Jepun?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan? Boleh beri, boleh beri?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduklah! (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan apa kaitan panas tahi ayam dengan pisang emas ke Jepun? Sebab saya rasa ada perbezaan dan kalau perlu barangkali dalam kesempatan ini, saya boleh jelaskan soal pisang emas ke Jepun daripada pihak FAMA.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Saya ingat Chairman FAMA duduk di kantin. Untuk penjelasannya begini. Ketika FAMA mengatakan pisang emas laku di Jepun, maka rakyat jelata pun pikul cangkul, semua pergi tanam pisang emas. Bila pisang sudah berbuah, mereka hendak hantar ke Jepun tidak dapat, hanya ke Chow Kit Road sahaja. Hendak lagi? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, mengenai hangat tahi ayam.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Mengenai hangat-hangat tahi ayam itu pepatah Melayu yang mana masa keluar hangat, lepas itu sejuk. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Sedikit lagi penjelasan? Apakah Yang Berhormat tahu bahawa sekarang soal pisang emas itu sedang dipertingkatkan usaha di segi pengeluaran untuk menjamin pemasaran lebih baik dan FAMA sedang meneroka pasaran lebih luas lagi.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Kalau itu, maka inilah tujuan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, masa ini rakyat jelata belum terjamin boleh hidup secara mewah atau sederhana dengan tanaman-tanaman yang ada dan belum jelas kepada kita bahawa hidup rakyat jelata khususnya bumiputera terjamin dengan hasil tanaman mereka. Ini termasuk ladang-ladang buah-buahan dan sayur-sayuran termasuk ternakan lembu, kerbau dan lain-lain bagi punca pendapatan ekonomi yang stabil dan justeru itu saya menyeru ekonomi pertanian dipertingkatkan lagi dengan apa sahaja jalan bagi kesejahteraan rakyat. Orang ramai perlu diberi peluang dan merujuk kembali kepada Buku Hijau bagi menentukan nasib mereka sekarang ini dan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jika rancangan pertanian dan bercucuk tanam diambil berat oleh kedua-dua pihak Kerajaan dan rakyat, masa hadapan rakyat lebih terjamin tanpa bergantung kepada hasil tanaman luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga menggesa supaya belia di tanahair merebut peluang pertanian yang luas terdedah kepada mereka termasuk belia-belia berijazah pertanian. Tuan Yang di-Pertua, dalam segi perdagangan dan perindustrian, kita mesti memusatkan pandangan kita kepada membanyakkan lagi barangan buatan Malaysia untuk dieksport kerana barang buatan Malaysia memang mempunyai potensi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masa ini memang diakui bahawa Malaysia terkenal dengan bijih timah, getah, koko dan kelapa sawit, tetapi kurang terkenal dari segi diversificationnya, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini boleh ditingkatkan melalui kestabilan politik dan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang ini. Justeru itu Malaysia telah berjaya menarik pelabur-pelabur asing walaupun ada di kalangan rakyat yang tidak taat kepada negara sentiasa cuba menjatuhkan imej Malaysia, tetapi orang-orang luar, pelabur-pelabur asing memang pandai menilai dan memilih yang mana kaca dan yang mana intan. Hasil yang kita capai setakat ini adalah kesan daripada pemerintahan dan kestabilan politik serta pentadbiran yang bijaksana yang mana setiap rakyat mesti akui. Jangantah hanya menggunakan segala kemudahan, keamanan, kemudahan nikmat keharmonian yang ada hanya untuk mementingkan diri atau satu puak dan sentiasa tidak menghargai apa yang telah akan dilaksanakan oleh Kerajaan yang bijak itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bijaksana dengan tertubuhnya industri berat bertujuan dan berhemah tinggi bagi melatih anak-anak muda di Malaysia berkecimpung dalam industri-industri berat sebagaimana kejayaan yang dicapai di negara Jepun, Taiwan dan lain-lain, terutama sekali di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi dan kecekapan pekerja-pekerja di negara kita hendaklah dipertambahkan dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa kita juga berupaya seperti negara-negara lain bagi mengeluarkan dan menghasilkan barang-barang buatan yang bermutu tinggi setanding dengan negara-negara di dunia ini. Walaupun buat seketika ini kita berbangga dengan pencapaian yang

ada, tetapi kita mesti ingat pencapaian itu bukan hanya seketika, bahkan kita mesti mempunyai dasar dan polisi, dengan izin, consistent dan bukan hanya untuk bermegah dengan keluaran sedikit-sebanyak, bahkan pengeluaran itu hendaklah dihargai berkekalan setiap masa segenap negara-negara luar sama ada jiran ataupun negara Eropah termasuk Amerika.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan ini hendaklah diselaraskan dengan negara-negara asing di mana penyelidikan teknologi moden hendaklah diteruskan. Swasta seharusnya memainkan peranan lebih utama, peranan yang mana bukan hanya bagi keuntungan rakyat sahaja, bahkan bagi kebahagiaan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga menyentuh tentang suasana aman damai, tenteram dalam negara kita yang mempunyai berbagai bangsa dan kaum termasuk DAP. Keadaan seperti ini hendaklah berterusan kerana sekiranya kita tidak menghormati antara satu sama lain maka ini sudah tentu tidak menguntungkan sesiapa. Sikap terbuka dan demokrasi yang ada di negara kita hari ini patut benar dihormati dan dihargai. Janganlah pula sesiapa pula membawa angkara bagi meruntuhkan keamanan dan perpaduan yang ada dengan mendatangkan segala ketegangan bagi kepentingan peribadi. Memang sudah nyata bahawa kita mesti ber-mesyuarah, bermuafakat dalam semua hal kerana Firman Allah s.w.t. "waamruhum syuura bainahum", kerja mereka itu hendaklah dimesyuarahkan. Mesyuarah ataupun consesus pula saya menyeru supaya semua rakyat di Malaysia ini menghormati demokrasi yang ada dan

tidak menggunakan demokrasi bagi kepentingan peribadi dan hendaklah jauhkan diri dari hasad, dengki antara satu sama lain. Insha Allah, Allah akan meredhai hidup kita sama ada di dunia dan akhirat. Firman Allah s.w.t. "Wa'tasimu bihablillaahi jamian wala tafarroqu. (Ali Imran 103)

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terpenting sekali di negara ini ialah perpaduan. Dengan izin, perpaduan ialah of paramount importance. Kerana pembangunan dan negara dan perkembangan ekonomi benar-benar tertakluk kepada perpaduan dan harmoni. Begitulah juga pelajaran, kebudayaan, bahasa dan sebagainya. Tidak sepatutnya ada lagi di antara kita yang masih mempersoalkan bahasa, mempersoalkan kebudayaan dan agama kerana perkara seperti ini telah termaktub dalam Perlembagaan dan apabila seseorang itu taat kepada Raja, negara, perlembagaan dan Rule of Law, saya percaya kita akan terus hidup berpadu, aman dan sejahtera. Mengikut Tuan R. J. Hickling yang berkata, "Of all acts of the human intellect, those related to our efforts to construct a political system reconciling mankind's because it is silent in conflicting desires for freedom and order have, perhaps the greatest nobility. To organise the accumulation of popular power in the hands of a select group or representatives of the people, and then to distribute that power in a manner productive of the least injustice to the society, is one of the most difficult tasks known to the politician and the lawyer."

Tuan Yang di-Pertua, ini bermaksud bahawa memanglah ada sesuatu yang tidak memberi kepuasan hati kepada sesiapa tetapi perpaduan yang kita capai selama ini adalah asas perpaduan yang mana kita tidak boleh nafikan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rakyat di Malaysia ini memang

bertuah jika dibandingkan dengan rakyat di Palestin, di Afghanistan dan negara-negara lain di mana Kerajaan tidak memberi taraf hidup *status quo*, dengan izin, kepada sesiapa sewenang-wenangnya, seperti yang diberi di Malaysia ini. Saya menyokong Titah Ucapan Baginda menekankan perpaduan kerana perpaduan adalah, dengan izin, menjadi focal point ataupun salient feature untuk kita terus hidup aman, damai dan harmoni untuk mencapai cita-cita bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengharumi perpaduan masalah syak wasangka, busuk hati, fitnah jahat dan dusta hendaklah dihapuskan serta merta. Ini adalah menjadi kewajipan semua rakyat termasuk DAP supaya mereka benar-benar mahu hidup di Malaysia. Janganlah hidup di negara ini dan sentiasa memuji negara-negara lain yang mana tidak mempunyai keupayaan dan kesanggupan menerima orang-orang yang memuji itu. Orang yang memuji negara lain itu tidak sedikit pun mendapat faedah dari pujian dari negara-negara lain itu tetapi negara Malaysia jugalah yang memberi kemewahan, kebebasan, manfaat, rahmat dan rezeki, demokrasi, kebebasan termasuk kebebasan berdemokrasi, berparlimen, berpilihanraya, berserpihan dan lain-lain. Janganlah kita pandai berkiblatkan negara lain sekiranya kita benar-benar jujur dan taat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan kehakiman dan keupayaan hakim-hakim dan peguam-peguam kita setaraf dengan hakim-hakim yang ada di England ataupun Australia dan seterusnya Amerika. Ini sangatlah kita sanjung tinggi. Keadilan memang tetap diberi di negara ini tetapi kita mesti ingat bahawa semua rakyat tertaktuk kepada undang-undang, the rule of law, sama ada rakyat biasa, peguam ataupun hakim. Mahkamah-mahkamah juga telah, sedang dan akan meneruskan usaha-usaha bagi

mendaulatkan Bahasa Malaysia dengan sedaya upaya. Bahasa Malaysia memang layak digunakan di mahkamah-mahkamah dan dalam banyak bidang-bidang lain.

Keengganan mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah tidak boleh dilayan lagi sama ada dari segi sahaja tidak mahu menggunakan, mungkin kebanggaan yang ada pada seseorang itu untuk berbahasa Inggeris. Kita katakan umpamanya sekiranya seseorang hakim yang arif itu berkata penjenayah itu digantung hingga mati tanpa menggunakan Bahasa Inggeris saya percaya sipesalah, pengkhianat itu apabila dibawa ke tali gantung dan akan mati setelah digantung sama ada tali gantung itu dibeli di England ataupun dibeli di Chow Kit Road ataupun tali gantung itu buatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya bersetujulah dengan Yang Arif Hakim Besar, Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Omar dan hakim-hakim arif yang lain yang mahu mendaulatkan Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa lain tidak kita ketepikan sebagai rujukan atau mana-mana bidang yang mana masih perlu dipergunakan. Yang mustahak janganlah ada di antara kita sama ada yang arif hakim-hakim ataupun yang arif peguam-peguam yang mahir-mahir menghina penggunaan Bahasa Malaysia dan mereka mempunyai pilihan untuk mendewa-dewakan Bahasa Inggeris di negara yang bukan Malaysia. Keangkuhan seseorang itu dan sombongnya tidak mengakui kedaulatan Bahasa Malaysia yang kita persoalkan. Perkara ini tidak harus berterusan dan mesti dihapuskan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya menyeru yang arif hakim-hakim, peguam-peguam yang bijaksana menulis buku-buku mereka di dalam

Bahasa Kebangsaan di semua peringkat bagi memperkayakan ilmu undang-undang dan kehakiman di dalam Bahasa Malaysia. Keengganan berbuat demikian dengan kata bahawa Bahasa Kebangsaan, dengan izin, unfit or improper, tidak boleh dilayan lagi mulai hari ini selepas ucapan saya ini. Bagi orang-orang Malaysia kita mesti megah dengan kebolehan kita bertutur bahasa asing sama ada Bahasa Inggeris, Arab, Cina atau Tamil dengan begitu lancar. Kenapakah pula usaha-usaha melancarkan penggunaan Bahasa Kebangsaan di semua peringkat masih teragak-agak, tersekat-sekat dan terbantut-bantut?

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga dalam titah ucapannya menyeru supaya pembangunan moral dan rohani dipertingkatkan lagi. Peranan ini memang penting kerana nilai-nilai murni sahajalah yang boleh membawa kepada kebahagiaan dan pencapaian pelaksanaan yang baik di mana Kerajaan sentiasa menghapuskan penyelewengan di semua bidang dan apa bentuk sekalipun termasuk rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda memang yakin dan percaya bahawa segala apa sahaja usaha akan terus berjaya sekiranya kita semua rakyat Malaysia ini mempunyai sikap jujur, tegas, amanah khasnya kepada diri sendiri, kepada bangsa, agama dan tanahair. Sifat yang disebut itu juga telah dan akan memberi kejayaan kepada kita. Justeru itu kita akan dihormati di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Bangsa-bangsa Bersatu memilih kita untuk menganggotai Majlis Keamanannya, dengan izin, Security Council maka tiada sebabnya kita tidak berbangga dengan penghormatan itu hasil dan kerja keras Perdana Menteri dan Menteri

Luar yang kita kasihi. Ini menunjukkan bahawa Bangsa-bangsa Bersatu menerima kita kenapa pula kita tidak mahu bersatu, masih keras kepala seperti setengah-setengah parti pembangkang di negara ini termasuk serpihan, dengan izin, the splinters group. Mungkin keangkuhan itu timbul dari perasaan yang digodai oleh niat jahat kerana firman Tuhan di dalam Al-Ouran, "Innanafsa laamma ratun bissuk", sesungguhnya jiwa itu sentiasa memanggil kepada kejahatan.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda menekankan berhubung dengan meninggikan taraf hidup rakyat jelata. Ini memang kena pada tempatnya kerana masih banyak kedapatan bahawa rakyat jelata di kampung-kampung belum lagi dapat menikmati kekayaan dan kemudahan infrastruktur kerana serba kekurangan di dalam semua aspek ini. Tidak perlu saya menerangkan satu persatu kerana tiap-tiap tugas itu telah diserahkan kepada semua pihak dan saya berharap semua pihak akan bertanggungjawab menunaikan amanah yang diamanahkan oleh negara kepada mereka. Semuanya ini tidak akan terlaksana sekiranya kita tidak mempunyai iman, takwa dan tanggungjawab melalui nilai-nilai murni bagi melaksanakan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan itu kerana sabda Rasullullah s.a.w. "Kullulumrain wakullurain mas'ulun araiyatihi".

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan terus memainkan peranan sama ada bagi menyelesaikan masalah Palestin, Kemboja dan lain-lain sebagaimana yang diperintahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya percaya kita mempunyai kebolehan dan keupayaan menyumbang tenaga terhadap masalah tersebut dan menyeru kepada semua pihak mengambil bahagian melaksanakan tugas-tugas kita bagi mengharumi

nama baik kita di dunia ini walaupun kita adalah satu bangsa yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia juga harus bermegah kerana anggota kontigen tentera kita telah diterima untuk bersama dengan askar-askar lain di Iran dan Iraq dan di Namibia. Ini adalah satu-satu perkara yang kita bangga dan kebanggaan ini harus dirasai khasnya oleh semua anggota-anggota tentera kita yang ada sebagaimana kita telah berbangga dengan pemergian askar-askar kita di Congo dalam tahun 60an dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada akhir tahun ini. Kita mengalu-alukan persidangan itu dan seterusnya Malaysia juga menjadi tuan rumah kepada Sukan Asia yang Ke 15 dan berharap bukan hanya setakat menjadi tuan rumah sahaja bahkan untuk tuan rumah juga mendapat kejayaan.

Ini juga kita perlu berbangga kerana kita sebagai negara yang kecil ada mempunyai keupayaan menjadi tuan rumah dalam semua persidangan-persidangan antarabangsa. Akhir sekali marilah kita berterima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berjaya memerintah dengan aman dan saksama. Kita berdoa kepada Allah semoga kedua-dua Baginda sentiasa mendapat rahmat dan keredaan dari Allah s.w.t. Saya juga mengambil kesempatan bagi mendoakan Perdana Menteri kita yang dikasihi supaya terus sembuh dari pembedahan lintasan koronarynya supaya dapat terus memimpin negara yang mana masih memerlukan pimpinan yang bijaksana yang akan lagi membawa kepada kemajuan dengan visionnyanya yang begitu, dengan izin, unlimited.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Besut.

4.09 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, di dalam masyarakat Melayu apabila ada orang suka bertengkar, berkelahi dan bergaduh digunakan peribahasa untuk menggambarkan keadaan yang demikian iaitu seperti anjing dengan kucing, Tetapi pada banyak keadaan terdapat juga di mana anjing sama anjing juga berkelahi dan kadang-kadang perkelahian antara anjing sesama anjing akan lebih dahsyat keadaannya, lebih kuat bunyinya dan lebih menggerunkan. Tetapi yang menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam masa anjing sedang bergaduh, bertengkar dan berkelahi itu apabila mereka nampak kucing melintasi di hadapan mereka maka biasanya anjing-anjing yang berkenaan akan berhenti dari berkelahi dan semuanya akan mengejar kucing. Walaupun kucing itu mungkin tidak mempunyai apa-apa dosa sekali pun. Dan apabila sikucing dapat melarikan diri, menyembunyikan diri sudah tentu anjing-anjing yang berkenaan akan kembali berkelahi dan bertengkar sesama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sesi ini persidangan Parlimen kali ini, Ahli-ahli Parlimen Bebas dari Angkatan Semangat 46 sengaja tidak mengambil bahagian cergas di dalam perbahasan setakat ini kerana kami sengaja berbuat demikian kerana kami menjangka jika kami bercakap mengeluarkan hujah-hujah secara rasional dan di atas perasaan tanggungjawab dan tulus ikhlas sudah tentu juga kami akan diejek, dikedam dan sudah tentu kami dianggap membawa cerita-cerita fitnah dengan niat yang jahat. Tetapi apabila kami berdiam diri, maka di sepanjang perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berjalan beberapa hari kebelakangan ini, maka kedengaran banyak suara-suara lantang daripada Ahli-ahli penyokong Kerajaan sendiri iaitu daripada kalangan Backbenchers sendiri yang mana dengan berani dan lantang menentang beberapa dasar Kerajaan, menentang sikap pemimpin-pemimpin tertentu dan kadangkala juga bertelagah sesama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menyentuh 3 perkara sahaja daripada banyak isu yang telah timbul dan diperbincangkan dengan hangatnya di sepanjang persidangan beberapa hari yang lalu iaitu pertama, masalah judi. Kedua, masalah grand design yang ditimbulkan oleh seorang Ahli penyokong Kerajaan yang mengatakan bahawa ada Ahli-ahli Kerajaan sendiri termasuk anggota-anggota Kabinet sendiri yang merancang hendak menjatuhkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Ketiga, berkaitan dengan Surah Syaitan dan pengarangnya, Salman Rushdie.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan pada masa ini judi telah menjadi lumrah dan berleluasa dalam masyarakat negara kita. Pada masa ini perjudian tidak lagi merupakan suatu kehinaan kerana ianya telah pun dihalalkan oleh undang-undang negara melalui pelesenan yang dikeluarkan oleh jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang tertentu. Sekarang ini perjudian telah menjadi lumrah sebagai satu sumber pendapatan yang lumayan orang-orang tertentu dan kumpulan-kumpulan tertentu. Sesungguhnya jika setiap orang daripada kita meneliti Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana pada akhir Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong, mengharap negara kita ini mendapat keampunan dan keredaan

Allah s.w.t. Maka sudah tentu perbuatan mengeluarkan lesen-lesen perjudian yang berleluasa pada masa ini suatu amalan yang bertentangan dengan Titah Seri Paduka Baginda dan sudah tentu pula bertentangan dengan hasrat seluruh rakyat dalam negara kita di mana kita dapat saksikan Ahli-ahli penyokong Kerajaan sendiri telah mengeluarkan pandangan dan bantahan-bantahan yang lantang di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat kenapakah punca perjudian besar-besaran ini berlaku dalam negara. Apa pula akibatnya yang jelas yang akan menimpa masyarakat kita dan negara kita pada keseluruhannya. Puncanya jelas ianya bermula daripada orang-orang tertentu, individu-individu tertentu yang telah berhutang begitu banyak dengan bank-bank dan institusi-institusi Kerajaan sampai berpuluh-puluh juta ringgit, beratus juta ringgit dan sudah tentu hutang-hutang ini tidak akan dapat dibayar melalui cara pengumpulan pendapatan secara halal atau secara biasa. Maka tidak dapat tidak orang-orang berkenaan atau kumpulan-kumpulan berkenaan sudah tentu akan menggunakan kebijaksanaan dan kepintaran masing-masing untuk memperolehi wang keuntungan yang cepat dalam jumlah yang besar dengan sekelip mata untuk membolehkan mereka menyelesaikan hutang-hutang yang begitu banyak. Maka terdapatlah usaha-usaha untuk mencari bagaimanakah punca-punca yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat Timbalan Menteri Kewangan ada menyebut bahawa judi haram yang berlaku pada masa ini dalam negara kita melibatkan lebih kurang \$5,000 juta setahun. Sudah tentu sekiranya judi haram ini dihalalkan dan ada sesiapa sahaja yang boleh mengeluarkan lesen secara halal pada perkiraan senangnya, sekiranya

mereka diberi komisen 10% sahaja sudah tentu ada orang-orang tertentu atau pihak-pihak tertentu akan memperolehi beratus juta ringgit dengan senang, kerana sudah tentu pada amalan dan sudah tentu menjadi kebiasaan di mana-mana pun sesuatu kegiatan haram akan bersedia memberi bayaran komisyen, rasuah dan apa sahaja dengan jumlah yang besar. Oleh itu kita dapati pada masa ini sesiapa yang bertanggungjawab sudah tentu akan dapat disiasat sekiranya pihak Kerajaan memandangkan perkara ini dengan serius dan menjalankan penyiasatan dengan rapi sudah tentu orang-orang yang berkenaan atau pihak-pihak yang berkenaan akan dapat ditemui. Tetapi walau bagaimanapun, perkara ini sudah berlaku, sedang berlaku dan jika ianya dibiarkan akan terus berlaku dan akan memberi akibat kepada masyarakat dan negara kita yang lebih buruk pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akibat yang jelas yang dapat kita lihat daripada kegiatan perjudian ini apabila ada kumpulan-kumpulan tertentu berkehendak kepada keuntungan yang cepat dalam jumlah yang besar maka sudah tentu penipuan akan berlaku. Di mana-mana sahaja di dalam kegiatan perjudian sama ada ianya secara haram atau secara berlesen tidak dapat dielakkan daripada kegiatan penipuan. Dan untuk melindungi penipuan ini, maka kegiatan yang berbentuk jenayah pula termasuk dengan cara peras ugut, kongsi gelap dan sebagainya akan terlibat pula di dalam kegiatan ini.

Oleh yang demikian kesalahannya akan makin bertambah besar, bertambah besar; berlipat ganda dan untuk melindungi perbuatan-perbuatan seumpama ini maka sudah tentu pula ianya mestilah dengan cara pengguna rasuah. Sebab itulah kadangkala kegiatan perjudian dan

penipuan serta penjenayahan yang berkaitan untuk melindungi perbuatan itu ianya dapat lepas daripada tindakan undang-undang melalui perbuatan-perbuatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, akibatnya kelak masyarakat kita, rakyat kita akan menjadi rosak dan negara kelaknyā akan menjadi porak peranda. Oleh yang demikian, saya berpendapat sudah tibalah masanya pihak Kerajaan mengambil perhatian yang serius di dalam perkara ini. Saya fikir tidak cukup hanya dengan tindakan-tindakan sandiwara, tindakan-tindakan bangsawan sahaja kerana pihak Kerajaan tidak sepatutnya mengatakan bahawa perkara ini akan disiasat dan perkara ini akan dihentikan kerana sebenarnya Kerajaan memang mempunyai kuasa untuk menghentikan kegiatan ini pada bila-bila masa juga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua iaitu berhubung dengan "grand design" yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, seorang penyokong Barisan Nasional, seorang penyokong Kerajaan dan seorang ahli UMNO baru yang terkemuka di dalam Dewan ini. Sesungguhnya tuduhan ini amat berat. Tuduhan ini tidak sepatutnya dipandang ringan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau dalam ucapan beliau pada 9hb yang lepas telah menyebut bahawa ada kumpulan yang menggunakan "grand design"; "grand design" ini istilah yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang melibatkan pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan pada hari ini termasuk Menteri, termasuk Timbalan Menteri, termasuk beberapa setiausaha Parlimen, termasuk ahli-ahli Dewan yang lain yang telah menggunakan media masa, menggunakan agensi-agensi Kerajaan untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Perkataan "menjatuhkan" ini juga digunakan dengan jelas oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara ini benar berlaku, maka ianya adalah lebih dahsyat daripada apa yang telah berlaku kepada masyarakat kita, kepada pemimpin-pemimpin kita sebelum April, 1987 yang lalu. Kita masih ingat sebelum April, 1987 yang lalu beberapa orang Menteri, beberapa orang Timbalan Menteri telah menyatakan tidak bersetuju dengan pimpinan Perdana Menteri dan telah dengan terang-terangnya menggunakan cara yang halal dari segi undang-undang menawarkan diri mereka untuk bertanding, merebut jawatan dalam parti di mana parti pada masa itu mengikut Perlembagaannya membenarkan perbuatan seumpama itu. Tetapi mereka ini telah dikecam dengan hebat dan telah diambil tindakan dan mereka telah menerima akibatnya daripada tindakan-tindakan yang mana mereka lakukan mengikut saluran yang dibenarkan oleh undang-undang negara. Tetapi jika pada masa ini berlaku di mana anggota-anggota Kabinet sendiri sedang merancang dengan sulit untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri perbuatan ini adalah suatu pengkhianatan yang saya fikir bukan sahaja menjejaskan kedudukan parti yang berkuasa pada masa ini tetapi ianya juga mungkin menjejaskan kepentingan negara pada keseluruhannya.

Maka saya berpendapat perkara ini patut dipandang serius sama ada Ahli Yang Berhormat dari Arau itu mesti membuktikan golongan yang manakah, siapakah pihak-pihak yang berkenaan dimaksudkan itu ataupun pihak Kerajaan bertindak di atas tuduhan-tuduhan yang disebutkan ini.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Arau nampaknya ada persamaan pada

dengan ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam. Jadi, saya yakin perkara ini bukanlah suatu tuduhan yang melulu atau satu perkara yang diada-adakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau itu sahaja. Kata Peribahasa Melayu, "Jika tidak ada angin, pokok tidak akan bergoyang." (*Ahli dari Johor Bahru masuk dalam Dewan*) Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kedatangan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru yang mungkin tidak lama berada bersama-sama di tepi saya ini. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, saya hendak sebut, yang terakhir ialah berhubung dengan "Surah-surah Syaitan" yang dikarang oleh Salman Rushdie yang telah mendapat bantahan menyeluruh umat Islam di seluruh dunia. Perkara itu memang patut ditentang oleh seluruh umat Islam tetapi saya hendak mengingatkan kita sekalian, surah-surah syaitan itu rupanya diamalkan pada masa ini di negara kita sendiri di Malaysia tetapi barangkali tidak disedari oleh kita sekalian kerana kita tidak menelitinya dengan halusi. Kerajaan sepanjang masa mendabik dada, dengan bangganya menyatakan Kerajaan berusaha menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pemerintahan negara. Tetapi pada hampir kesemua amalan yang berlaku nampaknya bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang dimaksudkan itu. Saya boleh memberi satu dua contoh umpamanya, nilai-nilai Islam menegah umat Islam melakukan kezaliman, penganiayaan, penindasan; tetapi surah syaitan nampaknya menggalakkan perbuatan yang demikian itu. Kezaliman, penindasan, penganiayaan berlaku di mana-mana sahaja sama ada pada peringkat tertinggi sampailah pada masa hari ini ke kampung-kampung. Nilai-nilai Islam juga melarang daripada orang-orang yang berkuasa menyalahguna kuasa.....

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah)t (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Hendak minta penjelasan?

Tuan Hashim bin Safin: Ya, minta penjelasan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Sila.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari Besut apakah Yang Berhormat pernah membaca "Surah Syaitan" ataupun "Satanic Verses", dengan izin; yang kedua, kalau sudah baca, apakah isi-isi yang penting, yang ada kaitan dengan apa Yang Berhormat kata; dan ketiga, apakah tidak diketahui bahawa buku itu memburukkan Islam, memburukkan Nabi Muhammad tentang mengambil air sembahyang, tentang sembahyang dan sebagainya, dan apakah kaitan dengan perkembangan yang berlaku dalam Kerajaan hari ini kalau tidak ada tujuan lain ataupun kata-kata saudara sendiri yang hampir dengan surah syaitan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, contoh yang kedua yang saya hendak sebutkan di sini ialah nilai-nilai Islam melarang umatnya menyalahgunakan kuasa. Jika sesiapa diberi kuasa untuk memerintah hendaklah melaksanakan kuasa itu dengan adil, saksama dan menguntungkan orang yang diperintah. Tetapi apa yang berlaku pada masa ini surah syaitan menyuruh perbuatan menyalahgunakan kuasa dan penyalahgunaan kuasa ini berlaku di mana-mana sahaja. Dalam masa yang ringkas ini tidak perlu saya memberi satu persatu, saya percaya setiap orang daripada kita yang memahami, merasa dan dapat melihat dan dapat mendengar sudah tentu dapat bersetuju dengan saya.

Contoh yang ketiga, nilai-nilai Islam melarang, mencegah daripada perbuatan pecah amanah. Tetapi keadaan pecah amanah bertaku dengan berleluasa. Kita dengar dalam institusi-institusi kewangan, bank-bank, institusi-institusi perniagaan sama ada yang berbentuk koperasi, berbentuk swasta; pecah amanah berlaku dengan begitu hebat sekali sehingga diperkatakan pada masa ini dengan berleluasa di dalam negara kita, seolah-olahnya surah syaitan mempengaruhi rakyat di dalam negara kita ini, pemimpin di dalam negara kita ini untuk melakukan perbuatan pecah amanah itu.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula.

Dato' Haji Zakaria bin Abdul Rahman: Begitu pula. . . .

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun pula.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa untuk melayan.

Contoh yang keempat yang suka saya beri ialah, Islam mengajar kita supaya sentiasa bertindak dengan jujur dan ikhlas. Tetapi sekarang nampaknya kejujuran dan keikhlasan tidak lagi merupakan matlamat penting di dalam hidup atau di dalam tindak tanduk setiap orang daripada kita. Saya berani berkata demikian iaitu secara menyeluruh kerana pada masa ini kita dapati kawan telah menjadi lawan, lawan telah menjadi kawan dan kita tidak dapat menilai yang mana baik yang mana buruk. Kita tidak dapat menilai yang mana

sekutu dan yang mana musuh kerana kejujuran nampaknya sudah tidak menjadi nilai utama di dalam pegangan hidup kita pada masa ini.

Contoh yang kelima ialah dari segi perpaduan. Islam menyuruh kita bersatu padu, Islam menyuruh kita mencari cara-cara ke arah mencapai perpaduan. Tetapi pada masa ini nampaknya dengan begitu ghairah ada golongan-golongan tertentu, ada pihak-pihak tertentu yang bekerja kuat untuk menyemarakkan pecah belah di kalangan sesama kita. Kalau ada usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk mewujudkan perpaduan ummah yang menyeluruh yang sedang pada masa ini nampaknya dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan perbalahan sesama umat Islam di dalam negara kita ini yang telah berpanjangan sejak tiga empat puluh tahun yang lalu dan sekarang ini telah merupakan satu harapan cerah atau sekurang-kurangnya memberi gambaran, harapan kepada kita ianya mungkin, dengan izin Allah dapat dicapai. Tetapi ada pula kita mengetahui bahawa ada golongan-golongan tertentu yang telah berusaha begitu gigih untuk menggagalkan usaha perpaduan ini.

Akhirnya ialah Islam menyuruh orang-orang Islam memakan makanan yang bersih dan halal. Islam menyuruh orang-orang Islam memakan ayam yang disembelih, tetapi "surah syaitan" telah memberi fatwa dan telah memaksa orang-orang Islam memakan ayam pulas seperti yang berlaku di Ampang Jaya baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.33 *ptg.*

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya

bangun untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bagi pihak DAP, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Baginda kerana beliau telah memberi khidmat kepada negara dalam menjalankan tugas yang baik dalam beberapa tahun yang lalu. DAP juga menyambut baik Jantikan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru.

Bagi pihak DAP dan sebagai pembangkang, saya ingin memberi satu ikrar bahawa DAP akan bekerjasama dan selalu taat setia kepada Baginda serta negara kita, oleh kerana DAP adalah sebuah parti politik yang selalu menghargai negara lebih dari semua, lebih dari isteri kami, lebih dari keluarga kami, lebih dari apa-apa sahaja.

Dalam semangat ini saya ingin menyentuh kepada Ideologi Kebangsaan Malaysia iaitu Rukunegara. Salah satu prinsip Rukunegara itu ialah The Rule of Law.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Malaysia ingin membina sebuah negara yang baik, yang aman, yang kaya, yang mana kekayaan dalam negara kita dapat dibahagi-bahagikan dengan keadilan, satu pra syarat utama ialah demokrasi dan pra syarat bagi demokrasi ialah hak-hak asasi kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja balik dari menghadiri satu Conference yang diadakan di Brussels, baharu dua tiga jam ini sahaja. Conference ini dianjurkan oleh GRAEL atau Rembo College di bawah European Parliament. Thema Conference itu ialah "Human Rights and the Rule of Law in Malaysia and Singapore". Saya dijemput sebagai salah satu Penal Speaker yang berucap

bersama-sama dengan personaliti yang terkenal seperti J.B. Jeyaratnam dan sebagainya, yang mana perhatian berat antarabangsa telah diberi kepada Malaysia kerana penyalahgunaan kuasa untuk menghakiskan hak-hak asasi rakyat Malaysia, khasnya tangkapan di bawah ISA. Janganlah menyalahkan saya kerana saya keluar dari negeri ini untuk mengotorkan nama Malaysia—bukan.

Saya rasa hak-hak asasi kemanusiaan atau human rights merupakan satu isu yang "consern" semua sempadan negara, sempadan bangsa, sempadan agama. Ia merupakan idealisme bagi semua manusia bagi sejarah selama-lamanya. Maka tidak dapat seseorang itu bercakap bahawa masyarakat antarabangsa menghina Malaysia kerana mereka mewakili dan mereka mahu menyumbang kepada proses melindungi human rights di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada satu Persidangan Parlimen semasa Mesyuarat Budget tahun lalu, ketika saya membawa satu usul untuk memotong gaji Menteri Dalam Negeri sebanyak \$10 saya telah sebutkan satu perkara sahaja iaitu mereka yang ditahan di bawah ISA dalam tempoh 60 hari soal siasat, sudah terdapat bukti-bukti bahawa mereka telah diseksa oleh polis dengan teruk. Saya telah membaca dari affidavit-affidavit yang ada ketika itu dan sehingga sekarang tidak ada seorang Menteri yang memberi jawapan yang memuaskan. Timbalan Menteri yang menjawab pada hari itu memberitahu Dewan ini bahawa siasatan akan dijalankan dan dia akan mengambil tindakan untuk menghentikan seksaan. Oleh kerana kita menghormati semangat "Rule of Law", kita tidak dapat membiarkan tindakan kasar kepada semua rakyat Malaysia walaupun mereka salah dan ditahan. Tetapi di bawah ISA, belum mereka dihukum salah mereka telah diseksa. Itu sahaja.

Pada hari ini saya mahu menyebut satu kes terbaharu berkenaan dengan tahanan, tangkapan seorang kawan saya sendiri. Walaupun dia kawan saya kerana dia berasal dari negeri Sarawak, saya mahu menerangkan bahawa kes ini dibangkitkan bukan kerana dia kawan saya, kes ini saya hendak bangkitkan untuk rekod Parlimen ini, bagi posterity kerana kita mesti menghentikan penyeksaan oleh polis ke atas orang-orang tahanan di bawah ISA dengan segera, dengan serta-merta, tidak kira siapa walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang okay, dia berkuasa. Jikalau pada satu ketika akan datang dia ditangkap di bawah ISA, saya pun akan berdiri di sini untuk melmdungi dia dari seksaan politik ataupun siapa sahaja semua musuh politik sekarang. Ini tidak kira "partisan interest", dengan izin.

Orang tahanan itu namanya Abdul Rahman Hamzah yang tinggal di Kuching, seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak, seorang bekas Setiausaha Politik kepada bekas Ketua Menteri Negeri Sarawak, Tun Abdul Rahman Yaakub, seorang yang sudah memberi perkhidmatan awam kepada negeri Sarawak. Saya menjelaskan sekali lagi janganlah sesiapa dari Sarawak, SUPP contohnya cakap kerana DAP pakat dengan PERMAS, maka saya mahu berdiri di sini untuk sebutkan kes ini, bukan. Sekali lagi ini kes "human rights". Haji Abdul Rahman Hamzah ini ditangkap pada lebih kurang pukul 5.00 pagi, 20hb September 1988 di rumahnya di Kuching, Sarawak. Pada hari itu juga beliau dibawa ke Kuala Lumpur dan beliau mempercayai ianya ditahan di Gurney Road Police Interrogation Centre, Kuala Lumpur sehingga 16hb November, 1988. Dalam tempoh 60 hari ini dia telah disiksa dengan paling teruk dalam semua kes yang saya tahu sekarang.

Saya mahu baca dari affidavitnya yang dibuat pada 30hb Januari tahun

ini di Ipoh di hadapan Commissioner of Oaths, KwangTzuChingdandi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, affidavit itu untuk apa? Untuk satu kes dalam mahkamah?

Tuan Sim Kwang Yang: Satu kes mahkamah, tetapi kes ini belum file maka dia tidak *sub judice*. Kes ini belum file, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat mengetahui dengan sebenarnya kes itu belum file?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya tahu, saya tidak mahu "mislead" Dewan yang mulia ini kerana nanti saya dituduh "contempt". Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu kesannya. Saya mahu baca dari perenggan 10 dalam affidavit ini. Mungkin saya akan menggunakan perkataan yang kurang berbudi bahasa, tetapi ini "legal document". Saya harap Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini izinkan saya. Saya berusaha mahu belajar Bahasa Malaysia selalu tetapi belum cukup fasih dan beri "instantaneous translation", maka saya baca datam bahasa Inggeris, saya minta izin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tidak lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan:

"In the process of interrogation, was tortured by various means which I am listing below. As I said earlier, at any one time there was always three officers present but on one occasion seven officers tortured me by kicking, punching, slapping and by hitting me with broomsticks—two broom handles broke. I lost consciousness a few times. I asked to see a doctor everyday but the Special Branch officers turned a deaf ear to my request to see one. They made excuses that the doctor was not coming or they would ask me, "Did

not the Pengawal brought you to see the doctor yesterday?" and so forth. The methods of torture used by the Special Branch officers on me were as follows:

- (a) Duck-walking for long periods around the room. Duck-walking was walking in a squatting position which was very painful.
- (b) Frog jumping for long periods around the room in the same position as (a) above. But jumping like a frog with both legs together and hands at the back which was also very painful.
- (c) Crawling on my hands and knees in the room under the table along the corridor, in and out of the bathroom, toilet, and at the same time to order to moo like a cow, roar like a lion or bark like a dog. At times, I was ordered to urinate like a dog with one leg lifted up, at the same time making a hissing sound.
- (d) Swimming by crawling on all fours as if I was swimming around the room, along the corridors, climbing up a flight of stairs, down in the same position in the bathroom, and in the dirty, dry or wet floors. This caused scratches and skin peeling at my elbows, breast, knees, arms and sides of the feet which were bleeding and later on turned septic and into blisters that I had to suffer for weeks without medication.
- (e) Cold showers at any time of the day or night or early hours in the mornings, and then I was ordered to stand in an air-conditioned room below the air blower.
- (f) I was asked to eat, sitting naked on the floor with my

hands and body full of dirt and dust after crawling or after the so-called swimming, and I was not given water to wash my fingers before eating — dia seorang Muslim, Tuan Yang di-Pertua, yang cintakan kebersihan.

- (g) Standing with outstretched hands for long periods. I was sometimes hit with broomsticks or by karate chops on my lower arms which made me jerk in pain.
- (h) Squatting for long periods and I was warned not to move. This was painful when my blood stopped flowing through the thighs and legs."

Mungkin saya "skip" sedikit.

"Doing push-up for hundreds of times. I nearly fainted doing this especially in view of the fact that in normal time I could hardly do ten push-ups. A tin, believed to be used as a rubbish bin, was used to cover my head, and at the same time the tin was hit with a stick. The sound from the hitting of the tin deafened one's hearing, and when the tin got dented due to the hitting and the dents cut and bruised my head, cheeks and ears. This caused my head and my upper face swollen. My interrogators would at times lift my body by throttling my throat with their hands and the same time forcing me up. When this was done, my tongue protruded and saliva came up. At the same time, I was hit over the cheeks and jaw area. Those of my interrogators who are rings on their fingers hurt me when their rings contacted my flesh. The interrogators will hold me by my wrist and then swing me around several times before releasing my body against the wall; pulled up my head and banged on the wall, sometimes kicked and slapped at the

same time. When I fell on the floor, my interrogators will kick me on the legs, thighs and back. The interrogators will even kick and slap me from one side of the room to another as the officers stood around the room waiting for their turn to kick and slap me. I was ordered to dance and sing for a long period under the shower at night or day."

Ini paling menghinakan. Minta maaf, bahasa kurang baik tetapi dari affidavit.

"I was ordered to masturbate with soap provided while they watched. I was ordered to pretend I was having sexual intercourse with the floor while the interrogators watched me" dan sebagainya, panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut, saya "shocked", saya sedih bahawa seorang insan Tuhan dapat dikendalikan, dia tidak ada apa-apa sebab untuk bohong. Kalau dia bohong, dia boleh dituduh dalam mahkamah. Tetapi ini satu kes lagi sahaja, berapa kes dari Sarawak mereka yang ditangkap oleh kerana disyaki melibatkan diri mereka dalam kes "arson". Berapakah dari mereka telah diseksa? Bilakah seksaan ini akan terus dijalankan oleh pihak polis? Apa yang dilakukan ke atas orang tahanan, Haji Abdul Rahman Hamzah, ini perbuatan bukan manusia, ini perbuatan binatang, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya betul. Tetapi sampai sekarang 3-4 bulan sudah lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum beri satu jawapan penuh. Bagaimana dia menyasat? Internal investigations? Siapakah dari pihak Cawangan ini sudah salah? Adakah dia didisiplinkan supaya seksaan tidak berlaku lagi? Kes ini, tindakan sebegini satu insaf kepada semua rakyat Malaysia yang mencintakan Tuhan, agama, bangsa dan negara.

Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian Dalam

Negeri menjalankan satu penyiasatan dengan serta-merta dan laporan penuh dibentangkan dalam Parlimen ini dalam mesyuarat akan datang di bulan Jun/Julai dan semua 7 pegawai-pegawai Cawangan Khas Polis yang dituduh melaksanakan perbuatan binatang itu dinamakan hari ini kalau boleh dan apakah tindakan akan dibuat terhadapnya?

Yang kedua, oleh kerana saya kali kedua sebutkan kes sensitif ini, saya tidak harap media akan melaporkan ini, saya tahu dia punya masalah, oleh kerana dia punya boss Timbalan Menteri Dalam Negeri, tetapi saya harap Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dalam Dewan ini, Menteri-menteri Kabinet dan laginya supaya satu "Royal Commission" ditubuhkan yang diketuai oleh seorang Hakim Kanan untuk menyasat semua tuduhan seksaan dalam Malaysia supaya mereka dalam dunia ini tidak akan menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang paling terkenal kerana seksaan kepada orang tahanan seperti di Brazil, di Mexico yang mana polis di sana menyeksa orang tahanan sehingga menggunakan "electrodes" ke atas "testicles" mereka. Saya harap Malaysia tidak akan dianggap sebagai demikian.

Saya tahu, kalau kes ini dibawa ke mahkamah, affidavit ini sudah dijadikan kertas sah, kertas awam Amnesty International dapat dan Amnesty International akan menghantar maklumat seperti ini kepada semua pemimpin-pemimpin dalam negara-negara yang kita mahu menjalankan perdagangan ataupun yang lain-lain, maka kita mesti menghentikan langkah-langkah dan tindakan-tindakan kasar untuk melindungi nama dan imej baik Malaysia untuk melindungi hak-hak asas manusia. Ini yang saya paling marah — minta maaf — dan saya harapkan satu jawapan penuh diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Manakala pihak Kerajaan untuk

menunjukkan kepada semua negara-negara yang akan menyertai CHOGM pad akhir tahun ini bahawa Malaysia sebuah negara yang rekod hak-hak kemanusiaan yang cemerlang supaya dengan demikian pihak Kerajaan perlu merigkaji semula semua peruntukan-peruntukan dan peraturan-peraturan di bawah ISA.

Kita mestilah menimbangkan bahawa negara Malaysia ini perlu batalkan ataupun repeal ISA ini kerana ia tidak sesuai lagi, kerana ISA asalnya adalah untuk memberi kuasa kepada polis menentang communist terrorists. Tuan Abdul Hamzah ini bukan komunis, dan dia dikenakan tindakan yang sama kasar, ini adalah salah. Manakala pihak Kerajaan perlu juga membebaskan semua orang-orang tahanan di Taiping dan PRC (Police Remand Centre) seperti Heng Boon Liang, nama dia dalam Cina ialah Wang Boon Liang yang telah ditahan pada bulan September, 1977 dan satu kes khas yang saya mahu mendesak supaya dibebaskan ialah Teo Leong Hock yang ditahan pada bulan Mei, 1976. Dia telah ditahan selama 13 tahun. Orang yang dipenjarakan seumur hidup pun tidak ditahan cukup 20 tahun, mungkin 15 tahun sahaja. Maksudnya Teo Leong Hock ini sudah sampai di penjara seumur hidup.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan, tidak mempunyai apa-apa alasan untuk terus menahan Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan perkara Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Kota Melaka ada di dalam kes Mahkamah.

Tuan Sim Kwang Yang: *Sub Judice!* Okay, saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Maka saya berharaplah dan saya tidak mahu dengar satu kes lagi bahawa orang tahanan disiksa oleh polis apabila diadakan soal siasat. Ini satu tindakan yang sudah melanggar

semangat dan prinsip Rule of Law dan menentang Rukunegara. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang taat setia kepada constitution dan kepada Rukunegara, saya perlu terus dan saya akan monitor laporan-laporan yang saya terima dari masa ke semasa dan jika perlu saya akan memobilisekan masyarakat antarabangsa sehingga tindakan siksaan ini diberhentikan. Itulah sahaja. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandau.

5.55 ptg.

Tuan Madatang bin Morejal (Bandau): Terima kasih atas peluang yang diberi selepas berdiri kali yang kesebelas. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat kawasan Bandau saya turut menyokong usul untuk mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana titah ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menggambarkan kedudukan dan keadaan, negara yang sebenarnya. Dalam pada itu jelas ternyata bahawa kedudukan sosio-ekonomi dan politik negara adalah stabil. Akan tetapi Bagaimana terus berharap agar rakyat serta pemimpin-pemimpin terus berusaha untuk meneroka bidang-bidang baru agar negara kita mencapai tahap yang setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seruan baginda untuk meneroka bidang-bidang baru seharusnya mendapat perhatian berat oleh semua golongan masyarakat di negara ini. Seruan Baginda untuk bersikap sederhana mengenai isu-isu yang timbul di negara ini seharusnya menjadi amalan rakyat, khususnya pemimpin-pemimpin dan kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan panduan yang terkandung dalam Titah Ucapan Duti Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya mahu mengemukakan beberapa perkara yang saya fikir penting kepada negara amnya dan negeri Sabah khususnya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini terhadap peranan wakil-wakil rakyat dalam pentadbiran negara dan penglibatan mereka dalam proses pembangunan negara. Saya syorkan agar peranan wakil-wakil rakyat dalam bidang-bidang tersebut dikaji semula oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Negara. Saya mengemukakan cadangan ini akibat daripada kurangnya kerjasama dan persefahaman di antara kakitangan Kerajaan, khususnya kakitangan Kerajaan Persekutuan dengan wakil-wakil rakyat tempatan. Seperti yang tersedia maklum membela rakyat serta mengemukakan masalah rakyat kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, khususnya Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan merupakan satu-satunya tugas dan kewajipan yang telah diamanahkan kepada wakil-wakil rakyat. Namun demikian kewajipan wakil-wakil rakyat tersebut disalah-tafsirkan oleh kakitangan Kerajaan sebagai political intervention dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ada beberapa Jabatan Kerajaan yang memberi pesanan kepada orang-orang kampung bahawa kakitangan mereka tidak akan melayani sebarang permintaan sekiranya permohonan tersebut disokong dan dikendalikan oleh wakil-wakil rakyat mereka. Dalam hal ini kakitangan Kerajaan di seluruh negara harus difahamkan secara mendalam tugas dan kewajipan wakil-wakil rakyat yang sebenarnya. Saya berpendapat bahawa satu Akta Wakil Rakyat yang menjelaskan tugas dan kuasa wakil rakyat diwujudkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seruan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya wakil-wakil rakyat menjalankan tugas dan kewajipan dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan negara seharusnya mendapat perhatian sepenuhnya oleh wakil-wakil rakyat. Berdasarkan seruan tersebut saya mencadangkan bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk melantik wakil-wakil rakyat menjadi ahli secara automatik di semua Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh semua Jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat Daerah yang terlibat dalam pentadbiran dan pembangunan di dalam kawasan mereka masing-masing. Keahlian wakil-wakil rakyat dalam Jawatankuasa tersebut akan membantu mereka menjalankan tugas dan kewajipan mereka sebagai wakil rakyat di peringkat daerah. Sehubungan dengan perkara ini saya syorkan supaya Kerajaan Persekutuan membuat suatu surat pekeliling di semua Jabatan-jabatan, Agensi-agensi Kerajaan di peringkat Daerah bagi pelaksanaan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Kerajaan di semua peringkat pentadbiran negara merupakan pentadbir dan badan pelaksana pembangunan negara. Dalam suasana politik yang semakin sofistikated di negara ini, adalah satu keperluan bagi kakitangan Kerajaan untuk bersikap neutral untuk mentadbir dan melaksanakan pelbagai pembangunan di kawasan-kawasan dalam lingkungan kawasan mereka. Kakitangan Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di negeri Sabah seharusnya diberi nasihat supaya mereka bersikap neutral di dalam menjalankan tugas dan kewajipan mereka di negeri Sabah. Saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar memberi kuasa kepada Wakil-wakil Rakyat tempatan untuk menyelidik perbuatan dan sikap kakitangan-kakitangan Kerajaan Persekutuan yang tidak sihat itu dan

seterusnya membawa mereka yang terlibat ke pangkuan pengadilan,

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya menjadi Wakil Rakyat di kawasan Bandau, saya telah terdedah dengan segala bentuk undang-undang yang digubal di Dewan yang mulia ini. Adalah satu kenyataan bahawa undang-undang merupakan tulang belakang negara dan melaluinya wujudlah kestabilan, keharmonian dan kemakmuran negara serta penduduknya sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar undang-undang negara dilaksanakan secara adil dan menyeluruh di seluruh negara. Dalam konteks keadaan di negeri Sabah, saya berpendapat bahawa 'pelaksanaan undang-undang negara telah tidak dilaksanakan secara adil dan saksama. Contohnya, kuasa ISA telah membawa ke pangkuan pengadilan mereka yang terlibat di Semenanjung Malaysia dalam Operasi Lalang pada beberapa tahun yang lepas. Tetapi di negeri Sabah pada tahun 1986, kumpulan-kumpulan yang telah menimbulkan huru-hara di seluruh negeri Sabah yang melibatkan kematian di kalangan rakyat jelata dan kerosakan harta-benda hanya didenda \$300 ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak melaksanakan undang-undang negara secara adil dan saksama. Walau bagaimanapun, di masa-masa akan datang kami rakyat Sabah berharap agar Kerajaan Persekutuan melaksanakan kewajipan mereka secara adil dan saksama di setiap negeri dalam naungannya.

Tuan Yang di-Pertua, di negara yang pesat membangun seperti negara kita ini, pelaksanaan projek-projek pembangunan merupakan kewajipan utama bagi sesuatu Kerajaan yang memerintah. Dalam hai ini

persoalannya adalah siapakah yang layak mengendalikan pelaksanaan projek-projek tersebut. Saya cadangkan supaya semua projek-projek kecil yang patut dilaksanakan demi faedah rakyat seharusnya melalui Wakil-wakil Rakyat di kawasan-kawasan yang berkenaan kerana Wakil-wakil Rakyatlah yang terlibat dan yang berkenaan lebih tahu keadaan dan keperluan rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Kerajaan untuk membina sebuah pangkalan Naval Base di Sabah, saya menyokong cadangan Ahli dari Marudu agar pangkalan tersebut diletakkan di tempat yang strategik. Seperti yang telah sedia maklum, pantai timur negeri Sabah selalu diserang oleh lanun-lanun asing daripada negara jiran. Oleh yang demikian, adalah wajar Naval Base yang dicadangkan diletakkan di pantai timur Sabah. Cadangan untuk meletakkan di pantai barat berhampiran dengan Kota Kinabalu adalah tidak wajar. Kita harus ingat bahawa hanya yang sakit sahaja yang memerlukan bantuan doktor. Tempat yang selalu diserang oleh orang-orang asing sahaja yang patut dikawal dengan rapi, kerana itulah ia memerlukan Naval Base seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia di negeri Sabah menyambut baik cadangan Kementerian Pertahanan untuk membina sebuah Naval Base di negeri Sabah ini kerana tindakan tersebut akan menjamin keselamatan mereka di rantau itu. Perlu dimaklumkan di sini bahawa jaminan keselamatan rakyat Sabah merupakan syarat utama bagi Sabah untuk menyertai Malaysia mengikut hujah-hujah sejarah. Keikhlasan dan kejujuran rakyat Sabah menerima rancangan-rancangan keselamatan seperti ini membuktikan kepercayaan mereka terhadap keupayaan Kerajaan

Persekutuan untuk melaksanakan semua syarat-syarat seperti yang terkandung dalam Inter-Governmental Committee's Report iaitu petunjuk utama kedudukan Sabah dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, Kerajaan Persekutuan seharusnya mengambil perhatian sepenuhnya terhadap makna fakta sejarah dalam pentadbiran dan proses pembangunan negara. Tidak dapat dinafikan bahawa kedudukan bangsa Melayu di dalam negara pada masa kini ditabalkan dan bertakhta dalam sejarah negara ini. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan khususnya pemimpin-pemimpin pada masa kini, seharusnya menghormati fakta-fakta sejarah yang membawa kewujudan negara Malaysia dengan kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan. Syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama seharusnya menjadi amalan kepada setiap Kementerian dalam menjalankan tugas dan kewajipan yang telah diamanahkan kepadanya. Sebagai pemimpin yang telah dipilih untuk mewakili rakyat Sabah dan amnya dan kawasan Bandau khasnya, saya merakamkan ketidakpuashatian saya terhadap tingkah-laku beberapa Kementerian Persekutuan dalam menjalankan tugas dan kewajipan mereka di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan persetujuan di antara pemimpin negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan yang terkandung di dalam Inter-Governmental Committee's Report, kehadiran kakitangan Kerajaan daripada negeri-negeri yang lain di Sabah menjadi tandatanya dan buah mulut di kalangan rakyat Sabah. Saya tidak mempersoalkan kehadiran pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan di mana kemahiran mereka tidak dapat diperolehi di kalangan rakyat tempatan. Yang menjadi tandatanya ialah, pertama, kenapa dan

apakah sebab-sebab masih terdapat kekurangan tenaga mahir di kalangan pegawai-pegawai tempatan di Sabah dan juga di negeri-negeri yang lain untuk menerajui dan mengambil alih semua jawatan-jawatan Kerajaan Persekutuan di Negeri walaupun mereka telah diberi tempoh yang mencukupi bagi persediaan tersebut iaitu sejak negara kita mencapai kemerdekaan 30 tahun yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan seharusnya menumpukan perhatian berat terhadap pengwujudan satu sistem pentadbiran di mana semua jawatan dalam machinery pentadbiran Kerajaan dijawab oteh orang-orang tempatan di peringkat Negeri. Sekiranya sistem ini menjadi amalan Kerajaan, soal kelayakan dan kemahiran tidak timbul lagi di kalangan kakitangan semua Kementerian-kementerian dalam Kerajaan. Pada masa kini Kementerian-kementerian Kerajaan melatih sebilangan kecil pegawai-pegawainya khusus untuk dihantar ke negeri-negeri yang lain dalam negara ini. Saya menggesa Kerajaan supaya memberi latihan sepenuhnya kepada semua kakitangan di peringkat tempatan untuk mengikis kesan-kesan negatif di kalangan penduduk tempatan. Kerajaan Persekutuan seharusnya jujur dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pentadbiran Kerajaan pada masa kini menimbulkan dua masalah utama khususnya di Sabah dan Sarawak. Penghantaran kakitangan Kerajaan Persekutuan daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak melibatkan perbelanjaan tambahan yang sebenarnya boleh dilakukan dengan mudahnya.

Tuan Yang di-Pertua, seorang kakitangan Kerajaan daripada Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah mendapat elauan

yang berbagai bentuk sebanyak dua atau tiga kali ganda gaji pokoknya. Ini bermakna gaji keseluruhan yang diterima oleh seorang kakitangan Kerajaan daripada Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah boleh membayar gaji sebanyak dua atau tiga pegawai tempatan dalam scale gaji dan kelayakan yang sama. Berhubung dengan elaun kakitangan Kerajaan, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Persekutuan supaya menseimbangkan elaun kakitangan Kerajaan di Sabah yang berkhidmat di Semenanjung dan yang sebaliknya. Pada masa kini ternyata bahawa elaun tersebut lebih menguntungkan kakitangan Kerajaan dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah berbanding dengan elaun pegawai-pegawai Kerajaan dari Sabah yang ditugaskan di Semenanjung Malaysia.

Masalah kedua adalah berhubung dengan tendency jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil semua kakitangannya daripada Semenanjung Malaysia untuk mengisi jawatan daripada peringkat rendah ke peringkat jawatan tinggi. Contohnya ialah pihak ITM Cawangan Sabah di bawah Kementerian Pendidikan. Pihak ITM Kampus Sabah mempunyai pekerja buruh atau tukang kebun, operator teleton dan pegawai-pegawai dan kerani-keraninya serta pegawai-pegawainya sekalian semuanya daripada Semenanjung Malaysia. Dalam soal ini tidak adakah orang Sabah yang layak menjadi tukang kebun, operator telefon, kerani-kerani dan lain-lain bagi ITM Kampus Sabah, bukan soal tidak ada yang layak tetapi sikap pegawai penguasa kampus, kalau tidak sikap Kementerian Pendidikan tersebut mencerminkan sikap pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang lain yang berkhidmat di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara-perkara yang membimbangkan

rakyat Sabah. Ada setengah-setengah pemimpin yang percaya bahawa penghantaran kakitangan Kerajaan daripada Semenanjung ke Sabah mengeratkan integrasi nasional tetapi ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa dasar itulah yang menghalang integrasi nasional dalam konteks Sabah. Pada pendapat saya dasar Kerajaan Persekutuan ini memberi gambaran negatif kepada rakyat Malaysia di Sabah seolah-olah mereka melalui satu era penjajahan ke era penjajahan yang lain. Sejarah menjadi saksi tunggal bahawa Sabah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia kerana tidak mahu dijajah oleh orang-orang British, Oleh yang demikian saya mengesyorkan supaya Kerajaan Persekutuan menghapuskan dasar-dasar yang berbentuk dasar-dasar penjajahan itu untuk mengikis perasaan dijajah oleh Kerajaan Persekutuan di katangan rakyat jelata di Negeri Sabah.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Madatang bin Morejal: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pada itu

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali:
Sekejap sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Madatang bin Morejal:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak dapat memberi jalan.

Dalam pada itu saya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya sentiasa peka kepada sentimen dan kehendak majoriti rakyat Sabah.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali:
Kerana saya juga Ahli Yang Berhormat daripada Sabah, jadi kalau boleh berikan saya peluang untuk minta penjelasan.

Tuan Madatang bin Morejal: Saya tidak dapat memberi penjelasan.

Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali: Sebab saya tidak mahu terlibat, walhal Ahli Yang Berhormat daripada Sabah menerima pertukaran pegawai Kerajaan itu yang sudah wujud di masa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Madatang bin Morejal: Terima kasih. Dalam pada itu saya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya sentiasa peka kepada sentimen dan kehendak majoriti rakyat Sabah. Kerajaan seharusnya tidak membenarkan pengaruh minoriti untuk mengganggu-gugat kestabilan majoriti. Walau pun golongan minoriti yang dimaksudkan itu pilihannya. Saya harap pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan segera untuk membaiki keadaan-keadaan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.16ptg.

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan dan menyokong Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Di-Raja bagi Parlimen Ketujuh Penggal Ketiga pada 6hb Mac, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) telah ditubuhkan oleh Kabinet untuk mengkaji dan meninjau prestasi Dasar Ekonomi Baru dan menyerahkan cadangan-cadangan kepada Kerajaan mengenai pembentukan Dasar ekonomi selepas tahun 1990. Semenjak MPEN ini mula

bersidang ramai rakyat termasuk segelintir pemimin-pemimpin politik dan Menteri Kabinet telah menyuarakan pendapat dan pandangan mereka secara terbuka mengenai cara bagaimana penyusunan semula masyarakat patut dilaksanakan serta rumusan pembahagian kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat mengkritik niat Menteri-menteri tertentu untuk mencari kepentingan populariti politik ataupun mempersoalkan sama ada ia adalah tepat memberi pandangan terbuka sebelum MPEN selesai menjalankan tugasnya. Walau bagaimanapun saya berharap para Menteri berkenaan yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan akhir tentang Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990 akan memperhatikan dan mengambil kira dua perkara yang penting. Yang pertama, penyusunan semula masyarakat tanpa pertumbuhan ekonomi yang pesat adalah tidak bermakna langsung kerana tidak ada apa-apa boleh diagihkan. Yang kedua, jika penyusunan semula masyarakat menjejaskan pertumbuhan ekonomi, objektif untuk mencapai perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat tidak akan tercapai kerana pertumbuhan ekonomi yang negatif atau membawa kepada kemelesetan ekonomi yang akan mengakibatkan ketidakmampuan untuk melaksanakan berbagai pembasmian kemiskinan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Chew Kam Hoy: Saya ingat ucapan saya panjang.

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan sedikit, sebab tidak begitu terang.

Tuan Chew Kam Hoy: Tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan Yang Berhormat. Ahli daripada Pasir Pinji sila duduk.

Tuan Chew Kam Hoy: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Pendek kata, segala rancangan-rancangan dan program-program penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan untuk mencapai perpaduan negara akan gagal jika negara kita tidak mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tepat lagi mantap. Oleh sebab itu kita patut menumpukan perhatian kita kepada peningkatan kadar pertumbuhan ekonomi negara terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita telah pulih kerana harga barangan mentah kita telah meningkat. Eksport hasil pembuatan kitang juga telah meningkat kerana kejatuhan nilai ringgit kita. Pelaburan asing mula bertambah kerana kita telah melonggarkan syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru tentang ekuiti penyertaan Bumiputera dan menawarkan insentif-insentif yang menarik. Kemakmuran yang kita menikmati sekarang pada hari ini bukanlah akibat segala usaha kita sendiri, walau pun negara kita telah mencapai kemerdekaan politik namun kita masih dipengaruhi dan dijajah dari segi bidang ekonomi. Kita bukanlah, dengan izin, master of our own economic fate. Tidak sehingga pada hari kita boleh berdikari dalam bidang teknologi, tidak sehingga pada hari yang mana kita boleh mengamal dan memperbaiki teknologi yang diperolehi dari negara asing serta membangunkan teknologi baru kita sendiri, kita tidak boleh menjadi dengan izin, master of our own economic fate. Kita telah belanja berjuta-juta ringgit.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun pula, hendak beri jalan?

Tuan Chew Kam Hoy: Tan Sri, tidak berilah.

Tuan Lau Dak Kee: Mengapa?

Tuan Chew Kam Hoy: Saya mahu sebut Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, dia tidak beri jalan, sila duduk!

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, kita telah belanja berjuta-juta ringgit membeli teknologi yang telah usang penggunaannya, tetapi kita tidak belanja dengan secukupnya mengembangkan bidang penyelidikan dan pembangunan kita, dengan izin, research and development, untuk mereka teknologi yang lebih moden dan sesuai untuk penggunaan negara. Marilah kita meneliti perangkaan berikut untuk mengetahui bagaimana negara-negara seperti Jepun, Jerman Barat, Ohited Kingdom dan Amerika Syarikat boleh menjadi begitu maju, sedangkan negara kita sendiri masih jauh ketinggalan ke belakang.

Negara-negara Jepun membelanjakan sebanyak 2.78% daripada Keluaran Kasar Dalam Negara atau KKDN dalam tahun 1982 untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan. Jerman Barat pula membelanjakan 3.04% KKDN dalam tahun 1981 dan Amerika Syarikat pula membelanjakan 2.36% KKDN dalam tahun 1988 untuk tujuan RND, (Research and Development). United Kingdom dalam tahun 1978 membelanjakan 2.47% KKDN manakala Malaysia negara kita hanya membelanjakan 0.5% KKDN dalam tahun 1982 untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan. Oleh yang demikian, Kerajaan kita patut memberi lebih perhatian kepada

bidang penyelidikan dan pembangunan dan memperuntukkan lebih banyak peruntukan kepada bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini untuk memperluaskan kajian dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, saya mencadangkan Kerajaan patut memperkenalkan suatu cukai khas yang dinamakan cukai penyelidikan dan pembangunan. Cukai ini dikhaskan kepada syarikat-syarikat kilang yang berkeuntungan. Saya beranggapan ini adil kerana sebarang hasil kajian penyelidikan dan pembangunan akan pulang balik kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman banyak negara termasuk negara kita sendiri, campur tangan Kerajaan yang berlebihan dalam ekonomi boleh menghalang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Oleh sebab itu Kerajaan kita patut meliberalisasikan lagi ekonomi negara, bukan sahaja dari segi penswastaan beberapa perkhidmatan awam tetapi juga perlu dalam bidang perniagaan eksport. Syarikat-syarikat tempatan yang berorientasikan eksport patut dikecualikan daripada segala syarat-syarat Dasar Ekonomi Baru serta beri layanan yang sama seperti syarikat-syarikat asing. Ini akan menggalakkan semangat keusahawanan, dengan izin, spirit of entrepreneurship di kalangan para pelabur tempatan. Di samping itu, mereka akan digalakkan mengambil risiko menceburi diri dalam bidang eksport. Setiap ringgit yang untung dari luar negeri sebanyak 40 sen akan disumbangkan kepada negara dalam bentuk cukai pendapatan. Dengan jumlah sumbangan ini kepada ekonomi negara kita, kenapa Kerajaan kita tidak membenarkan mereka kebebasan menjalankan perniagaan mereka cara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi dunia semakin hari semakin

bersamgan dan perlindungan dagangan juga semakin hebat. Walaupun kita mengakui hakikat bahawa ekonomi negara perlu lebih persaingan, namun begitu kita perlu berjimat-cermat demi mengelakkan daripada mensia-siakan sumber-sumber negara kita. Kegagalan begitu banyak Perbadanan Awam Bukan Kewangan, dengan izin, Non-financial Public Enterprise merupakan suatu susutan sumber yang besar sekali. Kerajaan patut mengambil langkah menutup semua Perbadanan Awam Bukan Kewangan yang telah mengalami kerugian besar sejak beberapa tahun yang lalu dan yang sudah tidak, dengan izin, viable, lagi. Kerajaan juga perlu meneliti jumlah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan di dalam bidang pendidikan khususnya dalam menajakan penuntut-penuntut melanjutkan pendidikan mereka ke luar negeri.

Saya amat terkejut membaca dalam satu rencana suratkhbar New Straits Times yang bertarikh 4hb Mac, 1989 menyatakan bahawa Kerajaan membelanjakan sebanyak \$750 juta tiap-tiap tahun untuk menaja lebih 10,000 penuntut di Amerika Syarikat. Apa yang terkejut sekati ialah sebahagian besar daripada jumlah penuntut ini tidak melanjutkan pendidikan mereka dalam 25 buah universiti utama yang diiktiraf di Amerika Syarikat. Universiti seperti Harvard, Yale dan Cornell dan sebagainya.

Pada tahun 1988 yang lepas, Kerajaan telah menghantar seramai 3,194 penuntut ke Amerika Syarikat tetapi hanya 31 orang penuntut yang dapat memasuki dalam 25 universiti utama itu. Adakah keadaan ini menjustifikasikan tindakan Kerajaan membelanjakan jumlah kewangan yang begitu besar untuk penuntut-penuntut tajaannya di universiti-universiti Amerika Syarikat yang bermutu kedua atau ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, pertumbuhan ekonomi perlu diutamakan. Saya berharap para pemimpin negara kita akan tahu di mana letaknya priority utama negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

5.27 *ptg.*

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bagi membahaskan ucapan Titah Ucapan Di Raja yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua,- seperti kita sedia maklum bahawa rasuah merupakan satu penyakit yang sangat bahaya kepada negara. Kegiatan ini jika dihapuskan atau dibendung, ia akan akhirnya merubuhkan negara kita ini. Rasuah sudah mula menyerap kesemua peringkat lapisan hidup, termasuk dalam jawatan yang paling tinggi hinggalah ke jawatan bawahan. Sebuah jawatankuasa telah pun dibentuk oleh Kerajaan dengan diketuai oleh Tuan Anwar Ibrahim semata-mata bertujuan hendak membanteras rasuah dan penyelewengan dalam Kerajaan. Penubuhan jawatankuasa sebegini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak yakin kepada Badan Pencegah Rasuah yang ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri.

Perdana Menteri seringkali telah berkata bahawa rasuah adalah musuh nombor satu negara. Apabila beliau merasmikan seminar dua hari yang dikelolakan oleh Badan Pencegah Rasuah untuk Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dalam bulan Oktober 1988, beliau menggesa Ketua-ketua Jabatan Kerajaan supaya hentikan daripada melindungi orang-orang yang korup.

Kami irigin menggesa Kerajaan supaya jangan hanya menghadkan perang terhadap rasuah kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan tetapi ia harus juga meliputi orang-orang yang memegang jawatan politik yang tertinggi tidak kira sama ada mereka itu adalah ahli-ahli politik, Menteri-menteri ataupun Perdana Menteri sendiri. Ini adalah mustahak untuk memperoleh kembali keyakinan rakyat dan janganlah kata-kata untuk membanteras rasuah cuma berada di bibir mulut sahaja.

Penduduk-penduduk di Sabah merasa malu kerana mengikut pengumuman yang dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah, Sabah merupakan yang paling hebat di mana rasuah berlaku. Ingin saya menegaskan di sini bahawa kebanyakan rakyat Sabah adalah jujur dan bersih. Hanya mereka yang tertentu yang berada di tempat-tempat atasan terbabit dalam rasuah. Dalam konteks ini, ingin saya menyatakan bahawa tidak pernah dalam sejarah Sabah begitu ramai Menteri-menteri dan dif-dif kehormat dilaporkan kepada BPR kerana rasuah.

Pada bulan Disember 1987, seorang ahli perniagaan bernama Peter Ho telah membuat laporan polis terhadap lapan pemimpin PBS kerana didakwa terlibat dalam rasuah. Mereka adalah ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Jeffrey Kitingan yang juga adalah adik Ketua Menteri Sabah, bekas Peguam Negara Sabah, Datuk Herman Luping; Menteri Pengangkutan, Datuk Joseph Kurup; Menteri Kewangan, Datuk Bernard Dompok, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Kadoh Agundong, Ahli-ahli Dewan Negeri, Yang Berhormat Lawrence Gimbang dan Yang Berhormat Steven Ketai.

Peter Ho dalam aduan polisnya itu mendakwa bahawa Ketua Menteri

Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitinggan dan tuiuh orang lain telah secara tidak sah dari „ segi undang-undang meluluskan 1,010,150 ekar tanah kayu balak yang terletak dalam kawasan simpanan hutan untuk kepentingan peribadi dan keluarga mereka tanpa kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kota Belud hendak apa?

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Minta penjelasan.

Tuan Fung Ket Wing: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, 'Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: Peter Ho juga dalam aduannya menghuraikan maklumat-maklumat dan rujukan-rujukan serta butir-butir lanjut tentang kelulusan tanah tersebut.

Peter Ho pernah membuat aduan polis terhadap Datuk Pairin dalam bulan November tahun 1987 kerana meluluskan 79,050 ekar tanah kayu balak kepada dua syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan. Peter Ho juga mendakwa bahawa Datuk Pairin telah menggunakan pengaruhnya. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Sandakan berhenti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Kota Belud.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 36 (6). "Seseorang ahli

tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain." Ini adalah sangkaan jahat kerana apa yang saya dapat tahu telah pun dilaporkan kepada polis dan kita akan menanti apa keputusannya. Jadi apa yang diheboh-hebohkan oleh Ahli yang berkenaan di Dewan Parlimen ini kalau ianya bukan berdasarkan kepada sangkaan jahat. Jadi saya minta ruling agar ianya tidak boleh menyentuh tentang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dikatakan tadi.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, itu hak orang ramai. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Duduk dahulu! Tadi Yang Berhormat menyebutkan nama seorang Ahli Parlimen dengan nama sendiri. Saya rasa kalau Yang Berhormat hendak bercakap eloklah perkara itu diumumkan tidak menyebut seseorang Ahli dengan nama sendiri. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Fung Ket Wing: Okay. Peter Ho pernah membuat aduan polis terhadap Datuk Pairin dalam bulan November tahun 1987 kerana meluluskan 79,050 ekar tanah kayu balak kepada dua syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan. Peter Ho juga mendakwa bahawa Datuk Pairin telah menggunakan pengaruhnya. . . .

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Yang Berhormat berkenaan menyebut nama. Itu sudah pun. . . .

Tuan Fung Ket Wing: Itu sebagai example sahaja.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Itu bukan example. Itu sangkaan jahat.

Tuan Fung Ket Wing: Apa sangkaan jahat?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Belud nanti sekejap. Yang Berhormat Sandakan saya sudah sebutkan tadi, Yang Berhormat jangan sebut nama. Kalau Yang Berhormat fikir perkara ini munasabah, Yang Berhormat boleh sebutkan Kerajaan tidak dengan nama tertentu, sebab Yang Berhormat itu yang disebutkan ialah Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini juga. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Fung Ket Wing: Konsesi kayu balak bagi Syarikat More Success Sdn Bhd yang mana pengerusi syarikat tersebut adalah adik ipar Ketua Menteri sendiri bernama Madeline Aning Sokuboh.

Peter juga mendakwa bahawa dalam satu transeksi yang lain, Ketua Menteri Sabah telah meluluskan secara tidak sah dari segi undang-undang satu konsesi' kayu balak seluas 66,700 ekar di rusmaui, Keningau, kepada Terju Sdn Bhd. Tanah yang dimaksudkan itu terletak dalam kawasan simpanan hutan dan ia hanya boleh diluluskan oleh Dewan Negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sandakan, tunggu sekejap ya. Ya, Yang Berhormat dari Kota Belud?

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 36 (2). "Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu. Apa yang saya dapat tahu bahawa perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu telah pun sampai kepada pengetahuan mahkamah. Jadi, ianya sedang dalam pertimbangan mahkamah dan

kalaupun salah maka terpulanglah kepada mereka untuk menerima akibatnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Belud, apakah perkara ini dilaporkan kepada polis ataupun dalam laporan polis sahaja.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Laporan polis sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Laporan polis sahaja, jadi belum ada apa-apa tindakan-diambil.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Saya ingat dalam tindakan pertama telah dilaporkan kepada polis dan juga seterusnya ke mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dahulu Yang Berhormat dari Kota Belud. Kalau perkara ini dilaporkan kepada polis, itu merupakan belum lagi dalam mahkamah melainkan orang-orang yang terlibat itu dihadapkan ke mahkamah barulah dijadikan kes di mahkamah.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak yang tertuduh telah pun dikemukakan kesnya ke mahkamah untuk perbicaraan.

Tuan Fung Ket Wing: Dia mahu kacau sahaja, mana pergi mahkamah? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Belud duduk ya.

Tuan Fung Ket Wing: Kalau saya mahu, saya mahu injury time.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di Sabah begitu bebas untuk membawa ke mahkamah apa lagi hal sebesar ini tidak dibawa ke mahkamah.

Tuan Fung Ket Wing: Ia belum ke mahkamah, itu cuma report sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Belud duduk ya, Yang Berhormat dari Sandakan teruskan.

Tuan Fung Ket Wing: Saya sudah habis,

Tuan Maidom P. Pansai: Saya minta satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Keputusan saya kalau perkara ini hanyalah dilaporkan kepada polis, itu bukanlah dalam pertimbangan mahkamah tetapi kalau pihak-pihak yang berkenaan telah dituduh di mahkamah baru dalam pertimbangan mahkamah. Jadi perkara itu tidak boleh disebut. Kalau hanya buat laporan sahaja saya rasa tidak ada kaitan yang boleh dibangkitkan dalam Dewan. Teruskan Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat dari Sandakan. Yang Berhormat dari Pasir Pinji hendak apa?

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sandakan boleh berikah kepada member hendak minta jalan? (*Ketawa*)

Tuan Fung Ket Wing: Boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak minta penjelasan sama ada tuduhan-tuduhan itu dikatakan telah diserahkan

kepada mahkamah, sama ada betul atau membuat kenyataan-kenyataan untuk mengacau Yang Berhormat sahaja?

Tuan Fung Ket Wing: Belum pergi mahkamah, hanya ada police report sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Fung Ket Wing: Ya, saya teruskan. Ketua Menteri Sabah juga ada membuat aduan polis.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada point of order?

Tuan Maidom P. Pansai: Penjelasan.

Tuan Fung Ket Wing: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri. Teruskan Yang Berhormat dari Sandakan.

Tuan Fung Ket Wing: Ketua Menteri Sabah juga membuat aduan polis di Karamuning Police Station pada 15 Disember 1987 terhadap Peter Ho dan orang-orang lain kerana membuat tuduhan-tuduhan yang palsu dan bersifat fitnah dan semenjak itu tidak kedengaran apa-apa pun tentang laporan polis yang dibuat oleh Peter Ho itu.

Penduduk-penduduk Sabah ingin tahu hasil penyiasatan yang dijalankan ke dalam beberapa aduan polis yang dibuat terhadap pemimpin-pemimpin PBS berkaitan dengan rasuah. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab BPR untuk bertindak tanpa berasa takut atau memihak dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang korup.

Penduduk-penduduk Negeri Sabah inginkan sangat supaya keadilan dilakukan dan rasuah dibanteras sama sekali di negeri tersebut. Maka dengan itu parti DAP menggesa agar penyiasatan sewajarnya dijalankan ke dalam laporan-laporan yang dibuat terhadap pemimpin-pemimpin PBS itu dan sekiranya terdapat bukti yang mereka itu terbabit dalam rasuah maka mereka hendaklah didakwa dalam mahkamah dan sekiranya didapati tiada apa-apa bukti maka nama mereka ini hendaklah dibersihkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb March 1989, Timbalan Menteri Kewangan telah menjawab soalan saya mengenai pencerobohan yang berlaku di pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri di Kota Kinabalu. Menurut beliau, fail-fail yang disimpan di Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah sulit dan menjadi rahsia jabatan untuk menjaga kepentingan pembayar-pembayar cukai. Justeru itu, fail-fail yang hilang dan nama orang-orang yang berkenaan tidak dapat dimaklumkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menanya mengenai isi kandungan fail-fail tersebut. Apa yang saya hendak ialah nama orang-orang yang kehilangan fail-fail itu. Saya setuju bahawa isi kandungan fail-fail itu adalah sulit dan menjadi rahsia jabatan. Akan tetapi, saya tidak mempercayai nama orang-orang tersebut pun boleh dijadikan sulit dan rahsia. Ini bermakna Kerajaan telah menyalahgunakan perkataan-perkataan sulit dan rahsia. Tujuannya adalah jelas: Kerajaan sanggup menggunakan Akta Rahsia Rasmi untuk menyembunyikan kesalahan-kesalahan dan amalan-amalan rasuah. Di sini, saya juga hendak mengatakan bahawa saya juga seorang pembayar cukai di Sabah dan saya mempercayai bahawa fail cukai pendapatan saya

terdapat di Jabatan Hasil Dalam Negeri Kota Kinabalu. Sekarang, Kementerian Kewangan tidak mahu mendedahkan nama orang-orang yang kehilangan fail-fail tersebut. Saya tidak boleh tidak memikirkan bahawa salah satu fail yang hilang itu adalah fail saya.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak polis tidak dapat mengenalpastikan fail-fail yang telah hilang itu serta sama ada fail-fail itu ada kenamengena dengan beberapa orang terkemuka yang sedang disiasat oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Timbalan Menteri itu adalah tidak betul dan mengelirukan Dewan yang mulia ini. Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar semasa beliau membuat lawatan ke Sabah pada 17hb Februari 1989, salah satu fail yang hilang di dalam peristiwa pencerobohan tersebut adalah dipunyai seorang kenamaan yang terbabit di dalam kes penyiasatan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Hasil Dalam Negeri, Datuk Hassan Ibrahim telah memberitahu pihak akhbar setelah menghadiri mesyuarat yang pertama Institut Akauntan-akauntan Cukai di Universiti Pertanian Malaysia, bahawa pencerobohan tersebut telah mengakibatkan kehilangan beberapa fail yang telah dirampas dari kediaman-kediaman ahli-ahli politik dan perniagaan yang ternama pada tahun yang lalu. Di dalam serbuan-serbuan tersebut, pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri dari Kuala Lumpur yang diketuai oleh Datuk Hassan telah merampas fail-fail dari rumah-rumah beberapa orang termasuk Menteri-menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pencerobohan tersebut haruslah dianggap

sebagai satu peristiwa yang, serius. Difahamkan, bahawa .dua pekerja Jabatan Hasil Dalam Negeri meminta izin daripada pengawal-pengawal keselamatan di bangunan. Jabatan Hasil Dalam Negeri pada awal hari yang berkenaan untuk memasuki pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri. Pengawal-pengawal tersebut mendakwa bahawa seberapa ketika kemudian, .pekerja-pekerja Jabatan Hasil Dalam Negeri itu meninggalkan bangunan tersebut dengan satu sampul surat yang besar. Menurut laporan-laporan akhbar, penceroboh-penceroboh itu berlagak seolah-olah sangat biasa dengan bangunan Jabatan Hasil. Dalam Negeri dan mereka mengetahui di mana tersimpannya fail-fail yang dikehendaki itu.

Sekiranya dakwaan tersebut adalah benar, Kementerian Kewangan hendaklah membongkarkan nama kedua-dua pekerja Jabatan Hasil Dalam Negeri tersebut dan tujuan mereka memasuki pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri itu ketika tempoh bercuti serta apakah yang telah dibawa keluar dari pejabat tersebut. Adakah perbuatan mereka itu berkaitan dengan pencerobohan tersebut?

Saya berpendapat bahawa Kementerian hendaklah memperketatkan keselamatan di Pejabat Hasil Dalam Negeri Kota Kinabalu. " DAP mendesak supaya Kementerian Kewangan mendedahkan nama orang-orang yang kehilangan fail-fail di dalam pencerobohan tersebut. Kementerian tidak seharusnya menutupi peristiwa itu dengan menggunakan ' perkataan-perkataan sulit dan rahsia. Jika Kementerian terus berbuat demikian, ia lebih dianggap sebagai tidak jujur dan tidak cekap.

DAP menyeru pihak polis supaya mempercepatkan penyiasatan ke atas peristiwa tersebut dan seterusnya membawa orang-orang yang disyaki

ke muka keadilan tanpa memilih kasih dan tanpa ketakutan.

Rakyat Sabah sedang menanti pihak polis agar ia dapat menunjukkan ketidak takutan terhadap ikan-ikan jerung. Jikalau nama orang-orang yang kehilangan fail-fail di dalam peristiwa tersebut tidak dapat dibongkarkan maka rakyat Sabah tidak boleh tidak menganggap fail-fail merekalah yang hilang.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan kos sara hidup ialah satu hal yang mendapat perhatian berat rakyat terutama mereka dari golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Baru-baru ini Menteri Pengerangan berkata Kabinet diminta mengambil langkah-langkah untuk memeriksa kos sara hidup di Johor Bahru. Akan tetapi perlu ditekankan di sini bahawa kos sara hidup yang tinggi tidak hanya wujud di Johor Bahru sahaja tetapi di seluruh negara terutama dalam kawasan-kawasan bandar.

Menurut bancian sepintas lalu yang dijalankan baru-baru ini di Kuala Lumpur dan lain-lain bandar besar di negara ini adalah didapati keseluruhan barang-barang bukan kawalan mengalami kenaikan harga. Malah barang-barang perlu juga mengalami harga yang melambung.

Kabinet patut mengambil, berat akan masalah kenaikan harga barang-barang dan meheliti masalah ini secara keseluruhan dan tidak hanya tertumpu di Johor Bahru sahaja. Kenaikan kos sara hidup menjadi masalah serius bagi golongan berpendapatan rendah. Malah golongan berpendapatan sederhana dalam kawasan-kawasan bandar menghadapi kesukaran untuk menampung .keperluan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian dilaporkan menyaran

pengguna-pengguna supaya memboikot barang-barang yang dijual pada harga tidak munasabah. Beliau juga menyeru supaya memboikot peniaga-peniaga yang hanya mementingkan ketamakan keuntungan. Seruan pemboikotan bukanlah jalan penyelesaian kepada masalah terutama apabila barang-barang yang terlibat dengan kenaikan harga yang tidak munasabah adalah termasuk barang-barang perlu seperti susu, bawang merah, bawang putih dan barang-barang kering yang lain. Banyak tindakan pemboikotan masa lalu menemui kegagalan dan pada masa ini apabila kenaikan harga melibatkan barang-barang perlu, seseorang akan hairan sama ada pemboikotan itu akan berhasil.

Masa telah tiba bagi pengguna-pengguna dan Kerajaan perlu merangka strategi untuk membendung kenaikan harga yang tidak munasabah dan melindungi rakyat dari peniaga-peniaga yang tamakkan keuntungan. Pada ketika ini tidak ada undang-undang yang menentang ketamakan keuntungan atau "profiteering" dan Kementerian patut mengakui hakikat ini.

Dengan pandangan ini saya menyeru Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Tribunal Harga Adil dengan dibekalkan kuasa-kuasa untuk membuat peraturan, kawalan dan menyelia penjualan semua barang perlu. Representasi ke dalam Tribunal ini hendaklah terdiri dari badan-badan pengguna, kesatuan sekerja, pengilang-pengilang dan Kerajaan sendiri.

Perhatian yang diberikan kepada perlindungan pengguna sangat rendah di bawah dasar semasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna yang ditubuhkan oleh Kerajaan yang melibatkan penyertaan badan-badan pengguna adakah

bersifat penasihat semata-mata. Rekomendasi daripada Majlis tidak hanya dirahsiakan tetapi keputusan-keputusan Majlis juga tidak diketahui oleh orang ramai.

Kerajaan hendaklah juga menyemak berbagai undang-undang yang ada yang berkaitan dengan perlindungan pengguna. Pada masa ini terdapat lebih kurang 35 buah undang-undang berasingan di bawah pelbagai Kementerian. Tidakkah kesemuanya ialah undang-undang pengguna tetapi hanya mengandungi berbagai aspek mengenai perlindungan pengguna.

Kerajaan hendaklah mempunyai satu undang-undang yang komprehensif yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Pengguna yang akan mengawal perlindungan para pengguna, hal ehwal pengguna dan peranan kesatuan-kesatuan pengguna.

Masanya telah tiba juga bagi Kerajaan untuk memberi pemikiran serius sama ada wujudnya percanggahan kepentingan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menghadiri hal ehwal pengguna kerana Kementerian pada dasarnya wujud untuk memenuhi kepentingan para pengeluar, pengusaha-pengusaha kilang dan bagi pelabur-pelabur. Bagi saya ia merupakan satu percanggahan kepentingan.

Parti DAP rasa perlindungan pengguna hendaklah diletakkan di luar bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jika Kerajaan komited secara ikhlas kepada perlindungan pengguna dan galakan kepentingan pengguna, maka ia patut mempunyai sebuah Kementerian berasingan untuk menguruskan hal ehwal pengguna. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jerai.

5.59 ptg.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta dengan rakan-rakan saya menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak rakan-rakan saya sebelah sini menyampaikan pandangan-pandangan dan hujah-hujah menarik terutama dalam soal yang berhubung dengan soal sosio-ekonomi rakyat khususnya soal-soal yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru dan perancangan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dengan satu guideline yang lebih realistik dan lebih-lebih lagi dalam soal kemandirian perpaduan yang hakiki dalam masyarakat majmuk negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur ke hadrat Allah sungguhpun kemerdekaan negara sudah menjangkau hampir 32 tahun usianya, sebagai sebuah negara muda yang membangun di rantau ini, kita telah dapat lihat dengan jelas dalam semua aspek pembangunan negara yang telah mencapai kejayaan yang begitu pesat, khususnya pembangunan sosio-ekonomi rakyat jelata negara kita. Ini diakui oleh dunia luar apatah lagi negara-negara tetangga kita dengan hasil kegigihan usaha yang bersungguh-sungguh dari pemimpin-pemimpin kita yang silih berganti yang melaksanakan amanat rakyat dari masa ke semasa.

Hakikat ini jelas terbukti dari sokongan tiap kali pilihanraya diadakan, Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan sentiasa 'memenangi kerusi-kerusi Parlimen melebihi -dua pertiga ahli dalam Dewan yang mulia ini menjadikan

parti yang memerintah negara bertuah dari masa ke semasa. Hakikat ini telah jelas, Barisan Nasional yang menjadi tunggak perpaduan semua kaum mahupun di Semenanjung, Sarawak serta Sabah telah mencipta satu rekod yang gemilang atas kesefahaman yang wujud di kalangan Bumiputera dan bukan Bumiputera menjadikan negara ini kestabilan politiknya.

Dengan kestabilan politik inilah kita lihat pelabur-pelabur dari luar negeri lebih yakin melabur di sini walaupun ada di kalangan parti Pembangkang khususnya DAP dan ada orang-orang yang begitu sekali telah masuk dalam golongan-golongan kecewa yang menabur fitnah di luar-luar negeri untuk mengurangkan pelaburan datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita memupuk suburkan perpaduan yang lebih kental di antara kaum di negara kita agar satu perpaduan yang mantap wujud benar-benar di negara kita ini, kita sentiasa dicabar oleh suara-suara sumbang yang datang dari dalam negeri bukan sahaja dari parti Pembangkang, malahan ada di kalangan anggota-anggota dalam komponen Barisan Nasional sendiri. Kita tidak hairan kalau ia datang dari parti-parti Pembangkang kerana kita tahu mereka ini sengaja menggunakan Parlimen ini tempat mengeluarkan hujah-hujah mereka untuk menimbulkan satu suasana yang begitu tidak baik dan untuk mencari jumlah pengundi-pengundi baru bagi menyokong mereka.

Begitu juga dari kalangan PAS yang wakilnya sudah tidak ada dalam Dewan ini yang telah memberi ucapan yang dinamakan "ucapan widak", ucapan selamat tinggal. Anggota tunggal PAS ini telah menyentuh soal "Balatun Toiyibatun wa-Robbun Ghafuur" sebuah negara kebajikan dan mendapat keampunan Allah. Saya kira tujuh kali sebutan ini disebut

dalam Parlimen ini. Tetapi malangnya beliau tidak ada di sini. Saya rasa saya tidak perlu hendak cakap banyak dalam soal "Baldatun Toiyibatun" kerana kita tahu bahawa perjuangan PAS yang dibuat selama ini yang dahulunya dipimpin oleh Dato' Haji Mohd. Asri yang menggempurkan semangat jihad kepada anggota-anggota PAS bagi mewujudkan sebuah negara "Baldatun Toiyibatun wa-Robbun Ghafuur"—negara kebijakan dan mendapat keredaan dan keampunan Allah, Tuhan telah mengurniakan kepada mereka satu waktu memerintah negeri Terengganu dan Kelantan. Walaupun mereka telah menguasai kedua-dua negeri pada satu waktu dalam cita-cita melaksanakan sebuah negara "Baldatun Toiyibatun wa-Robbun Ghafuur", tidak ada kelab-kelab malam dan tempat-tempat perjudian yang ditutup di negeri Kelantan. Akhirnya dengan kehendak Allah juga kedua-dua buah negeri telah dapat semula ke tangan Barisan Nasional.

Dengan demikian tindak tanduk, nada dan suara-suara sumbang yang mempersoalkan hakikat perpaduan yang wujud selama ini hinggakan ada di kalangan anggota komponen Barisan Nasional telah meragui malah menimbulkan kecurigaan di dalam Barisan Nasional sendiri. Kita amat dukacita dan kesal—kalau dalam Parlimen ini tempat kita meluahkan perasaan dan isi hati, katau kita anggota komponen Barisan Nasional, maka dalam Barisan Nasionallah sendiri yang patut diperbincangkan soal untuk menguatkan perpaduan kita, bukan di Parlimen ini. Biarkanlah sahaja kepada parti-parti Pembangkang yang mempersoalkan perpaduan negara.

Dalam Dewan yang mulia ini banyak kita menyaksikan kata-kata yang diluahkan di sini yang mengenai banyak isu terutama dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Berbagai tohmah dan tuduhan kepada Kerajaan dengan menimbulkan prasangka yang buruk yang sering kali mencuit hati orang-orang Melayu dan Bumiputera negara ini khususnya, apatah lagi kalau ianya dibahaskan mengikut sentimen perkauman yang sempit malah disebar untuk menarik perhatian umum yang lambat laun merupakan percikan api yang akan menjadi marak dan membakar perpaduan yang kita bina selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, hentikanlah perbuatan curiga mencurigai di antara kita. Marilah kita pulihkan semangat memasuki era baru ini dengan lebih kuat perpaduan kita supaya kita lebih menjadi parti pemerintah dari masa ke semasa sehingga jenerasi yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad yang dengan ikhlas dan sabar menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara dengan menjemput semua pihak merumuskan satu "guideline" atau pandu arah dalam usaha pemberian ekonomi yang lebih adil berteraskan perpaduan nasional yang mantap. Walaupun ianya tidak diturut serta oleh DAP yang nakal, kita berdoa agar MPEN akan dapat merumuskan sesuatu yang lebih dinamis dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, dasar ekonomi yang benar-benar manfaatnya kepada rakyat di negara ini. Semoga dengan sejarah terwujudnya Dasar Ekonomi yang baru ini dari peristiwa hitam negara beberapa waktu yang lalu, akan tidak menjadi kekeliruan dan tohmahan dari setengah pihak yang sentiasa menghakiskan perpaduan kita selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari keadaan jenayah di negara kita seperti sering kali dipaparkan di ruang-ruang akhbar tempatan, umpamanya

jenayah, rompakan, pembunuhan, penganiayaan kepada kanak-kanak dan sebagainya, rogol dan lain-lain lagi bentuk jenayah, malahan jenayah yang akhir-akhir ini ialah jenayah kolar putih yang berlaku bukan sahaja dalam jabatan-jabatan Kerajaan tetapi di kalangan swasta. Dalam membanteras ini, tugas Kementerian Dalam Negeri semakin mencabar. Oleh yang demikian sudah tibalah masanya Kementerian Dalam Negeri perlu memperbesarkan pasukan polisnya dalam berbagai-bagai bidang kegiatan membanteras jenayah dalam semua bidang, semua bentuk di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin menyentuh di atas sikap setengah-setengah dari pegawai-pegawai eksekutif Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan kita. Sungguhpun kebanyakan pegawai-pegawai ini bekerja lebih dedikasi, bukan sahaja mengikuti etika kerja malahan dengan jujur melaksanakan tugas eksekutifnya bagi kepentingan rakyat dan negara tetapi ada segelintir di kalangan mereka yang menjadi duri dalam daging, bukan sahaja di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan malahan terdapat di pusat-pusat pengajian tinggi di negara kita. Maka untuk melicinkan pelaksanaan pentadbiran negara yang lebih cekap dan produktif, dedalu yang meracuni pohon tempat rakyat berteduh ini perlu dibersihkan. Saranan saya mereka ini bukan sahaja diberi berbagai kursus sama ada dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), tetapi kegiatan mereka berhubung dengan orang ramai perlu diikuti serta tindakan yang wajar sesuai dengan Perintah Am diambil terhadap mereka secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak ketinggalan dalam Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan merakamkan tahniah khususnya

kepada Yang Berhormat Haji Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan serta tokoh-tokoh pendidikan di Kementerian beliau yang bertungkus-lumus dengan gigih berusaha mencapai matlamat pendidikan nasional yang berkesan. Sungguhpun ada segelintir golongan kecil yang sengaja membesarkan perkara-perkara remeh, namun Kementerian Pendidikan dengan pimpinan beliau dapat meneruskan bagi mencapai matlamatnya. Pada tahun ini sistem Penggal Persekolahan Baru dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah berjalan lebih teratur dan kita yakin sistem pendidikan yang unggul di negara kita dapat mewujudkan satu bangsa yang bermaruah.

Menarik perhatian saya kepada Kurikulum Bersepadu di Sekolah-sekolah Menengah, saya ingin menyeru agar buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah menengah perlu lebih banyak buku-buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Setahu saya buku-buku di peringkat sekolah-sekolah menengah ini amat kekurangan buku-buku yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, yakni teks di sekolah-sekolah menengah amat berkurangan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian harus memberi perhatian dan memberi sokongan yang besar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah agensi Kerajaan yang penting ini dalam melaksanakan cita-cita bahasa dan terimalah buku-buku ini di peringkat sekolah-sekolah menengah kita. Kita amat berterima kasih kerana di peringkat sekolah rendah, kesemua sekolah-sekolah rendah di negara kita telah menerima buku dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Kenapakah di peringkat menengah buku-buku dari Dewan ini amat berkurangan sekali diterima oleh guru-guru di sekolah-sekolah menengah tersebut? Yang Berhormat Menteri Pendidikan perlu

juga menyiasat kenapakah sikap kebanyakan guru-guru di sekolah menengah di negara ini yang tidak mahu menggunakan penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sedangkan Dewan Bahasa dan Pustaka ini mencukupi pengeluarannya dalam berbagai matapelajaran untuk keperluan di sekolah-sekolah menengah ataupun ini satu lagi duri dalam daging yang sabotaj cara halus kepada sebuah agensi Kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen dari Kedah, saya juga ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan agar sebuah lagi ITM perlu diwujudkan di Kedah. Inspirasi Negeri Jelapang Padi negara dan harapan anak bendang, anak sawah Kedah semoga ITM dilaksanakan di Kedah memandang Gunung Jerai sebagai mercu tanda negeri Kedah, adalah diharapkan Kementerian Pendidikan dapat memberi perhatian untuk menempatkan sebuah ITM di negeri Kedah di tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan pembangunan Pulau Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik, lebih lagi pada tahun ini difahamkan, pada tahun depan sebagai Tahun Petancongan Malaysia dan tahun ini pula Persidangan Komanwel yang diadakan di negara ini, satu acara lawatan telah disusun ke Pulau Mahsuri itu. Tidaklah hanya Kementerian Pelancongan yang kita bebankan untuk memajukan pulau tersebut, seluruh Kementerian harus memberi perhatian. Saya juga mengambil peluang di sini meminta kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya dapat menjadikan pulau tersebut bukan sahaja tempat pelancongan tetapi tempat menjalankan kegiatan sukan. Sebuah stadium perlu diadakan di situ dan juga mengadakan tempat-tempat

latihan untuk belia-belia yang boleh diadakan di pulau tersebut.

Mengalih kepada Kementerian Penerangan, saya tidak lupa mengucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan kerana sejak akhir-akhir ini nampaknya rakyat telah berbangga lesen radio telah pun dihapuskan walaupun Kementerian telah kehilangan lebih \$6 juta. Tahniah saya juga ini mengenai dengan sejak akhir-akhir ini nampaknya peluang rezki kepada para artis kita telah nampak sedikit di kanta TV. Ini bererti ruangan-ruangan dalam filem-filem tempatan telah makin mendapat tempat di TV kita. Tetapi yang tidak menyenangkan saya dan juga sebahagian penduduk kawasan saya dalam program televisyen ini banyak telah memperkenalkan tentang kegiatan-kegiatan "rockers" ini, iaitu penari-penari dairpenyanyi-penyanyi "rock." Penyanyi-penyanyi dan penari-penari rock ini semakin mendedahkan kebudayaan-kebudayaan kuning kepada rakyat, terutama bagi mereka yang tinggal di luar bandar.

Kita dapat menyaksikan betapa mereka tidak lagi mahu menerima akan hakikat kebudayaan-kebudayaan kita, kebudayaan-kebudayaan timur, malahan kebudayaan-kebudayaan kita hanya disimpan dalam khazanah negara sahaja. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Penerangan harus memberi perhatian dalam soal ini supaya jangan anak-anak muda di luar bandar juga terikut-ikut dengan kegiatan-kegiatan liar oleh peminat-peminat rock yang ada di ibukota ini. Kita juga harus waspada dan menjaga supaya jangan maruah bangsa timur ini tercemar daripada kegiatan-kegiatan kebudayaan kuning yang telah masuk bermaharajalela dalam kanta TV kita sendiri. Oleh yang demikian, bapa Menteri ini harus memberi perhatian yang bukan sahaja pandang ringan, tetapi harus diberi perhatian yang begitu berat.

Dalam program televisyen ini saya amat terima kasih kerana ada kegiatan berhubung dengan agama. Sungguhpun program mengenai agama Islam mendapat sambutan yang menggalakkan, namun demikian saya sarankan kepada Yang Berhormat Menteri ini Kementerian Penerangan harus juga mengadakan satu program berhubung dengan ibadat haji yang setahun sekali diadakan itu. Kementerian Penerangan harus membuat liputan yang seluas-luasnya berhubung dengan ibadat haji kerana ibadat haji ini merupakan satu ibadat kepada orang Islam sebagai rukun yang kelima yang harus dibuat liputan semasa. Kalau media massa kita ini dapat menjalankan peranan yang betul mengenai dengan agama, terutama lain-lain perkara selain daripada yang pernah dilakukan, kalau kita adakan coverage berhubung dengan kegiatan jemaah-jemaah haji yang berada di Tanah Suci, maka saya rasa akan lebih mendorong orang-orang Islam akan menunaikan fardhu haji dan dengan sendirinya akan lebih memahami cara-cara mengerjakan haji, apatah lagi dengan kursus-kursus yang diadakan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan lebih berkesan dengan filem yang dibuat semasa ke semasa daripada Tanah Suci. Kalau siaran radio boleh mengadakan "Nidaul Islam" pada tiap-tiap malam, apatah salahnya setahun sekali Kementerian ini membuat coverage berhubung dengan kegiatan yang dilakukan oleh jemaah haji dalam menunaikan fardhu hajinya di Tanah Suci.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Keretapi Tanah Meiyau (KTM) kita. Nampaknya KTM kita dengan iklannya yang sungguh menarik menunjukkan bahawa amat sukar bagi pemandu-pemandu kereta yang bersesak-sesak di jalanraya dan lebih ramailah orang suka menaiki keretapi dan kita nampak pegawai-pegawai di KTM sudah pakai coat dan neck-tie yang baik dan kadang-kadang

kita tidak kenal sama ada dia pegawai ataupun pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan di sini, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada KTM yang telahpun dengan berbagai-bagai usaha untuk memajukan Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ini. Apa yang saya hendak harapkan di sini, memandangkan kepada Ekspres rakyat yang kini mendapat sambutan bagi orang-orang di utara, terutama orang-orang dari Arau, (*Ketawa*) yang hanya mendapat khidmat seminggu 3 kali sahaja. Oleh yang demikian, saya mintalah pihak KTM iaitu Ekspres Langkawi ini dapat memberi perkhidmatannya setiap hari. Dengan ini adalah memberi peluang yang baik kepada mereka yang tinggal di utara untuk datang ke Kuala Lumpur dan ke Selatan.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkasnya, kerana saya ingat masa pun sudah hendak habis. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya, apakah Yang Berhormat tidak ingin meminta kepada Kementerian Pengangkutan supaya ditimbangkan semula perkhidmatan keretapi daripada Arau ke Padang Besar yang sekarang ini telah ditamatkan perkhidmatannya. dengan itu bolehlah kita ada Ekspres Kuala Lumpur-Haadyai, yang lebih menarik? Apakah Yang Berhormat tidak mahu minta lagi, sebab sekarang saya tidak dapat peluang bercakap, Yang Berhormat sedang bercakap, teruskanlah.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. (*ketawa*) Pandangan Ahli daripada Arau itu saya jadikan ucapan saya.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dengan syarikat yang baru kita tubuhkan iaitu Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Syarikat Gergasi ini sungguh kita banggakan, tetapi yang dukacitanya, kalau dulunya belum ada syarikat ini, mudah juga Wakil Rakyat memohon mendapatkan pondok-pondok telefon di luar bandar, tetapi rupa-rupanya sejak ada Syarikat STM ini makin sukar untuk mendapat pondok-pondok telefon di kawasan-kawasan luar bandar. Ini perlu diberi perhatian. (*Tepuk*).

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, apabila kerosakan-kerosakan pondok-pondok telefon yang ada di kawasan luar bandar, kerosakan itu bukan dapat dibaiki dalam masa seminggu, malahan bertahun tidak diperbaiki lagi. (*Tepuk*) Apakah ini satu syarikat yang benar-benar untuk memberi khidmat kepada rakyat, sedangkan di kampung-kampung amat sukar untuk memasang sebuah telefon di rumah kerana kos bayarannya lebih mahal, jauh daripada ibu sawat telefon. Oleh yang demikian, kalau syarikat ini tidak berupaya menjalankan kegiatannya, lebih baik balik semula kepada Kerajaan (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan. Yang Berhormat yang bercakap ini saya minta bukti, sebab di tempat saya perkhidmatan diberi dengan begitu cepat, saya minta seminggu pun sudah dapat. Jadi, saya minta bukti-bukti yang menunjukkan syarikat ini tidak dapat melaksanakan program luar bandar sebagai mana Yang Berhormat sebutkan. Kedua, apakah oleh kerana mereka ini syarikat, mereka sudah tidak hormat lagi kepada Kerajaan, termasuk Lembaga-lembaga Pengarahnya kerana mereka dalam syarikat, jadi mereka ingat mereka boleh buat apa sahaja. Apakah itu benar pada pendapatan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Sebenarnya Syarikat ini sudah melampau. Saya sendiri. . . .

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, biar dia jawab dahulu.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Nanti saya jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia jawab dahulu.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Biar dia jawab dulu!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Saya sendiri pernah kemukakan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah kepada seorang wakil daripada STM tentang rancangan kita membuat pondok-pondok telefon di luar bandar. Dia kata Wakil Rakyat tidak boleh buat apa. Ini adalah kuasa Pegawai Daerah. Saya kata nampaknya makin sudah melampau STM ini. Itu sebab kita kata tarik baliklah—Syarikat ini kita mansuhkan, dan sudah ada banyak kampung-kampung yang kita repot kerosakan, Pengerusi JKR telah memberitahu kepada saya, dalam kawasan saya sendiri ada 20 pondok telefon yang tidak diperbaiki. Saya boleh beri nama dan tempat-tempat itu. Tidak diperbaiki bukan kata sebulan dua, malahan ada yarig lebih setahun.

Tuan Haji Abdul Rahman Bakar: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dan Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya bersetuju dengan dakwaan daripada Yang Berhormat Jerai, kerana di kawasan saya ada berpuluh pondok telefon yang. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Selepas ini saya hendak minta penjelasan, tetapi saya hendak cerita sedikit, iaitu di kampung Surau Panjang sudah 20 tahun lebih, pondok telefon, sekadar 5 batu sahaja daripada bandar tetapi tidak dibuat pondok telefon. Malam tadi mereka hendak mengamuk dan hendak protes mengadakan tunjuk perasaan dengan STM. Adakah ini yang dimaksudkan? Tolong jelaskan sedikit?

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kesihatan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak apa?

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan berkenaan dengan STM.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat daripada STM. (*Ketawa*)

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tidak. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Oh, minta penjelasan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Yang Berhormat, sejauh manakah kebenaran, tindakan dan juga bukti-bukti yang lengkap, pegawai-pegawai yang telah bercakap sedemikian rupa, kerana perkara ini mungkin sekadar di peringkat pegawai sahaja, dan ada ataupun tidak Yang Berhormat memanjangkan perkara ini ke peringkat lebih atas. Sepatutnya kita gunakan rakan-rakan kita yang ada di dalam Lembaga Pengarah. Ada atau tidak Yang Berhormat mengemukakan masalah ini?

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Lembaga Pengarah STM ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Oh, dia Ahli Lembaga Pengarah, (*Ketawa*) saya tidak tahu tadi.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Sebenarnya, saya belum jumpa tagi Lembaga Pengarah ini, kerana wakil Arau beritahu saya dia Ahli Lembaga Pengarah. Saya sudah beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam soal ini. Nampaknya kawasan saya masih lagi dalam keadaan biasa, tidak ada response.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi, mengenai dengan kesihatan luar bandar. Terdapat di kawasan luar bandar ini, klinik-klinik desa dan pusat kesihatan kecil. Di kawasan saya sendiri, malangnya di klinik-klinik desa ini terdapatnya kakak-kakak bidan dan adik-adik bidan di situ yang lampu langsung tidak ada di kawasan luar rumahnya. Keadaan ini selalunya menjadi kecoh. Saya sudah berapa kali mengatakan bahawa patutnya Kementerian Kesihatan mengadakan lampu-lampu di pusat-pusat kesihatan dan juga di klinik-klinik desa ini bagi mereka yang memerlukan bantuan-bantuan bidan, bantuan khidmat daripada jururawat desa di sebelah malam. Di kampung bukan macam di

bandar yang boleh dapat lampu jalan yang mudah. Apatah lagi yang lebih jauh daripada kawasan-kawasan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Sedikit lagi boleh tidak? Satu point lagi, mengenai dengan Majlis Bandaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Satu

point lagi, besok. Yang Berhormat boleh teruskan besok dengan satu minit. Satu point itu teruskan pada hari esok.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Sambung besok, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.